



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 14

Selasa

11 April 2023

K A N D U N G A N

USUL-USUL :

Waktu Mesyuarat dan Urusan	(Halaman	1)
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	95)
Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Bawah P.M. 78(5)	(Halaman	95)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pengangkutan	(Halaman	2)
Awam Darat (Pindaan) 2023	(Halaman	8)
Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan	(Halaman	21)
Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023	(Halaman	68)
Rang Undang-undang Pemansuhan	(Halaman	68)
Hukuman Mati Mandatori 2023	(Halaman	68)
Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati	(Halaman	68)
dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat	(Halaman	68)
(Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023	(Halaman	68)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim [Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali Bin Hj. Mohamad [Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara] (Dilantik)
3. “ Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
4. “ Puan Saraswathy A/P Kandasami [Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi] (Dilantik)
5. “ Tuan Ak Nan A/L Ehtook (Dilantik)
6. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
7. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
8. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
9. “ Datuk Razali Bin Idris (Dilantik)
10. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
11. “ Dato' Sri Ti Lian Ker (Dilantik)
12. “ Tuan Manolan Bin Mohamad (Dilantik)
13. “ Tuan Ir. Md Nasir Bin Hashim (Dilantik)
14. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
15. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
16. “ Puan Susan Chemeraai Anding (Dilantik)
17. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
18. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi Bin Haji Che Salleh (Dilantik)
19. “ Dato' Arman Azha Bin Abu Hanifah (Dilantik)
20. “ Datuk Dr. Azhar Bin Ahmad (Dilantik)
21. “ Datin Ros Suryati Binti Alang (Dilantik)
22. “ Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa (Dilantik)
23. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli (Dilantik)
24. “ Tuan Abun Sui Anyit (Dilantik)
25. “ Tan Sri Dato' Low Kian Chuan (Dilantik)
26. “ Prof. Datuk Seri Dr. Awang Bin Sariyan (Dilantik)
27. Datuk (Dr.) Ras Adiba Binti Mohd Radzi (Dilantik)
28. “ Dato' Sivaraj A/L Chandran (Dilantik)
29. “ Tuan Mohd Hasbie Bin Muda (Dilantik)
30. “ Dato' Haji Husain Bin Awang (Terengganu)
31. “ Puan Noorita Binti Sual (Dilantik)
32. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead (Dilantik)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 33. | Yang Berhormat | Tuan Haji Hussin Bin Ismail (Terengganu) |
| 34. | | Tuan Haji Aziz Bin Ariffin (Perlis) |
| 35. | | Tuan Seruandi Bin Saad (Perlis) |
| 36. | “ | Dato’ Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 37. | “ | Dato’ Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 38. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 39. | “ | Dato’ Haji Jefridin Bin Haji Atan (Johor) |
| 40. | “ | Dr. Hajah Wan Martina Binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 41. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir Bin Haji Idris (Kedah) |
| 42. | “ | Tuan Musoddak Bin Ahmad (Kedah) |
| 43. | “ | Dato’ Ajis Bin Sitin (Pahang) |
| 44. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 45. | “ | Dato’ Shamsuddin Bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 46. | | Dato’ Juhanis Binti Abd Aziz (Pahang) |
| 47. | “ | Dato’ Ahmad Bin Dato’ Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 48. | “ | Puan Noraini Binti Idris (Sabah) |
| 49. | “ | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 50. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 51. | “ | Dr. Lingeshwaran A/L Dato’ Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 52. | ” | Tuan Amir Bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 53. | “ | Tuan Isaiah A/L D. Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 54. | “ | Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 55. | “ | Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Bin Hj. Abdullah (Dilantik) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|--|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | “ | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | “ | Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd Kadir [Menteri Luar Negeri] |

AHLI TIDAK HADIR (*samb/-*)

4. Yang Berhormat Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup] (Dilantik)
5. “ Tuan Muhammad Zahid Bin Md Arip (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)

**TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

1. Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
2. “ Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
3. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)
4. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi Bin Mohamad (Kelantan)
5. “ Dato' Sri Anifah Bin Aman @ Haniff Amman (Wilayah Persekutuan Labuan)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu [Menteri Sumber Manusia] (Batu Gajah)
2. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Bukit Gelugor)
3. “ Datuk Ugak Anak Kumbong [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas)] (Hulu Rajang)
4. “ Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan] (Limbang)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Selasa, 11 April 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.03 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kesatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Siapakah yang menyokong?

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi hendaklah dipersetujui

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.” **[10 April 2023]**

10.05 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya pada pagi ini akan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator dalam perbahasan semalam

Pertamanya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato’ Dr. Nelson a/l Renganathan iaitu tentang lesen PSV bagi *p-hailing*, jumlah penggiat sehingga 31 Oktober. Berapakah penggiat *p-hailing* yang diluluskan APAD? Berapakah tempoh yang diambil APAD untuk menyelesaikan permohonan prosedur pengambilan lesen? Penalti dan tindakan yang dikenakan sekiranya penunggang *p-hailing* melanggar peraturan.

Ada sepuluh soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Justeru itu, berkaitan juga dengan lesen khas *p-hailing*. Adakah lesen khas *p-hailing* mempunyai tempoh luput? Caj yang dikenakan. *Rationality* kelas induksi latihan bagi pengambilan lesen khas. Rasional pemantauan baharu seperti lesen khas sedangkan telah dipantau oleh operator dan juga iaitu soalan tentang, tindakan *check and balance* APAD untuk memantau tindak tanduk aduan orang ramai.

Sebagai jawapannya, tiada rekod yang sahih mengenai jumlah perniagaan *p-hailing* pada masa ini. Ini kerana industri berkenaan masih belum dikawal selia pada masa ini. Maklumat berkenaan akan hanya dapat diperoleh setelah industri ini dikawal selia oleh MOT dan agensi-agensinya. Proses permohonan dan peraturan akan setara seperti mana ditetapkan kepada perniagaan *e-hailing* pada masa ini. Namun, peraturan dan syarat akan dimuktamadkan setelah punca kuasa mengenai kawal selia ini diperuntukkan di bawah Akta 715 dengan mengadakan sesi libat urus dengan pihak syarikat terbabit.

Satu lagi ialah jawapan iaitu berkenaan dengan, peraturan di jalan raya. Penunggang akan tertakluk kepada semua peraturan jalan raya di bawah Akta 333 dan boleh diambil tindakan berdasarkan peruntukan sedia ada dalam akta tersebut. Perkara berkaitan tempoh sah laku dan caj akan dimuktamadkan selepas punca kuasa di bawah akta ditetapkan dan akan dimaklumkan kemudian. Lesen Vokasional merupakan syarat wajib di bawah Akta 333.

Keperluan adalah sama seperti sebelum ini, termasuk memastikan penunggang memahami industri, peraturan dan skop kerja yang akan dilakukan demi memastikan tahap kualiti perkhidmatan kepada orang ramai akan mematuhi peraturan jalan raya juga.

Satu perkara lagi adalah tentang mematuhi peraturan sedia ada. Ia dilaksanakan bagi memastikan semua pihak mematuhi peraturan sedia ada. Elemen undang-undang tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak syarikat dan hanya oleh agensi yang dipertanggungjawabkan di bawah akta. Pemantauan akan dilaksanakan kelak setelah industri ini dikawal selia dan punca kuasa diwujudkan di bawah Akta 715 iaitu berkenaan dengan *check and balance* APAD ini. Ada persoalan penghabisan iaitu tentang apakah APAD akan melaksanakan audit berkala? Jadi, ia samalah. Ia akan dilaksanakan setelah punca kuasa ini diwujudkan.

Seterusnya ialah persoalan perbincangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob. Pertama, Yang Berhormat menanyakan apakah tindakan secepat mungkin bagi penyediaan bas di lokasi jauh dari bandar? Kita ambil maklum dengan cadangan ini dan akan dikaji lebih lanjut di bawah Program Bas Henti-henti sedia ada. Seterusnya, persoalan yang dibangkitkan iaitu cadangan bagi menambah baik fasiliti golongan OKU di stesen pengangkutan awam. Perkara ini juga akan diambil maklum dengan cadangan ini dan akan dikaji juga lebih lanjut lagi di bawah Program Bas Henti-henti yang sedia ada.

Ketiganya, persoalan yang dibangkitkan cadangan untuk memberi diskaun terhadap golongan OKU yang menggunakan perkhidmatan *e-hailing*. Kita juga mengambil maklum tentang perkara ini dan akan diteliti dengan lebih lanjut dan berbincang, libat urus bersama dengan pihak-pihak penyedia perkhidmatan.

■1010

Perkara yang dibangkitkan seterusnya oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim. Pertama ialah tentang pelaksanaan GDL. Adakah kementerian telah melaksanakannya? Seperti dimaklumkan lesen vokasional adalah wajib di bawah ketetapan Akta 333 kepada semua pemandu atau penunggang atau kelindan pemandu-pemandu kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan.

Satu lagi ialah tentang adakah kerajaan berhasrat memantapkan syarat terhadap pengendali *p-hailing* bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku kepada penunggang *p-hailing*. Memang benar, sememangnya inilah hasrat penetapan peraturan, undang-undang ini dan pengawalseliaan perkhidmatan *p-hailing* bagi memastikan aspek kelestarian dan daya saing perniagaan seterusnya menjaga kebajikan serta keselamatan penunggang terbabit.

Satu lagi soalan dibangkitkan ialah adakah MOT akan mengenakan syarat yang ketat bagi kenderaan asing agar dapat membendung masalah pelanggaran peraturan oleh

kenderaan asing di Malaysia? Semua kenderaan perdagangan asing yang memasuki Malaysia akan tertakluk kepada semua peraturan sedia ada di bawah Akta 333.

Satu lagi ialah cadangan di-link-kan dengan sistem PBT agar dapat melaksanakan peraturan menyelesaikan isu tunggakan saman. Cadangan Yang Berhormat ini diambil maklum dan perkara ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dengan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan. Ini kerana tempat ini bukannya semua ia berkaitan terutama dengan daerah-daerah ataupun kawasan-kawasan di sempadan.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang. Sejauh manakah persediaan penguatkuasaan undang-undang terhadap kenderaan berat asing? Apakah mekanisme dan kawalan bagi menangani isu ini? Peraturan ini akan dikuatkuasakan dengan menggunakan sistem caj jalan dan permit kemasukan kenderaan motor asing yang telah dipasang dan dikuatkuasakan di dua pintu masuk negara kita iaitu Malaysia-Singapura. Sistem sama akan dipasang dan dikuatkuasakan di sempadan darat Malaysia-Thailand dan kelak dengan Indonesia serta Brunei.

Keadaan kawalan melalui pemantauan semasa kenderaan memasuki sempadan negara dan semasa berada di atas jalan. Bagi spesifikasi kenderaan perdagangan yang akan memasuki negara ini, semua Negara Pejanji telah bersetuju dengan protokol tiga dan empat di bawah kerangka perjanjian tersebut yang berkaitan dengan spesifikasi kenderaan. Justeru, kenderaan perdagangan asing yang akan dibenarkan memasuki negara perlu mematuhi spesifikasi yang telah pun ditetapkan.

Selain itu, semua kenderaan barangan asing perlu mematuhi semua perundangan negara termasuk berkaitan pengangkutan barangan dan undang-undang jalan raya. Penguatkuasaan terhadap kenderaan-kenderaan ini akan menggunakan prosedur yang sama sebagaimana yang dikuatkuasakan ke atas kenderaan barangan tempatan.

Seperkara lagi yang dibangkitkan isu saman tertunggak oleh kenderaan asing yang melanggar peraturan di jalan raya di Malaysia. Isu saman telah dijawab mengenai perkara yang sama dan akan dilaksanakan melalui proses penguatkuasaan yang sedia ada. Ada juga yang dibangkitkan lagi ialah tentang apakah disediakan apa-apa bentuk inisiatif bantuan terhadap pemandu bas persiaran? Pada waktu ini tiada sebarang inisiatif yang diadakan.

Satu persoalan lagi ialah tentang kenderaan sapu. Adakah ia akan dikawal selia dan dilesenkan oleh APAD seperti yang banyak berlaku di sempadan? Memang benar perkara ini akan dilaksanakan setelah punca kuasa bagi tujuan mengawal selia kenderaan perdagangan asing diwujudkan di bawah Akta 715.

Tentang kes penyeludupan minyak di samping isu pengubahsuaian kenderaan berat untuk aktiviti seludup ini. Kita mengambil maklum tentang perkara ini, namun isu penyeludupan minyak ini adalah di luar skop Akta 333 dan di luar skop pindaan kepada Akta

715 ini. Namun, MOT dan juga JPJ senantiasanya bekerjasama dengan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi menangani isu terbabit.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit iaitu apakah tindakan MOT bagi menangani isu manipulasi sistem operator yang dibuat oleh operator yang dilihat sebagai menindas pendapatan yang dijana penunggang *p-hailing*? Isu-isu yang dibangkitkan diambil maklum dan merupakan perkara yang menjadi asas kenapa kerajaan mengambil keputusan untuk mengawal selia industri berkenaan. Perkara-perkara terbabit akan kelak dikawal selia oleh pihak APAD.

Seterusnya ialah bagaimana MOT membantu kenderaan di kawasan yang tidak memiliki infrastruktur jalan yang baik? Kita mengambil maklum mengenai perkara ini Yang Berhormat, namun ia di luar skop pindaan ini juga, di bawah Akta 715 ini. Syor Yang Berhormat akan diteliti dengan lebih lanjut kelak. MOT bersama dengan kementerian yang lain yang berkaitan dengan jalan raya dan juga ada yang disebut semalam berkaitan dengan telekomunikasi ini.

Seterusnya ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali iaitu apakah kaedah kerajaan meringankan beban golongan *rider*? Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu diberi perhatian oleh kementerian. Perkara ini akan diteliti dengan lebih terperinci kelak melibatkan pihak syarikat penyedia perkhidmatan dan penunggang bagi meneliti isu sebenar yang berbangkit dan mencari jalan penyelesaian terbaik melibatkan perkara tersebut.

Adakah pemandu akan terbeban dengan GDL? Syarat lesen vokasional ini adalah kewajipan kepada semua pemandu atau penunggang kenderaan perkhidmatan awam dan barangan sedia ada dan yang akan datang. MOT akan mengambil langkah bagi memastikan proses mendapatkan lesen vokasional akan dipermudahkan. Seperti yang telah diumumkan pada pagi semalam dalam *press release* Yang Berhormat Menteri MOT, salah satu penambahbaikan adalah dengan pemansuhan ujian teori dan membenarkan proses kelas teori dilaksanakan secara atas talian.

Seterusnya ialah perkara berkaitan sejauh mana maklum balas rakyat terhadap digitalisasi JPJ? Pada masa ini, maklum balas yang diterima adalah positif termasuk mengandungi cadangan-cadangan bagi menambah baik skop perkhidmatan disediakan. Semua input akan diterima dan diambil kira dalam menambah baik inisiatif pendigitalan JPJ ini.

Seterusnya ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan. Apakah cadangan untuk membina LRT di Johor Bahru (JB) bagi melancarkan pergerakan kenderaan dan mengurangkan kesesakan jalan? Kita mengambil maklum akan cadangan yang baik tersebut.

Keduanya ialah isu penggunaan *p-hailing* selain motosikal. Apakah pengawalseliaan dari sudut undang-undang bagi jenis kenderaan ini? Seperti dimaklumkan hanya kenderaan motor yang telah berdaftar dan dilesenkan sahaja akan dibenarkan digunakan sebagai kenderaan *p-hailing*. Apakah MOT akan mewajibkan GDL? Sudah tentu syarat lesen vokasional merupakan syarat wajib bagi mana-mana individu yang akan bekerja sebagai pemandu ataupun penunggang kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan.

Tentang apa inisiatif kementerian bersama pengendali perkhidmatan *p-hailing* agar dapat menyelesaikan isu penindasan. Perkara yang sama juga telah dibangkitkan tadi, perkara ini pastinya akan dibincangkan kelak bersama semua pihak terbabit bagi mengatasi isu yang berbangkit ini.

Adakah MOT berpandangan untuk menetapkan gaji minimum bagi kenderaan *p-hailing* ini? Tiada terdapat perancangan untuk pengawal selia skop berkenaan pada masa ini kerana ia membabitkan banyak kementerian yang lain.

Seterusnya ialah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Sejauh manakah MOT memandang serius akan penunggang *p-hailing* yang berisiko terlibat kemalangan? Sememangnya MOT dan agensi mengambil berat akan isu keselamatan ini. Inilah merupakan objektif pengawalseliaan industri ini. Program advokasi, kempen keselamatan yang memberi fokus kepada penunggang *p-hailing* juga akan dilaksanakan pada tahun lepas, tahun 2022.

■1020

Bagaimanakah kerajaan pastikan operator tidak menekan penunggang? Isu-isu yang dibangkitkan diambil maklum dan merupakan perkara yang menjadi asas kenapa kerajaan mengambil keputusan untuk mengawal selia industri yang berkenaan yang sangat giat berkembang pada masa ini. Di bawah skop pengawalseliaan dan pelesenan aspek seperti syarat pengoperasian dan penyediaan perkhidmatan serta aspek kebajikan pemandu akan turut diberi perhatian oleh APAD.

Satu lagi isu ialah tentang adakah SKSPS benar-benar melindungi dan menjaga kebajikan penunggang. Inilah tujuan SKSPS sebenarnya bagi melindungi kebajikan penunggang dan warisnya. Antara faedah perlindungan SKSPS iaitu faedah perubatan, faedah hilang upaya sementara, faedah hilang upaya kekal, faedah orang tanggungan, kemudahan pemulihan jasmani, vokasional dan faedah pendidikan.

Seterusnya ialah tentang apakah kerajaan perlu gesa operator turut sama jaga kebajikan penunggang? Pihak syarikat sememangnya akan diminta untuk bersama-sama melindungi kebajikan penunggang ini.

Seterusnya ialah apakah kerajaan perlu tetapkan kadar upah lantai bagi elakkan harga upah tidak jatuh sesuka hati? Cadangan ini diambil maklum dan akan dibincangkan dengan

lebih lanjut dengan pihak syarikat di bawah skop pengawalseliaan perkhidmatan *p-hailing* kelak demi menjaga kebajikan penunggang.

Terakhir, perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Bagaimana persediaan JPJ di CIQS Baleh, Kapit apabila jalan sudah bersambung dengan Nusantara kelak iaitu ibu negara Indonesia yang baharu? Perancangan pembangunan Nusantara memang telah diambil maklum dan pihak JPJ akan merancang keperluan di peringkat operasi dan keperluan sumber manusia bagi tujuan menerima kemasukan jumlah besar kenderaan pendaftaran negara Indonesia ke Sarawak dan Sabah.

Keduanya ialah bagaimana kuasa Menteri untuk membuat peraturan supaya tidak bercanggah dengan peraturan negara lain. Dalam merangka peraturan melibatkan dua buah negara berjiran, konsep yang ditekankan merupakan konsep timbal balas dan keseragaman peraturan.

Namun apa-apa peraturan yang akan ditetapkan akan pertamanya memberi keutamaan kepada aspek kedaulatan, kepentingan dan keperluan negara terlebih dahulu. Setelah itu semua peraturan yang akan ditetapkan akan dimaklumkan kepada pihak negara lain dan sekiranya terdapat perkara berbangkit akan dibincangkan di antara kedua belah pihak berdasarkan prinsip kerjasama sedia ada. Perkara yang terakhir dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu tentang apakah cabaran perjanjian AFAFGIT, ini *short-form...* [Ketawa] Adakah mendatangkan lebih keberuntungan kepada negara atau sebaliknya?

Antara cabaran utama ialah bagi memastikan setiap negara anggota ASEAN yang mempunyai kerangka perundangan yang berbeza dapat mengharmonikan prosedur untuk memudahkan pergerakan kenderaan perdagangan merentas sempadan demi menyokong aktiviti perdagangan. Kemudahan merentas sempadan ini dapat memberi manfaat kepada pemain logistik tempatan daripada segi penjimatan masa, pengurangan kos, menjalankan perniagaan dan memastikan kestabilan rantai bekalan barangan melalui mod pengangkutan darat di rantau ASEAN ini.

Itu saja yang dibangkitkan oleh sembilan orang Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator sekalian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, di sokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (PINDAAN) 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.27 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Bismillahi Rahmani Rahim. Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan [Akta 334] pula telah mula berkuat kuasa mulai tahun 1987. Objektif utama Akta 334 adalah untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia kenderaan perdagangan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta 334 ini terpakai hanya di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kali terakhir Akta 334 dipinda adalah pada tahun 2017. Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017 bertujuan untuk meminda Akta 334 bagi mengawal selia pelesenan perniagaan pengantaraan dan mengadakan peruntukan bahawa kenderaan *e-hailing* hendaklah menjadi sebuah kenderaan perkhidmatan awam tertakluk kepada lesen perniagaan pengantaraan yang dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan pindaan Akta 334 pada tahun 2023 adalah bertujuan untuk melaksanakan keputusan-keputusan kerajaan dalam hal melibatkan pertama, pengawalseliaan suatu perkhidmatan kenderaan barangan termasuk yang menggunakan motosikal yang disediakan menerusi satu perniagaan perantaraan ataupun perkhidmatan *p-hailing*. Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mewujudkan punca kuasa bagi mengawal selia dan menetapkan peraturan pelesenan bagi perkhidmatan berkenaan di bawah Akta 334.

■1030

Kedua, mewujudkan punca kuasa di bawah Akta 334 bagi memenuhi obligasi dan melaksanakan komitmen kerajaan di bawah beberapa perjanjian multilateral peringkat antarabangsa yang melibatkan peredaran antarabangsa mana-mana kenderaan perdagangan.

Pindaan akan memperuntukkan punca kuasa kepada menteri untuk mengawal selia, melesenkan dan menetapkan peraturan ke atas perkhidmatan kenderaan perdagangan yang didaftarkan di negara asing untuk beroperasi di dalam Malaysia serta yang didaftarkan dalam Malaysia untuk beroperasi dalam wilayah negara asing. Ini termasuk menurut kepada apa-apa kuasa atau tertakluk kepada peruntukan mana-mana perjanjian antarabangsa yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia sebagai negara pejanji.

Secara keseluruhannya, pindaan Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023 akan mengandungi tujuh fasal yang merangkumi cadangan pindaan utama ke atas Akta 334 seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan takrif baharu “kenderaan *p-hailing*” dan untuk memasukkan “kenderaan *p-hailing*” ke dalam takrif “perniagaan pengantaraan”.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan subseksyen (7) ke dalam seksyen 14 Akta 334 untuk memperuntukkan bahawa kenderaan *p-hailing* hendaklah menjadi kenderaan barangan yang tertakluk kepada suatu lesen kenderaan perniagaan pengantaraan yang dikeluarkan di bawah Bahagian IVA.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda sub perenggan 21A(1)(b)(i) Akta 334 untuk menjadikan jumlah sukatan barangan sebagai sebahagian daripada dokumen yang disertakan bagi pembaharuan lesen.

Fasal 5 bertujuan untuk mewujudkan satu bahagian baharu iaitu Bahagian IVB ke dalam Akta 334 bagi memberi menteri kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi memudahkan peredaran antarabangsa mana-mana kenderaan perdagangan menurut mana-mana perjanjian antarabangsa.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 34(2) Akta 334 untuk mengecualikan kenderaan *p-hailing* daripada pemakaian seksyen 34.

Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi peralihan.

Lain-lain pindaan yang tidak dinyatakan secara khusus bagi akta ini adalah merupakan pindaan bersifat editorial dan *consequential* susulan kepada pindaan-pindaan utama.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekali, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah amat penting atas keperluan-keperluan pelaksanaan perkhidmatan *p-hailing* dan pengoperasian pergerakan kenderaan pengangkutan awam merentas sempadan

terutamanya dalam mewujudkan punca kuasa dan penyeragaman peraturan. Dengan pelaksanaan pindaan ini, semua pelaksanaan fungsi dan ketetapan dasar akan teratur daripada segi undang-undang.

Sehubungan itu, saya dengan rendah hati memohon supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan ini dapat diluluskan di Dewan yang mulia ini demi menjaga kebajikan terutamanya kepada golongan muda dan golongan yang bekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, sesiapa yang menyokong?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai lima orang ahli yang hendak berbahas. Maka, untuk menyelaraskan masa serta penyampaian, masing-masing diberi selama lima minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

10.35 pg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk ambil bahagian dalam rang undang-undang ini.

Berdasarkan statistik yang diterbitkan oleh Institut Penyelidikan Jalan Raya Malaysia (MIROS) pada tahun 2020, sebanyak 70 peratus daripada penunggang *p-hailing* menunggang motosikal mereka secara berbahaya ketika waktu puncak. Perkara tersebut mendedahkan mereka dengan risiko kemalangan jalan raya yang boleh mengakibatkan kemalangan jiwa penunggang mahupun pengguna jalan raya yang lain.

Justeru, saya menyambut baik hasrat Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang telah menyatakan hasrat untuk melaksanakan latihan keselamatan jalan raya bagi penggiat *p-hailing* di negara ini. Pelaksanaan tersebut bukan sahaja mampu menarik minat anak muda untuk menceburi sektor *p-hailing* sebagai kerjaya separuh masa, malah ia juga boleh mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang melibatkan penggiat sektor tersebut.

Statistik kemalangan jiwa yang melibatkan penunggang *p-hailing* sungguh merisaukan. Pada tahun 2020 sahaja, kira-kira seramai 17 kes kematian melibatkan penunggang *p-hailing* dicatatkan. Jumlah tersebut tidak termasuk penunggang yang cedera parah atau cedera ringan.

Berhubung dengan perkara tersebut, saya ingin membangkitkan beberapa persoalan untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti berikut.

Pertama, apakah konsep atau model latihan yang akan diaplikasikan dalam pelaksanaan latihan keselamatan tersebut?

Kedua, adakah latihan keselamatan tersebut melibatkan usaha sama Jabatan Pengangkutan Jalan atau mana-mana agensi Kementerian Pengangkutan selain daripada MIROS? Jika ya, apakah peranan yang akan dimainkan oleh setiap agensi yang terlibat dalam pengendalian kursus tersebut?

Ketiga, berapa anggaran bagi kos yang akan dibelanjakan secara tahunan melaksanakan latihan tersebut secara lestari?

Keempat, selain aspek keselamatan, adakah pelaksanaan latihan tersebut turut menumpukan aspek kualiti perkhidmatan yang antaranya merangkumi etika komunikasi yang boleh meningkatkan lagi keterampilan para penunggang *p-hailing*?

Dan kelima, berapakah jumlah penggiat *p-hailing* setakat Februari 2023? Saya juga minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kadar kemalangan maut yang melibatkan penggiat *p-hailing* pada tahun 2021 dan 2022.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sedikit. Mohon izin Yang Berhormat Senator.

Kita sepanjang dua, tiga hari ini, dua hari ini, kita bercakap tentang perlakuan penunggang *e-hailing*. Saya semalam melihat satu rungutan yang banyak daripada penunggang *e-hailing*. Mereka juga sebenarnya berlaku demikian, sanggup berhujan, berpanas dan beribut mengejar waktu kerana ditekan oleh pengurusan *e-hailing*. Jadi, kita semacam terlupa pihak lain yang menyebabkan penunggang *p-hailing* berlaku demikian. Boleh juga kita tekankan supaya dikuatkuasakan peraturan kepada pelaksana program *p-hailing*. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Saya mohon soalan itu dimasukkan dalam perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Disekalikan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Saya pohon soalan itu dimasukkan dalam perbahasan saya. Akan tetapi, kebanyakan kemalangan ini- saya sebagai pengamal undang-undang yang buat kes-kes kemalangan, saya sendiri ada sebanyak lima kes di Melaka yang melibatkan *p-hailing*, tiga di Terengganu, dan sebanyak empat atau lima di Seremban, yang semua melibatkan *p-hailing*. Siasatan polis menunjukkan bahawa kesalahan adalah daripada mereka. So, itulah saya mohon suatu kursus yang amat baik dilaksanakan untuk mereka, sebab bukan sahaja mereka yang cedera tetapi pengguna-pengguna yang lain.

■1040

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih. Saya juga difahamkan bahawa wakil mereka yang menyerahkan apa yang dipanggil sebagai memorandum tuntutan kepada wakil operator *p-hailing* tersebut. Rentetan daripada serahan memorandum itu, pihak *Grab* Malaysia telah mengeluarkan kenyataan penafian. Dalam kenyataan tersebut, operator perkhidmatan *p-hailing* itu menjadikan dakwaan bahawa pengurangan caj penghantaran seperti yang dikemukakan bersifat sengaja. *Grab* juga mengakui bahawa masalah tersebut hanya disebabkan masalah teknikal atau keralatan- *error* yang dihadapi oleh sistem yang digunakan. Apa pun alasan atau penafian yang dinyatakan oleh syarikat pengendali *p-hailing*, saya tetap berasa setuju sesuatu yang tidak kena dengan kelolaan sistem caj yang dilaksanakan terhadap penunggang.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya. Saya mohon menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati binti Alang.

10.41 pg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 2023. Rang undang-undang di hadapan kita ini antaranya mengenai peruntukan bagi mengawal selia kenderaan perdagangan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta 334 ini hanya terpakai bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Oleh sebab itu, saya hanya akan menyentuh beberapa perkara sahaja mengenai rang undang-undang ini.

Pertama, mengenai syarat had muatan sebagai syarat pembaharuan lesen. Pindaan kepada subperenggan 21A, Akta 334 di mana adalah bertujuan untuk menjadikan jumlah sukatan barangan atau had berat muatan kenderaan perdagangan sebagai sebahagian daripada dokumen yang disertakan bagi pembaharuan sesuatu lesen. Ini bermakna pemilik kenderaan barangan akan diwajibkan mengemukakan had berat barangan yang akan dibawa di dalam kenderaan barangannya tertakluk kepada had BDM iaitu berat dalam muatan kenderaan tersebut. Walaupun kementerian sudah mempunyai peruntukan ini, namun saya melihat banyak lori besar masih lagi membawa muatan melebihi had, seterusnya melanggar peraturan yang sedia ada dalam rang undang-undang ini.

Soalan saya mudah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu sejauh mana pemantauan terkini dengan kelengkapan sedia ada bagi memastikan lori-lori besar ini benar-benar mematuhi undang-undang. Adakah kementerian boleh menerima pakai aduan atau laporan oleh *netizen* yang tular di media sosial, dan nombor plat lori tersebut dapat dilihat dan dikesan melalui tangkap layar atau rakaman video mudah alih? Bolehkah tindakan diambil

terhadap pemandu dan syarikat lori tersebut atau ada kekangan akta atau syarat yang mengganggu pihak berkuasa untuk mengambil tindakan?

Seterusnya, memandangkan perayaan Hari Raya Syawal akan tiba tidak lama lagi, isu yang sering bermain atau berlegar dalam berita akbar iaitu isu kemalangan jalan raya yang tinggi pada musim perayaan. Saya difahamkan kenderaan-kenderaan perdagangan mempunyai tarikh-tarikh atau waktu tertentu yang tidak dibenarkan bergerak di atas lebuh raya dan sebagainya ketika musim perayaan. Namun begitu, kemalangan atau kes-kes kesalahan jalan raya yang melibatkan kenderaan berat masih tinggi dan berada pada tahap yang membimbangkan.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan agar mempertingkatkan lagi kempen keselamatan jalan raya dan mengadakan operasi khas khususnya apabila tiba hari-hari perayaan atau cuti umum, seterusnya mengambil langkah-langkah yang lebih ketat ke atas sebarang pelanggaran undang-undang oleh kenderaan berat. Saya juga ingin tahu mengenai tahap kerjasama yang bakal dilaksanakan kementerian dengan pihak berkuasa yang lain seperti polis dan JPJ bagi memantau kenderaan-kenderaan berat di atas jalan raya, khususnya lebuh raya utama negara.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya bahaskan. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Terima kasih kembali. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Sila Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz.

10.45 pg.

Dato' Juhanis binti Abd Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga tidak mengambil masa yang panjang. Cuma, dua perkara sahaja yang akan saya sebutkan di sini.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2023. Saya faham RUU ini adalah untuk bidang kuasa Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan. Namun, isunya berkisar tentang perkara yang sama dengan pindaan RUU Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2023 sebentar tadi, iaitu mengenai pengawal selia suatu perkhidmatan kenderaan barangan dan kenderaan perdagangan.

Pertamanya, perkhidmatan *p-hailing* sebagai kenderaan barangan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pindaan fasal 3, bertujuan untuk memasukkan seksyen 7 ke dalam seksyen 14 Akta 334 untuk memperuntukkan bahawa kenderaan *p-hailing* hendaklah menjadi kenderaan barangan yang tertakluk kepada satu- lesen perniagaan pengantaraan yang dikeluarkan di bawah Bahagian IV_A. Kenderaan barangan bermaksud

mana-mana kenderaan motor yang dibina atau disesuaikan untuk digunakan bagi membawa barangan, iaitu untuk membawa barangan dari satu- tempat, ke satu- tempat yang lain. Saya difahamkan setakat ini, mana-mana kenderaan barangan yang didaftarkan dan dilesenkan dengan BDM 7,500 kilogram ke bawah dispesifikasikan sebagai kenderaan barangan *de-controlled* dan dihadkan, hanya dibenarkan untuk membawa barangan milik sendiri sahaja iaitu barang perniagaan pemilik kenderaan tersebut sahaja.

Jadi, apabila kementerian ingin menjadikan kenderaan yang digunakan untuk *p-hailing* sebagai kenderaan barangan, termasuk motosikal, adakah mereka juga dikategorikan sebagai kenderaan barangan *de-controlled*? Selain itu, saya harap kementerian akan mempertimbangkan untuk mengurangkan harga cukai jalan terutamanya bagi kenderaan *p-hailing* meskipun apabila didaftarkan sebagai kenderaan perdagangan.

Kenderaan perdagangan di luar yang merentas sempadan. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyentuh pindaan fasal 5 yang bertujuan untuk mewujudkan suatu bahagian baharu iaitu Bahagian IV_B di dalam Akta 334, bagi memberi Menteri kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi memudahkan peredaran antarabangsa, mana-mana kenderaan perdagangan menurut mana-mana perjanjian antarabangsa.

Seperti yang disebutkan tadi, Perjanjian *ASEAN Framework Agreement on Facilitation of Goods in Transit* dan *ASEAN Framework Agreement on the Facilitation of Inter-State Transport* secara dasarnya menunjukkan kesepakatan kesemua negara ini untuk memudahkan urusan pergerakan kenderaan pengangkutan awam darat merentas sempadan, sekali gus menyokong dan merancakkan pembangunan ekonomi serantau.

Oleh itu, saya yakin pindaan ini selari dengan objektif tersebut. Pemberian permit kenderaan rentas sempadan ASEAN kepada kenderaan barangan yang berdaftar di negara masing-masing ini membolehkan kenderaan-kenderaan membawa barangan merentas sempadan.

Saya percaya dengan adanya permit ini urusan membawa masuk barangan merentas sempadan akan lebih mudah dan menurunkan kos logistik sekali gus mampu menurunkan kos operasi dan memantapkan rangkaian bekalan negara. Itu sahaja daripada saya. Saya pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali.

Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit. Ini yang akhir.

■1050

10.50 pg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan-rakan Yang Berhormat Senator sekalian. Kali ini kita membincangkan tentang undang-undang ataupun rang undang-undang yang melibatkan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Jadi ini saya percaya ada kaitannya dengan negara Brunei dan Indonesia.

Seperti yang telah dijelaskan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi di mana kita ada perjanjian antarabangsa dengan negara-negara yang berjiran dengan kita. Persoalan yang saya ingin sampaikan kepada kementerian ini adalah adakah kerajaan ataupun kementerian ini mempunyai hubungan yang rapat dan akrab dengan menteri-menteri yang berkaitan sama ada dari Indonesia dan juga Brunei. Ini bagi mengelakkan kita bertepuk sebelah tangan apabila kita menggubal undang-undang tetapi pada masalahnya nanti apabila kita implementasi- melaksanakannya maka anak-anak kita ataupun pihak yang terlibat dalam *e-hailing* ataupun *p-hailing* ini mereka akan menghadapi masalah apabila memasuki negara yang berjiran dengan kita.

Justeru itu saya menyarankan supaya kerajaan kita ataupun menteri yang berkaitan mesti mempunyai satu jadual ataupun hubungan yang akrab supaya setiap undang-undang yang kita luluskan di Dewan Negara ini ataupun di Dewan Parlimen akan dilaksanakan dengan baik supaya kita jangan tepuk sebelah tangan dan tidak dapat dilaksanakan.

Jadi, justeru itu adakah menteri ataupun kementerian boleh membekalkan kepada kita apakah perjanjian-perjanjian yang telah dimaksudkan tadi supaya kita sama-sama menilai sekiranya ada masalah pada masa depan kita sama-sama memikirkan bagaimana mengatasinya iaitu undang-undang antarabangsa yang dikaitkan dengan rang undang-undang ini.

Jadi, kita percaya *p-hailing* ini banyak melibatkan anak muda. Jadi, saya sangat bersetuju dengan ada undang-undang atau punca kuasa yang memberi peluang kepada anak-anak muda kita untuk terlibat dalam pekerjaan begini walaupun dikatakan separuh masa ada yang mengadakannya sepenuh masa. Kalau ia benar-benar mendatangkan pendapatan yang baik kepada penggiat *p-hailing* ini saya cadangkan supaya satu kaedah dan satu pemantauan yang baik dilaksanakan supaya tidak ada anak-anak kita yang menjadi mangsa apabila mereka daripada segi penggajiannya, daripada segi cara kerjanya supaya mereka tidak dipaksa untuk terlalu laju di jalan raya sehingga menjejaskan dan membahayakan nyawa mereka.

Jadi, saya tidak panjang dalam membincangkan perkara ini kerana ia melibatkan Sabah, Sarawak dan Labuan. Persoalan saya adalah...

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Orang depan belakang bertanya antara satu sama lain, boleh jugalah.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: *[Ketawa]* Bukan berpakat Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Disebutkan tadi bahawa undang-undang ini adalah atas hubungan kita dengan Brunei dan Indonesia. Kenapa kita tidak panjangkan kepada negara Singapura contohnya. Walaupun ia pulau tetapi kita ada hubungan darat atau sememangnya kita sudah ada satu peraturan yang berbeza ataupun adakah kerana tidak perlu atas apa-apa halangan kerana hubungan dua buah negara ini dalam isu yang dibincangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu elok diinkorporasikan dalam bentuk jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kemudian.

Tuan Abun Sui Anyit: Tuan Yang di-Pertua, masukkan juga soalan berkenaan ddalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Abun Sui Anyit: Itulah yang saya ingin katakan tadi. Persoalan saya kepada kementerian ini ataupun kepada kerajaan kenapa ada perbezaan antara undang-undang ini dengan yang diamalkan di kawasan kita juga, negara kita di Semenanjung. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan ini, sama ada kita perlu adakan satu undang-undang yang menyeluruh di seluruh negara? Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit.

Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat gulungan dan jawapan.

10.55 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Haji Hasbi bin Habibollah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas ada tujuh perkara yang dibangkitkan. Apa konsep dan modul latihan yang diaplikasikan dalam latihan *p-hailing* tersebut yang di-*mention*, yang telah pun disebut.

Untuk makluman, MOT bersama MIROS telah merangka satu- draf kurikulum atau silibus pembelajaran bagi mendapatkan Lesen Vokasional bagi melibatkan penunggang *p-hailing*. Antara skop utama yang akan dimasukkan adalah berkaitan memahami perbezaan risiko sebagai seorang penghantar berbanding pengguna biasa dan keperluan untuk lebih berhati-hati di jalan raya, memahami dan meramal bahaya di jalan raya sebagai seorang penghantar mengingatkan konsep asas penunggang selamat ataupun Ikhtisar Modul Asas JPJ. Fokus utama terlibat adalah berkaitan dengan aspek keselamatan jalan raya bagi memastikan penunggang sentiasa mematuhi peraturan jalan raya dan memastikan keselamatan penunggang mereka.

Kedua, yang ditanyakan adalah berkaitan dengan latihan tersebut adakah usaha sama kerjasama dengan agensi lain? Modul latihan tersebut telah dibangunkan bersama pihak

MIROS dan akan sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa agar sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan juga mungkin akan melibatkan pengendali-pengendali juga.

Apakah peranan dimainkan oleh agensi dalam kursus tersebut? Seperti dimaklumkan, semua pihak institut memandu dan syarikat penyedia perkhidmatan boleh menawarkan kursus terlibat secara atas talian. Namun, akan dipantau dan dikawal selia sepenuhnya oleh pihak JPJ.

Tentang kos latihan, kadar fi berkaitan mendapatkan lesen vokasional bagi melibatkan penunggang belum ditetapkan akan hanya diputuskan selepas punca kuasa perundangan ini ditetapkan. Begitu juga dengan persoalan latihan tersebut apakah merupakan aspek kualiti, etika, komunikasi yang boleh meningkatkan lagi keterampilan penggiat *p-hailing*. Semuanya ini akan dikuatkuasakan, dikaji dan diputuskan selepas punca kuasa perundangan ini ditetapkan.

Persoalan tentang jumlah penggiat *p-hailing* pada tahun 2021 dan juga tahun 2022. Tiada maklumat pada masa ini kerana industri ini belum dikawal selia lagi oleh MOT dan agensinya pada masa ini. Akan tetapi kalau adapun yang sekarang ini jumlah-jumlah yang disebut-sebut ia bukanlah sesuatu yang kira rasmi. Oleh sebab itu kita akan memberikannya apabila sudah dikawal selia. *We will*, dengan izin, akan diberikan *figures*. Oleh sebab saya pasti daripada rekod-rekod yang ada mungkin daripada pengendali dan sebagainya itu ada tetapi bukan rasmi.

Tentang kadar kemalangan maut melibatkan *p-hailing*. Berdasarkan rekod semasa jumlah kemalangan melibatkan penghantar makanan mulai tahun 2018 sehingga Mei 2022 sebanyak 1,242.

■1100

Daripada jumlah ini sebanyak 112 kematian, 82 kecederaan parah dan 1,048 kecederaan ringan telah dicatatkan. Apabila *accident*, apabila kemalangan ini, kita ada *figures* sebab ia pasti akan direkodkan oleh PDRM dan agensi-agensi lain. Akan tetapi jumlah penggiat, ia belum rasmi lagi. Tentang perkara mengejar tempahan yang ditekan oleh syarikat pengendali yang dilihat membebankan dan membahayakan penunggang *p-hailers*, perkara ini memang diambil maklum dan akan dikawal selia kelak di bawah peraturan pelesenan yang akan ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan belum semua tersusun. Jadi, mungkin akan tidak berurutan ya...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, asalkan mata boleh menari cepat atas baris-baris yang penting.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Ada, okey.

Perkara yang dibangkitkan oleh yang dibangkitkan oleh Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang, sejauh mana pemantauan terkini bagi memastikan lori-lori mematuhi

undang-undang. Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan telah dilaksanakan secara berterusan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan melibatkan peraturan had muatan kenderaan dan had laju bagi kenderaan berat. Selain mengoperasi 47 buah stesen penguat kuasa atau stesen timbang di seluruh negara, pihak JPJ juga turut dibekalkan dengan 67 unit alat timbang mudah alih bagi tujuan penguatkuasaan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh antara 2008 sehingga September 2021, sejumlah 193,950 Notis Saman telah dikeluarkan atau purata 64,650 Notis Saman telah dikeluarkan setahun. Ini seluruh negara, bukan Sabah Sarawak sahaja.

Di samping itu Kementerian Pengangkutan bersama Kementerian Kerja Raya sedang dalam proses akhir membangunkan Sistem *High Speed - Weigh in Motion*, dengan izin, atau dikenali sebagai HS-WIM. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan secara masa sebenar- *real-time*, dengan izin, atau automatik tanpa memerlukan kenderaan tersebut perlu berhenti untuk ditimbang.

Seterusnya ialah tentang apakah MOT menerima aduan daripada *netizen* melalui *screenshot* atau video? Orang ramai boleh mengemukakan apa-apa aduan melibatkan salah laku terlibat kepada pihak JPJ dengan mengemukakan maklumat seperti gambar, waktu, tarikh dan lokasi pelanggaran peraturan berlaku. Pihak JPJ akan seterusnya bertindak melaksanakan proses siasatan ke atas aduan yang diterima tersebut. Apakah syarat yang digunakan MOT untuk mengambil tindakan?

Proses siasatan akan dilaksanakan berdasar kepada peraturan dan prosedur sedia ada seperti memanggil pemandu atau pemilik kenderaan untuk hadir dalam sesi temu siasat ke atas aduan tersebut. Sekiranya dipastikan telah melakukan sebarang kesalahan, maka notis berkaitan kesalahan tersebut akan dikeluarkan kepada pemandu atau pemilik kenderaan tersebut.

Tentang saranan meningkatkan Kempen Keselamatan Jalan Raya dan mengambil tindakan lebih ketat terhadap kesalahan jalan raya, kita mengambil maklum akan syor tersebut dan akan diambil kira dalam pelaksanaan program keselamatan jalan raya oleh agensi MOT.

Seterusnya ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz. Adakah *rider* turut diklasifikasikan sebagai kenderaan *di-control*? Untuk makluman Yang Berhormat, *p-hailing* secara ringkasnya merupakan suatu perkhidmatan kenderaan barangan termasuk yang menggunakan motosikal yang disediakan menerusi satu perniagaan pengantaraan. Ia tidak sama dengan kenderaan barangan yang telah diklasifikasikan sebagai kenderaan *de-controlled*, tidak sama.

Yang Berhormat juga memohon kerajaan turunkan harga LKM kepada *p-hailers*. Untuk makluman, LKM bagi kenderaan motosikal 1,500cc ke bawah hanyalah RM2. Kalau turunkan lagi, payah... [Ketawa] Kadar LKM seterusnya berdasarkan kepada cc motosikal tersebut. Namun cadangan diambil maklum.

Satu lagi ada beberapa jawapan yang ingin saya teruskan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit iaitu tentang perkara di Sabah Sarawak ini. Sedikit jawapan saya ini mungkin panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Buat seni ringkasan, bagus.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: *Insya-Allah*. Jadi, perkara berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu tentang apakah kerajaan kita mempunyai hubungan rapat dengan negara-negara khususnya di Borneo, antaranya Brunei, Indonesia dan Malaysia.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya baru balik dari Brunei untuk berbincang dengan Kementerian Luar Negeri bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak, Timbalan Premier, untuk membincangkan tentang jalan raya, tentang *highway*, tentang barangan dan sebagainya.

Selama ini kita memang mempunyai hubungan yang baik. Kerajaan negara kita Malaysia mempunyai bilateral dengan negara Brunei Darul Salam, khususnya setiap tahun pada bulan September. Dalam itu banyak perkara yang dibincangkan, antara dua buah negara termasuklah perkara-perkara tentang kenderaan darat dan sebagainya. Termasuk tentang kenderaan perkhidmatan udara dan sebagainya. Memang banyak diadakan. Banyak lagi juga, iaitu tentang BIMP-EAGA. Ini juga sudah diwujudkan, *inter*, merentas sempadan-bas-bas antara Indonesia, Malaysia, dan Brunei yang merentasi sempadan kita selama ini.

Ini telah pun lama dibuat oleh LPKP Sarawak dan LPKP Sabah. Saya boleh cakap sedikit Tuan Yang di-Pertua, saya beberapa penggal menjadi Pengerusi LPKP Sarawak. Jadi kita memang mengetahui tentang perkara ini memang banyak di bawah SOSEK-MALINDO di bawah BIMP-EAGA. Perjanjian ini semua tentang merentasi sempadan, barang untuk kawalan dan sebagainya. Mana yang boleh merentasi sempadan- dan undang-undang apabila kita transit melalui sempadan negara masing-masing. Jadi semua ini memang ada.

Jadi tentang hubungan, kita tidak bertepuk sebelah tangan. Selama ini sudah awal-awal lagi kita mempunyai hubungan yang baik antara negara-negara jiran. Indonesia, khususnya di pihak Kalimantan iaitu Kalimantan Barat, Kalimantan Timur, dan juga negara Brunei Darul Salam. Apatah lagi kalau 'Nusantara' telah dipindahkan ini- sekarang ini kerajaan kita di pihak Persekutuan dan juga di peringkat negeri sudah pun mula berhubung, berbincang, berkongsi projek-projek untuk membangunkan kedua-dua daerah dalam negara kita dan juga negara Indonesia. Semua ini sudah pun bermula dari dahulu sehingga sekarang dan dipertingkatkan.

Jadi semua usaha ini melingkungi bas, lori, barang-barangan, pelabuhan dan sebagainya. Jadi semua ini- *alhamdulillah*, semuanya sedang dalam perbincangan dan dipertingkatkan lagi. Jadi perkara ini memang kita tidak bertepuk sebelah tangan dan saya sendiri pun selalu masa *first round* menjadi Timbalan Menteri Pengangkutan, kita

berhubungan secara maya dengan kerajaan-kerajaan di negara Brunei Darul Salam bersama dengan Menteri Pengangkutan negara-negara tersebut. Jadi, semua ini memang diambil dan telah pun dilaksanakan. Ini akan berterusan.

Jadi tentang tekanan kepada pihak *p-hailers* ini, ia juga suah pasti akan diambil tindakan dengan diadakan libat urus dengan pengendali operator baik di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak ini juga.

Jadi sesuatu yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli tentang kenapa tidak dimasukkan ke Singapura. Ia juga dalam perbincangan dan kita juga melihat kepada undang-undang negara tersebut. Apakah mereka menerima *p-hailers* dari negara jiran masing-masing ataupun tidak? Jadi perkara ini memang dalam perbincangan senantiasanya.

■1110

Seterusnya ialah berkaitan dengan- saya rasanya Tuan Yang di-Pertua sudah habis. Semua sudah saya jawab soalan-soalan kepada empat orang Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sebenarnya tadi lagi terasa macam itu... *[Ketawa]*

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: Ya lah. Saya *dok* cari-cari lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada perkara-perkara yang boleh ditambah untuk ini. Jadi, saya ada pembetulan sedikit iaitu tentang 150cc - kenderaan tadi mungkin saya salah sebut mengatakan "180cc". Ia sebenarnya 150cc bagi motosikal. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Abun Sui Anyit: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri mencari soalan, bolehkah saya tambah soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Eh, ada lagi.

Tuan Abun Sui Anyit: Adakah CIQ di sempadan Indonesia itu, antara Nusantara nanti di mana CIQ itu di Tapak Megah, Hulu Rajang, Daerah Belaga, daerah kelahiran saya, harap diaktifkan di kemudian hari.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sudah selesai. Jadi, bila sudah selesai tidak boleh disoal lagi tetapi terserahlah. Bak kata orang, *kot* injap hendak buka sedikit.

Datuk Haji Hasbi bin Habibollah: *[Ketawa]* Jadi, semua penetapan sempadan ini sudah pastinya akan membabitkan kementerian lain- KDN, dan banyak lagi kementerian lain.

Jadi, saya rasa kita pihak MOT hanya akan dibawa bersama apabila keputusan untuk mengaktifkan dan membangunkan sempadan-sempadan terutamanya kalau kita di Sarawak dan Sabah seperti Ba'kalalan, ini sedang dibina- juga akan diaktifkan nanti. Sudah pasti dan banyak lagi sempadan-sempadan lain demi mendekatkan lagi antara Sarawak, Sabah dengan kawasan Nusantara, Indonesia yang baharu- ini sudah pasti itu. *Insyaa-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMANSUHAN HUKUMAN MATI MANDATORI 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.15 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentangkan ini merupakan suatu akta yang sekian lama telah dinanti-nantikan bukan sahaja oleh semua Ahli Yang Berhormat tetapi oleh semua rakyat Malaysia secara amnya.

Rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 April 2023. Seperti mana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hukuman mati mandatori merupakan salah satu hukuman yang dianggap sebagai kaedah di mana keadilan dapat dicapai terutamanya apabila ia membabitkan kesalahan-kesalahan yang kejam ataupun, dengan izin, *heinous crime* di Malaysia.

Malah dalam konteks Malaysia terdapat dalam kalangan masyarakat yang berpandangan bahawa pelaksanaan hukuman mati mandatori di Malaysia masih dianggap relevan sebagai pencegahan atau, dengan izin, *prevention and deterrent* terhadap kesalahan yang bakal dilakukan. Namun, tiada kajian lanjut yang dapat membuktikan bahawa hukuman mati merupakan langkah pencegahan jenayah yang terbaik ataupun berkesan. Ini kerana keberkesanan hukuman mati sebagai suatu bentuk pencegahan tidak dapat dipastikan memandangkan terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi bilangan pendakwaan atau kadar jenayah.

Selain itu, hukuman mati yang telah dilaksanakan juga tidak boleh diperbaiki ataupun dipulihkan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *you cannot undo the death penalty as it is irreversible*. Oleh itu, kita tidak boleh dengan sewenang-nya mengabaikan kewujudan hak asasi untuk hidup ataupun dengan izin, *the inherent right to life* setiap individu. Pemansuhan hukuman mandatori di Malaysia bertujuan menghormati hak untuk hidup setiap individu di Malaysia sambil memastikan keadilan bagi semua pihak.

Selaras dengan tujuan menghormati hak untuk hidup bagi setiap individu, prinsip asas di sebalik di setiap hukuman di Malaysia merupakan pemulihan ataupun, dengan izin, *rehabilitation* banduan agar mereka dapat kembali ke masyarakat dan menjadi individu yang dapat berkhidmat kepada keluarga, masyarakat dan negara setelah selesai menjalani hukuman.

Dalam hal ini, statistik Jabatan Penjara Malaysia pada tahun 2019 menunjukkan tiada kadar *residivisme* bagi banduan hukuman mati yang diampunkan dan dibebaskan dari penjara. Kerajaan semenjak tahun 2012 lagi telah memulakan kajian dan perbincangan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori bermula dengan seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234]. Keputusan kerajaan untuk memansuhkan hukuman mandatori dibuat rentetan daripada keputusan-keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang terdahulu yang mendapati terdapat keperluan supaya kajian yang lebih mendalam dibuat terhadap keputusan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori.

Dalam hal ini, kerajaan juga pada 29 Ogos 2019 telah bersetuju dengan penubuhan sesuatu Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian terhadap Hukuman Mati Mandatori yang ditubuhkan untuk menyemak dan mengkaji secara keseluruhan polisi penghukuman ataupun, dengan izin, *the sentencing policy* bagi menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang lebih wajar tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

Jawatankuasa Khas ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Richard Malanjum, mantan Ketua Hakim Negara. Komposisi keahlian jawatankuasa khas ini terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang perundangan seperti mantan Hakim Besar Malaya, mantan Peguam Cara Negara, pengamal undang-undang, pensyarah undang-undang

daripada institusi pengajian awam terkemuka dan pakar kajian jenayah ataupun dengan izin, *criminologist*.

■1120

Jawatankuasa Khas ini telah melaksanakan kajian yang bersifat komprehensif dan holistik melalui pelbagai kaedah pengumpulan data dan maklumat daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti wakil kementerian, jabatan, agensi penguat kuasa, pakar dari dalam dan luar negara dalam sistem pengadilan jenayah, khususnya berkaitan dengan hukuman mati, badan-badan agamawan Islam dan bukan Islam, badan-badan bukan kerajaan, CSO dan NGO, Ahli-ahli Parlimen, termasuklah banduan akhir, keluarga banduan akhir dan juga keluarga mangsa.

Berdasarkan kepada kesemua sesi libat urus, soal selidik awam serta perkongsian pandangan dan pendapat daripada pelbagai pihak, cadangan polisi penghukuman baharu oleh jawatankuasa khas adalah berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- (i) bagi kesalahan yang menyebabkan kematian, hukuman mati atas budi bicara mahkamah dikekalkan;
- (ii) bagi kesalahan yang lain yang tidak menyebabkan kematian, hukuman mati tidak harus dijatuhkan oleh mahkamah; dan
- (iii) sekiranya hukuman mati tidak dijatuhkan oleh mahkamah, pesalah boleh dikenakan hukuman alternatif termasuk sebatan.

Cadangan ini adalah selaras dengan prinsip keseimbangan atau pun, dengan izin, *proportionality principle* sebagai sebahagian daripada falsafah undang-undang negara yang memastikan keadilan melalui hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Selain mengemukakan syor-syor hukuman gantian kepada 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori dan 23 kesalahan yang membawa hukuman mati tetapi dengan budi bicara mahkamah, jawatankuasa khas ini juga telah mengemukakan pelbagai cadangan hala tuju sistem keadilan jenayah di Malaysia untuk pertimbangan kerajaan menerusi laporan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada tahun 2022.

Di kesempatan ini, saya mewakili pihak kerajaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa khas ini yang telah menghasilkan satu laporan yang komprehensif dalam usaha menambah baik sistem keadilan di negara ini.

Susulan pembentangan laporan jawatankuasa khas berkenaan kepada kerajaan, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) bersama-sama Jabatan Peguam Negara telah meneliti syor-syor hukuman gantian yang telah dicadangkan oleh jawatankuasa khas tersebut. Kesemua siri perbincangan dan mesyuarat bagi penetapan dasar dan polisi berkaitan pemansuhan hukuman mati mandatori dan hukuman gantian

tertakluk budi bicara mahkamah ini turut melibatkan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan seperti:

- (i) Kementerian Dalam Negeri;
- (ii) Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (iii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (iv) Kementerian Pertahanan;
- (v) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (vi) Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim;
- (vii) Polis Diraja Malaysia;
- (viii) Jabatan Penjara Malaysia; dan
- (ix) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Selain itu, saya juga telah mengadakan sesi libat urus bersama Pakar Perundangan Perlembagaan, Profesor Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi, pertubuhan bukan kerajaan lain seperti *Anti-Death Penalty Asia Network* (ADPAN) dan *Reprieve* dari *United Kingdom* serta bersama banduan-banduan akhir dan banduan-banduan hukuman penjara sepanjang hayat di Penjara Kajang. Saya telah turut mengadakan perjumpaan bersama wakil-wakil keluarga mangsa bagi menerangkan usaha ini kepada mereka dan mendengar pandangan serta perasaan mereka.

Secara umumnya, siri mesyuarat dan perbincangan tersebut diadakan untuk meneliti penetapan dasar berkaitan hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori dengan mengambil kira aspek pemerkasaan hak asasi manusia selain mempertimbangkan kos pengurusan banduan di penjara seluruh negara serta pelaksanaan *restorative justice*, dengan izin, di Malaysia.

Sehubungan itu, pada 17 Mac 2023, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori iaitu hukuman mati atas budi bicara mahkamah atau hukuman pemenjaraan bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun dan juga hukuman sebatan tidak kurang 12 kali. Dengan pemberian budi bicara kepada mahkamah dalam menjatuhkan hukuman mati, mahkamah boleh mengambil kira prinsip undang-undang yang terpakai dalam memutuskan sama ada hukuman mati perlu dikenakan, iaitu antara lain terdapat anggapan yang memihak kepada hak seseorang untuk hidup yang tidak terbatas atau, dengan izin, *unqualified right to life*.

Pertimbangan prinsip seterusnya adalah di mana hukuman mati boleh dikenakan dalam kes-kes yang sesuai dan mahkamah mempunyai peranan untuk menentukan kes-kes yang sesuai tersebut berdasarkan antara lain dahuluan ataupun *precedent* di dalam kes-kes serupa di negara-negara lain seperti India yang juga telah pun menghapuskan hukuman mati

mandatori. Prinsip-prinsip yang harus dipertimbangkan, termasuk faktor-faktor mitigasi dan pemberatan ataupun, dengan izin, *mitigating and aggravating factors*.

Tuan Yang di-Pertua, perundangan sistem keadilan jenayah di Malaysia telah diwujudkan sejak sekian lama dan terdapat banyak peruntukan sedia ada yang dilihat tidak lagi relevan dengan perkembangan jenayah semasa. Dalam hal ini, keputusan kerajaan berkaitan pemansuhan hukuman mati mandatori dilihat sebagai langkah yang tepat dalam usaha kerajaan untuk mewujudkan sistem perundangan yang dinamik, progresif dan relevan dengan keperluan semasa.

Justeru, berdasarkan kepada keprihatinan Kerajaan Madani ini kepada keadaan semasa, dicadangkan penggubalan Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 yang merupakan satu akta *omnibus*, kerana ia merangkumi pindaan kepada Kanun Keseksaan, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta Senjata 1960, Akta Penculikan 1961, Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Kanun Tatacara Jenayah untuk memansuhkan hukuman mati mandatori, menggubal hukuman yang berhubung dengan pemenjaraan sepanjang hayat dan sebatan, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya yang diperuntukkan dalam lapan bahagian keseluruhannya seperti berikut.

Pertama, Bahagian I akta yang dicadangkan memperkatakan tentang perkara permulaan di mana fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan, dan Fasal 2 yang mengandungi senarai akta yang dipinda di bawah akta yang dicadangkan.

Bahagian II merupakan pindaan kepada Kanun Keseksaan [*Akta 574*] yang bertujuan untuk antara lain memansuhkan hukuman mati mandatori. Pertamanya, pindaan kepada Kanun Keseksaan ini bertujuan untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman mati yang tertakluk kepada budi bicara mahkamah bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 121A, 130C, 130I, 130N, 130O, 130QA, 130ZB, 302 dan 374A. Dengan pindaan ini, mahkamah mempunyai budi bicara sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati atau hukuman pemenjaraan bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun.

Sekiranya tidak dijatuhkan hukuman mati, hendaklah juga dihukum dengan sebatan tidak kurang daripada 12 kali sebatan bagi kesalahan:

- (i) seksyen 121A iaitu kesalahan terhadap diri Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri;
- (ii) seksyen 130C iaitu melakukan perbuatan pengganas;
- (iii) seksyen 130I iaitu mengarahkan aktiviti kumpulan pengganas;
- (iv) seksyen 130N iaitu menyediakan atau mengumpulkan harta untuk perbuatan pengganas;

- (v) seksyen 130O iaitu menyediakan perkhidmatan untuk tujuan keganasan;
- (vi) seksyen 130QA iaitu menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan perbuatan penganas;
- (vii) seksyen 130ZB iaitu menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang;
- (viii) seksyen 302 iaitu kesalahan membunuh; dan
- (ix) seksyen 374A iaitu mengambil tebusan.

■1130

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 121, Akta 574 bagi mengubah hukuman bagi kesalahan memerangi atau percubaan untuk memerangi atau bersubahat memerangi Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri daripada pemenjaraan seumur hidup kepada hukuman pemenjaraan bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada 30 tahun, tetapi tidak melebihi 40 tahun.

Fasal 21 hingga fasal 26 bertujuan untuk meminda seksyen 130K, 130KA, 130N, 130O, 130QA dan 130ZB, Akta 574 bagi menggantikan pemenjaraan seumur hidup yang ditakrifkan sebagai pemenjaraan sepanjang hayat bagi seksyen tersebut, dan tempoh pemenjaraan yang lain dengan pemenjaraan bagi suatu tempoh tidak melebihi 40 tahun.

Fasal 35 bertujuan untuk meminda seksyen 307, Akta 574 bagi memotong subseksyen (2) bagi kesalahan cubaan membunuh jika orang yang melakukan kesalahan itu sedang menjalani hukuman pemenjaraan seumur hidup atau bagi suatu tempoh selama 20 tahun.

Fasal 36 bertujuan untuk meminda seksyen 364, Akta 574 bagi mengubah hukuman bagi kesalahan menculik atau melarikan bagi tujuan untuk membunuh. Pindaan ini adalah untuk menghapuskan hukuman mati.

Fasal 39 bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 121, 121A, 302, atau 364 atau perenggan 130C(1)(a), 130I(a), 130N(a), 130O(1)(aa), 130QA(a), 130ZB(a) atau 374A(a) Akta 574 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini.

Bahagian III merupakan pindaan kepada Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 iaitu Akta 37. Terdapat dua peruntukan kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori iaitu seksyen 3 iaitu kesalahan melepaskan tembakan senjata api semasa melakukan kesalahan berjadual dan seksyen 3A, iaitu kesalahan rakan sejenayah dalam hal melepaskan tembakan senjata api dipinda kepada hukuman pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang

daripada 30 tahun, tetapi tidak melebihi 40 tahun dan juga sebatan tidak kurang daripada 12 kali.

Fasal 40 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1), Akta 37 untuk memotong takrif “pemenjaraan seumur hidup”.

Fasal 43 dan Fasal 44 bertujuan untuk meminda seksyen 4, dan 5, Akta 37 masing-masing untuk mengubah hukuman bagi menunjukkan senjata api dan ada senjata api pada dirinya pada masa melakukan suatu kesalahan berjadual.

Fasal 45 bertujuan untuk meminda seksyen 7, Akta 37 untuk mengubah hukuman bagi pemerdagangan senjata api dengan, antara lain, menghapuskan hukuman mati.

Fasal 46 bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 3, 3A atau 7 Akta 37 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini.

Bahagian IV merupakan pindaan kepada Akta Senjata Api 1960 [Akta 206]. Fasal 47 bertujuan untuk meminda seksyen 2(1), Akta 206 untuk memotong takrif “*pemenjaraan seumur hidup*”.

Fasal 48 bertujuan untuk meminda seksyen 14, Akta 206 untuk mengubah hukuman bagi pengilangan senjata atau amunisi tanpa lesen yang sah dan bagi pelanggaran syarat lesen pengilangan senjata atau amunisi termasuk menaikkan jumlah denda.

Fasal 49 bertujuan untuk meminda perenggan 32(1)(a), Akta 206 untuk menggantikan pemenjaraan seumur hidup di bawah perenggan itu dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada 30 tahun, tetapi tidak melebihi 40 tahun.

Fasal 51 bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang telah melakukan kesalahan di bawah perenggan 14(1)(a) Akta 206 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini.

Bahagian V melibatkan pindaan kepada Akta Penculikan 1961 [Akta 365]. Fasal 52 bertujuan untuk meminda seksyen 3, Akta 365 untuk mengubah hukuman bagi kesalahan pemelarian, penahanan salah atau pengurungan salah untuk tebusan dengan antara lain, menghapuskan hukuman mati kepada hukuman pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada 30 tahun, tetapi tidak melebihi 40 tahun dan juga sebatan.

Fasal 53 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai peralihan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 3, Akta 365 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini.

Bahagian VI melibatkan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].

Fasal 54 bertujuan untuk meminda seksyen 39B, Akta 234 di mana subfasal 54(a) bertujuan untuk mengubah hukuman bagi kesalahan mengedar dadah dalam seksyen 39B(2) dengan mengubah bilangan sebatan daripada minimum 15 kali kepada minimum 12 kali jika hukuman mati tidak dijatuhkan.

Subfasal 54(b) bertujuan untuk memotong subseksyen 39B(2A), dan (2B) untuk memberi hakim budi bicara sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati atau tidak tanpa mengambil kira hal keadaan dalam subseksyen (2A) yang dibaca bersama dengan subseksyen (2B).

Fasal 55 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai peralihan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B Akta 234 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini.

Bahagian VII melibatkan pindaan kepada Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708] iaitu untuk menggantikan hukuman pemenjaraan selama hayat dengan hukuman pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun bagi seksyen 9, 10, 11 dan 12 Akta 708.

Bahagian VIII melibatkan pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta 574 untuk antara lain menghapuskan hukuman mati mandatori. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam huraian ini adalah pindaan kecil atau yang berbangkit.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hukuman gantian kepada hukuman mati mandatori perlulah setimpal dengan keseriusan jenayah yang telah dilakukan oleh pesalah dan tidak mengakibatkan *incongruity* dengan hukuman-hukuman lain yang kurang serius. Justeru, hukuman pemenjaraan bagi suatu tempoh berserta dengan sebatan dilihat sebagai hukuman gantian yang paling bersesuaian terhadap 11 kesalahan yang membawa kepada hukuman mati mandatori ini. Kombinasi hukuman pemenjaraan dan sebatan adalah wajar supaya dilihat sebagai hukuman yang lebih berat berbanding hukuman untuk jenayah-jenayah lain.

Selain itu, pemenjaraan yang bertempoh ini juga bertujuan untuk memberikan peluang kepada banduan-banduan ini untuk mengemukakan permohonan parol selepas menjalani sesuatu tempoh pemenjaraan. Namun, semestinya kelayakan parol ini masih tertakluk kepada sebarang pindaan seksyen 46E, Akta Penjara 1995 [Akta 537]. Cadangan hukuman gantian ini memberi penekanan kepada *restorative justice*.

Mengikut prinsip ini, banduan perlu diberi peluang kedua untuk memperbaiki dirinya dengan bantuan dan sokongan dari Jabatan Penjara Malaysia serta ahli keluarga sendiri. Terdapat pelbagai program pemulihan yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia seperti kaunseling, pendidikan sivik, pendidikan agama, pendidikan teknikal dan vokasional yang dapat membantu banduan berdikari dan berintegrasi dengan komuniti apabila mereka dibebaskan dari penjara.

Realitinya pada hari ini, kita bercakap mengenai reformasi sistem perundangan jenayah Malaysia agar selari dengan perkembangan semasa dan menepati piawaian hak asasi manusia semasa secara sejagat. Pindaan kepada akta-akta yang berkaitan dalam rang

undang-undang ini merupakan langkah awal dalam mentransformasikan sistem keadilan jenayah di Malaysia.

■1140

Saya percaya selepas ini, lebih banyak semakan perundangan akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam memastikan komitmen kerajaan untuk mewujudkan sistem perundangan yang dinamik, progresif dan relevan dengan keperluan semasa. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh di atas huraian yang telah diberikan. Saya mohon ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta Senjata 1960, Akta Penculikan 1961, Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Kanun Tatacara Jenayah untuk memansuhkan hukuman mati mandatori untuk mengubah hukuman yang berhubungan dengan pemenjaraan sepanjang hayat dan sebatan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima seramai 17 orang Ahli yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah selama lima minit seorang.

Untuk itu, saya menjemput pembahas yang pertama, Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual. Dipersilakan.

11.42 pg.

Puan Noorita binti Sual: Ka'ansayan. Salam sejahtera dan selamat pagi Tuan Yang di-Pertua dan barisan Ahli Yang Berhormat Senator yang lain. Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan di antara 79 buah negara di seluruh dunia yang masih mengekalkan hukuman mati dan hukuman mati mandatori. Hukuman mati di Malaysia merupakan undang-undang peninggalan pihak penjajah atau *colonial law*, dengan izin. Namun hari ini, pihak penjajah telah menghapuskannya di negara mereka sendiri tetapi kita masih lagi berpaut dengan undang-undang lama ini. Saya menyokong penuh keputusan kerajaan kerana mengambil langkah yang serius untuk memansuhkan hukuman mati

mandatori ini demi menambah baik sistem perundangan negara kita agar sistem perundangan kita ini selari dengan peredaran zaman atau keperluan semasa.

Saya juga turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Yang Berhormat Pengerang dan Yang Berhormat Bukit Gelugor yang telah berjaya membentangkan rang undang-undang untuk memansuhkan hukuman mati mandatori serta penghargaan kepada Ahli Parlimen Dewan Rakyat yang telah meluluskan pindaan ini sebulat suara pada minggu lalu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 1,318 orang banduan akhir yang sedang menjalani hukuman mati mereka di Malaysia untuk pelbagai jenayah. Namun, saya ingin bertanya apakah usaha kerajaan untuk membantu mereka mendapatkan hikmat nasihat guaman selaras dengan pindaan ini dan adakah ini termasuk dalam permohonan pengampunan pada Lembaga Pengampunan di setiap negeri dan bagaimana pula dengan status warganegara Malaysia yang sedang menjalani hukuman mati di luar negara? Bagaimanakah kerajaan akan membantu mereka? Saya juga ingin tahu berapakah jumlah mereka yang bukan warganegara yang dijatuhkan hukuman mati mandatori ini. Adakah mereka juga akan diberikan perhatian yang sama dengan warganegara?

Di samping itu juga, saya berpendapat mereka yang dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup ini perlu diberikan peluang kedua. Atas dasar ini, saya menyokong pindaan yang menggantikan kesalahan penjara seumur hidup kepada hukuman penjara selama tidak kurang 30 tahun tetapi tidak melebihi daripada 40 tahun dengan sebatan tidak kurang daripada 12 kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya prihatin dengan kegelisahan ramai di luar sana yang memikirkan barangkali rang undang-undang ini mungkin bererti bahawa pihak kerajaan mengambil mudah kadar jenayah di Malaysia atau kerajaan *solve own crime*, dengan izin.

Ini tidak benar sama sekali kerana hukuman mati masih wujud untuk 33 jenayah di Malaysia dan keputusan untuk menggunakannya ataupun tidak terpulung kepada budi bicara hakim dengan berpaksikan fakta dan bahan bukti yang kukuh. Saya juga percaya dengan pemansuhan hukuman mati mandatori ini, kita boleh mengurangkan risiko kekeliruan di dalam menegakkan sistem perundangan kita. Saya berpendapat dalam bahasa kiasannya, *it's better to let go of nine criminals than to hang one innocent man*, dengan izin.

Dengan melebarkan kuasa budi bicara pada Mahkamah Persekutuan akan memberikan keadilan bukan sahaja kepada mereka yang telah dijatuhkan hukuman malahan juga kepada keluarga mereka, mangsa mereka dan dalam jangka masa yang panjang akan memberikan manfaat kepada masyarakat khususnya dalam konteks keadilan dan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, usaha memerangi jenayah haruslah menjadi langkah pertama dalam pelan tindakan kerajaan selepas hukuman mati mandatori dihapuskan. Pindaan undang-undang sahaja tidak boleh mengurangkan kadar jenayah di negara kita. Kerajaan harus mengambil langkah-langkah dan inisiatif yang menyeluruh dengan mengambil kira apakah faktor-faktor yang mendorong seseorang itu melakukan jenayah. Jika kita melihat kepada data dari Jabatan Penjara Malaysia, kebanyakan kes banduan akhir yang sedang menjalani hukuman mati tergolong dalam kategori B40 atau kurang berkemampuan, terpinggir dan golongan rentan.

Kerajaan harus menyalurkan sumbangan kewangan dan sumber tenaga manusia untuk mematahkan kitaran jenayah di negara kita. Lebih usaha dan inisiatif juga harus disalurkan ke kawasan-kawasan yang kritikal terutama di kawasan pedalaman yang jelas terpinggir sekian lama. Sistem bantuan kebajikan haruslah ditambah baik supaya tidak siapa yang akan ketinggalan.

Saya juga berharap moratorium hukuman mati terus dikekalkan memandangkan Malaysia di antara empat negara di Benua Asia yang telah menyokong implementasi moratorium hukuman mati di seluruh dunia dalam undian di UN pada Disember lepas serta keahlian Malaysia dalam Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan *UN Human Rights Council*, dengan izin.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada individu-individu serta NGO-NGO seperti *Amnesty International Malaysia*, SUARAM, SUHAKAM, *Malaysian Bar Council* serta rakan seperjuangan antarabangsa seperti *Parliamentarian for Global Action- Repatriate Death Penalty Project*, *International Commission against the Death Penalty*, *Sant Egidio* yang telah menyokong Malaysia dalam usaha untuk memansuhkan hukuman mati mandatori di Malaysia. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri perbahasan saya dengan menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

11.48 pg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengamal undang-undang, saya berpandangan bahawa pemansuhan hukuman mati mandatori yang digariskan menerusi pindaan rang undang-undang ini bertepatan dengan prinsip kesaksamaan dalam keadilan yang kita perjuangkan menerusi rang undang-undang ini. Pelaksanaan hukuman gantung sampai mati tidak boleh memadamkan dosa si pelaku terhadap mangsa bahkan hukuman tersebut masih tidak boleh

menghilangkan memori hitam yang masih membelenggu mangsa sehingga ke hari ini. Biarpun hukuman pemenjaraan tersebut bukanlah merupakan *natural life imprisonment* dengan izin, namun tempoh hukuman tersebut sudah cukup untuk memberi pengajaran serta penyesalan kepada si pesalah yang turut dikenakan hukuman sebatan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Rang Undang-undang Senjata Api, saya berpendapat bahawa skop kuasa Menteri yang bertanggungjawab terhadap pelesenan bagi pengilangan senjata api atau amunisi turut diteliti semula. Penelitian semula tersebut penting untuk menghalang sebarang bentuk penyelewengan atau salah laku yang dilakukan oleh mana-mana pengilang senjata api atau amunisi yang tidak bertanggungjawab iaitu pengilang yang dengan mudah mendapat kelulusan Menteri tanpa melalui penilaian atau ketetapan tertentu.

■1150

Perkara tersebut juga turut melibatkan keadilan manusiawi yang perlu dilaksanakan menerusi kesaksamaan undang-undang. Kita tidak mahu hukuman yang dinyatakan dalam pindaan seksyen 14 hanya dikenakan kepada individu pengilang atau syarikat yang langsung tidak berlesen sedangkan masih ada syarikat yang menjalankan aktiviti pembuatan senjata api atau amunisi berlesen yang tidak mematuhi piawaian atau garis panduan yang ditetapkan.

Berhubung dengan perihal tersebut, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan beberapa perkara;

- (i) siapa yang bertanggungjawab terhadap kelulusan bagi pemilikan lesen sah pengilangan senjata api atau amunisi seperti yang disebut dalam seksyen 12, Akta Senjata Api. Adakah ia di bawah fungsi kuasa Menteri Keselamatan Dalam Negeri?;
- (ii) apakah aspek atau perkara utama yang menjadi kemestian untuk diteliti oleh Menteri yang bertanggungjawab sebelum meluluskan satu-satu permohonan lesen yang dimohon oleh pengeluar atau pengilang senjata api; dan
- (iii) apakah kriteria atau piawaian keselamatan yang selama ini menjadi ketetapan terhadap mana-mana syarikat pengeluar atau individu pengilang senjata api yang ingin mendapatkan lesen baharu serta memperbaharui lesen yang sedia ada?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan satu kes penangkapan yang melibatkan beberapa orang individu yang melakukan kesalahan berkaitan perdagangan senjata api di sekitar September 2021. Unit Operasi PDRM Ibu Pejabat Polis Daerah Ranau telah berjaya memberkas kira-kira 10 orang individu yang dituduh atas kesalahan memperdagangkan senjata api di bawah seksyen 7, Akta 37. Menerusi tangkapan tersebut,

pihak polis telah menemui sebanyak dua laras senjata api jenis bakakuk, ginsuk, senapang angin dan senapang guli serta puluhan peluru hidup, dua laras senjata api bersama 11 butir peluru hidup, 30 butir pelet senapang angin dan peralatan membuat senjata api dan sebanyak tujuh laras bakakuk dan sebanyak 11 laras senapang bersama peluru hidup dan pelet senapang angin.

Tangkapan tersebut menggambarkan kepada umum bahawa masih ada lagi individu yang masih menjadikan senjata api buatan sendiri sebagai item dagangan untuk pelbagai kegunaan yang boleh memudaratkan keselamatan awam. Perbuatan mereka tersebut “sudah terang, lagi bersuluh” merupakan penjenayah perdagangan senjata api yang dimaksudkan dalam seksyen 7 yang turut dipinda.

Dua minit Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar subseksyen 2, seksyen 7 ini diteliti semula dengan beberapa keterangan lanjutan atau *further clarity*, dengan izin, dapat dibuat terhadap definisi pemilikan lebih daripada dua senjata api dianggap berdagang senjata api. Ia bertujuan bagi memperkukuhkan justifikasi satu-satu pendakwaan serta penghakiman yang sewajarnya dibuat bersandarkan motif hakiki serta hubung kait jenayah yang didorong daripada pemilikan lebih daripada dua senjata api oleh seseorang individu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pemansuhan seksyen 2A dan 2B yang disebut dalam Rang Undang-undang Dadah Berbahaya. Ejen *provocateur* atau individu yang menjadi dorongan dalam pengedaran dadah atau individu yang terlibat dalam membawa-*carrying*, dan melakukan penghantaran dadah kepada orang lain. Pindaan tersebut juga penting untuk memberi kuasa kepada hakim untuk membuat budi bicara tanpa perlu merujuk kepada sandaran tetap yang dikuasakan dalam satu-satu undang-undang.

Saya menyambut baik usaha kerajaan dalam berformulakan sistem jenayah kita untuk bersifat lebih berperikemanusiaan tanpa melupakan hak mangsa. Cuma, lagi satu soalan yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, adakah rebat 1/3 itu diberikan kepada pesalah-pesalah yang telah dihukum gantung mati? Sekian sahaja ucapan saya, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato’ Kesavadas atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato’ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, silakan.

11.55 pg.

Dato’ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 12 seksyen dalam lapan Undang-undang Persekutuan yang memberikan hukuman mati kepada mereka yang disabitkan kesalahan. Hukuman mati mandatori untuk 12 seksyen itu antaranya adalah Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708], Kanun Tatacara Jenayah, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37], Akta Senjata 1960 [Akta 206] Akta Penculikan 1961 [Akta 365] dan Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].

Hukuman mati mandatori bermaksud hakim hanya boleh menjatuhkan hukuman tersebut kepada individu yang disabitkan kesalahan mengikut seksyen tersebut tanpa ada pilihan lain. Maksudnya, mahkamah tidak ada pilihan melainkan mengikut hukuman yang telah dinyatakan iaitu hukuman mandatori. Manakala bagi jenayah-jenayah lain, hukuman terlatak kepada budi bicara hakim. Menurut *Amnesty International*, sejumlah 142 buah negara telah memansuhkan hukuman mati ataupun telah mengumumkan moratorium terhadap hukuman itu. Manakala di Asia Tenggara, antara 11 buah negara, sebanyak enam buah negara telah memansuhkan atau menanggihkan hukuman mati mandatori iaitu Kemboja, Filipina, Laos, Brunei, Timor Timur dan Myanmar. Manakala sebanyak lima buah lagi negara masih mengekalkan hukuman tersebut adalah Malaysia, Indonesia, Singapura, Vietnam dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Mac 2023, seramai 1,318 orang banduan hukuman mati sedang dikenakan moratorium dan menunggu keputusan kerajaan bagi hukuman gantian terhadap hukuman mati. Daripada jumlah tersebut, seramai 476 orang banduan yang masih belum selesai prosiding ataupun rayuan di Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan. Manakala seramai 842 orang yang sedang selesai peringkat banduan termasuk 25 orang banduan yang ditolak rayuan pengampunan di peringkat Lembaga Pengampunan Negeri. Soalan saya adalah, apakah akan terjadi kepada mereka ini? Adakah mereka akan dibicarakan semula atau terus sahaja hukuman itu jatuh kepada hukuman 30 tahun hingga 40 tahun penjara dan juga sebatan?

So, daripada maklumat terhad yang kita dapati daripada jumlah tersebut, sebanyak 67.5 peratus telah disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah, manakala sebanyak 38 peratus merupakan warga asing. Daripada maklumat tersebut juga, menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka yang dihukumkan mati, mereka yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang kurang baik. Jadi, malangnya mereka dijatuhkan hukuman mati mandatori iaitu mahkamah tidak ada pilihan melainkan mengikut undang-undang yang tersedia.

Jadi, jika dilihat daripada pindaan yang dicadangkan, tiada lagi hukuman sepanjang hayat pun sudah tidak ada lagi. Ia telah digantikan dengan pemenjaraan selama 30 tahun hingga 40 tahun serta sebatan yang dahulunya sebatan sebanyak 15 kali, sekarang dicadangkan dikurangkan kepada 12 kali.

Keputusan kerajaan berkaitan pemansuhan hukuman mati mandatori dilihat sebagai langkah yang tepat dalam usaha kerajaan untuk mewujudkan sistem perundangan yang dinamik, progresif dan relevan dengan keperluan semasa. Keputusan berkaitan perkara ini menunjukkan kerajaan memberi keutamaan dalam memastikan hak semua pihak terpelihara dan terjamin. Sekali gus mencerminkan ketelusan kerajaan dalam membaik pulih sistem keadilan jenayah negara yang serba dinamik ini.

■1200

Walau bagaimanapun ada rungutan dan suara tidak puas hati kedengaran dalam kalangan keluarga mangsa yang terlibat. Mereka tidak bersetuju dengan langkah kerajaan memansuhkan hukuman mati mandatori negara ini. Mereka berpendapat hukuman penjara seumur hidup bukanlah hukuman yang sesuai bagi memberi kesedaran kepada orang ramai supaya mengambil iktibar dan tidak melakukan jenayah berat.

Menurut mereka langkah kerajaan dibimbangkan akan menyebabkan kes pengedaran dadah dan bunuh akan terus meningkat di negara ini. Keluarga mangsa pula merasakan keputusan kerajaan ini tidak memberi keadilan kepada mangsa dan keluarga mangsa. Ternyata ramai yang salah faham mengenai perkara ini. Hukuman gantung sampai mati masih ada cuma sebelum ini bersifat wajib iaitu mandatori tanpa pilihan kerana ia akan menjadi keputusan mahkamah.

Saya yakin sudah semestinya seorang hakim akan memberi penilaian sebaiknya sebelum membuat keputusan sama ada wajar atau tidak hukuman gantung atau penjara seumur hidup. Bagaimanapun hukuman gantian kepada hukuman mati mandatori haruslah setimpal dengan keseriusan jenayah yang telah dilakukan oleh pesalah dengan mengambil kira semua perkara yang menyebabkan jenayah berkenaan.

Harus diingat nyawa merupakan pinjaman Allah kepada manusia. Jaga dan hargailah dengan baik dengan seadil-adilnya. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Azam Hamzah atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah, dipersilakan.

12.01 tgh.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam sesi perbincangan Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini yang kita bahaskan satu rang undang-undang yang amat berat bagi pandangan saya. Namun begitu, percaya penelitian dan kajian

serta pandangan daripada pelbagai pihak telah diambil kira oleh pihak kerajaan sebelum membentangkan pindaan ini. Sehingga 31 Mac 2023, saya difahamkan seramai 1,318 orang banduan hukum mati sedang menunggu moratorium dan menunggu keputusan kerajaan bagi hukuman gantian terhadap hukuman mati mereka.

Dalam pindaan rang undang-undang ini, ada menyatakan tempoh masa untuk banduan terlibat melakukan semakan hukuman mereka adalah selama 90 hari. Pada soalan saya kepada pihak kerajaan, mungkin kah kerajaan akan memanjangkan sedikit masa daripada 120 hari ini? Ini kerana pandangan saya, tempoh ini adalah satu jangka masa yang amat singkat. Peguam yang mewakili mereka memerlukan sedikit masa, mengemas kini dokumen-dokumen dan sekiranya ada bukti tambahan dan menguatkan sokongan permohonan mereka.

Jadi, permohonan ini juga pasti akan meningkat dan memerlukan tapisan yang serius daripada pihak mahkamah. Jadi, saya rasa wajar untuk diberikan penambahan waktu. Saya faham kesalahan yang dilakukan oleh yang terlibat merupakan kesalahan yang berat. Namun begitu, ada kesalahan yang mungkin boleh diberikan sedikit kelonggaran misalnya kepada mereka yang dituduh dan dijatuhkan hukuman sebagai keldai dadah. Ada dalam kalangan mereka tidak tahu apa yang dibawa, tahu-tahu sahaja dijatuhkan hukuman mati mandatori oleh mahkamah.

Saya mohon pandangan daripada pihak kementerian, bagaimana perkara ini dapat diberikan penyelesaian terhadap keldai dadah ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah pihak Mahkamah Persekutuan akan mengambil kira faktor-faktor lain seperti kesihatan mental, kesihatan fizikal dan latar belakang banduan sebelum membuat hukuman terhadap keputusan yang dikatakan. Kita secara umum tahu bahawa tidak semua banduan akhir ini mempunyai dana yang mencukupi.

Semakan ini sudah tentu melibatkan kos yang perlu ditanggung oleh keluarga mereka dan juga diri mereka sendiri. Kos peguam bukan satu perkara yang mudah dan bukan satu perkara yang murah untuk dikenakan kali ini. Sekiranya ada penyelesaian daripada pihak kerajaan berkaitan hal ini, saya minta dijawab dalam Dewan yang mulia ini. Reaksi daripada keluarga yang terlibat dalam kesalahan banduan-banduan ini perlu juga kita ambil kira. Apa yang dilakukan sudah tentu akan memakan nyawa dan bukan satu isu kecil.

Jadi, apakah pihak kerajaan boleh melakukan supaya justifikasi yang kukuh boleh diberi dan dapat memuaskan hati keluarga mangsa? Kita tahu sekiranya ada banduan yang telah disemak terlepas hukuman ini, akan mendatang reaksi negatif daripada waris mangsa. Kita tidak mahu mereka mengamuk, melakukan perkara-perkara yang boleh menggugat ketenteraman masyarakat sebagai reaksi protes dan kekecewaan terhadap keputusan mahkamah. Saya harap ada penyelesaian, dengan izin, *win-win situation* dalam keputusan mahkamah daripada keluarga mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini juga saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan sama ada pindaan ini diluluskan nanti, apakah jaminan boleh diberikan bahawa kadar jenayah dapat diturunkan? Kalau ada kajian, pembuktian daripada negara-negara yang sudah memansuhkan hukuman mati mandatori ini, saya rasa eloklah terbitkan dan hebahkan kepada rakyat keputusan tersebut. Kita tidak mahu nanti ada yang berfikir yang menjadi masalah ini, kerana kesalahan-kesalahan berat ini boleh dirayu dan disemak pula. Lebih-lebih lagi kesalahan ini dilakukan oleh mereka yang berpengaruh dan mempunyai kewangan yang cukup besar.

Oleh itu, saya minta supaya apa yang saya dan rakan-rakan Ahli Dewan yang memberikan pandangan dan cadangan ini boleh diketengahkan agar kerajaan teliti dan ambil berat. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih. *Wabillahirufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sudi hadir di Dewan pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Arman Azha Abu Hanifah atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Dr. Lingeshwaran, dipersilakan.

12.06 tgh.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang yang menarik perhatian bukan sahaja Ahli-ahli Dewan yang mulia, bahkan setiap pemegang taruh yang mengharapkan Dewan tertinggi ini berbincang dan meluluskan agar Malaysia secara rasmi menyertai kelompok negara yang menghormati dan memahami maksud sesebuah kesalahan secara menyeluruh, cara bagaimana mengatasi dan menangani serta bertamadun dalam mendekati penerapan nilai pemulihan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 yang menyeluruh kepada pemansuhan maksud mandatori dalam perundangan dan pemanjangan sepanjang hayat yang digantikan dengan hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada 30 tahun yang boleh dilanjutkan hingga 40 tahun.

Syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) atas ketekunan dalam merealisasikan pembentangan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada satu artikel yang dikeluarkan oleh Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pemansuhan hukuman mati mandatori ini akan memberi isyarat yang kuat dirantau ini. Di mana terdapat beberapa buah negara jiran

yang terlalu kerap mengenakan hukuman mati bagi jenayah seperti kesalahan berkaitan dadah yang dalam pandangan umum dianggap ekstrem.

Ada juga kes di mana mereka dijatuhkan hukuman mati termasuk orang kurang upaya dan mempunyai masalah berkaitan kesihatan mental. Di Malaysia pula, kebanyakan mereka dijatuhkan hukuman mati didakwa atas kesalahan berkaitan dadah. Majoriti kesalahan ini tidak memenuhi bayangan jenayah paling serius, bahaya ataupun ekstrem seperti membunuh dengan senjata. Maka, pemansuhan mandatori yang dimaksudkan dalam RUU ini akan memberi anjakan paradigma baharu dalam proses hukuman yang sedia ada dan memberi ruang perundangan kepada para hakim dalam memutuskan keperluan sesebuah kes dijatuhkan hukuman mati.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham ada dalam kalangan kita, rakyat Malaysia yang kurang senang dengan pendekatan yang diambil oleh kerajaan dalam perkara ini. Antara hujah adalah untuk dilihat perkara ini daripada perspektif mangsa dan keluarga mangsa. Saya setuju ini bukan senang kepada mana-mana pihak terutamanya yang terlibat secara langsung dalam meneliti tertuduh terlepas daripada hukuman mati.

Namun saya berpandangan yang berbeza iaitu, dengan izin, *the right of a right to live is absolute for all, and we have no right to take it away from anyone*. Kita perlu faham bahawa menghukum seseorang gantung sampai tidak bermaksud kesalahan tersebut tidak akan berulang dan negara kita bebas daripada kesalahan tersebut. Hukuman mati yang dikenakan tidak memberikan impak holistik kepada proses rehabilitasi yang sepatutnya menjadi agenda utama setiap hukuman yang dijatuhkan. Maka, saya merayu kita- semua melihat pemansuhan hukuman mati mandatori dari kaca mata ini.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita perlukan pada hari ini ialah pendekatan daripada segi pemulihan. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri; adakah proses pemulihan sedia ada efektif dan apakah statistik jenayah ulangan? Adakah seseorang yang telah habis menjalani hukuman penjara akan mempunyai harapan baharu dalam menerapkan diri dalam kalangan masyarakat kita?

Selain itu, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah bagaimana kerajaan akan mengatasi masalah kesesakan di penjara kerana penyakit *communicable disease*, dengan izin, seperti *tuberculosis* (TB) dan COVID-19 akan merebak dengan cepat. Ini akan secara tidak langsung membebankan Jabatan Kecemasan dan kewangan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang doktor perubatan, saya berpegang kepada, dengan izin, *right to live*, di bawah Perkara 5(1) dalam Perlembagaan Persekutuan yang melarang rampasan nyawa sewenang-wenangnya. Banduan hukuman mati diletakkan dalam kurungan bersendirian- *solitary confinement*, dengan masa terhad, jika ada, di luar sel mereka.

Proses menunggu sehingga pelaksanaan keputusan hukuman mati biasanya merupakan penyiksaan psikologi yang menyebabkan kesihatan mental yang buruk bagi banduan. Dengan menghormati semua nyawa dan ciptaan Tuhan Yang Maha Berkuasa, kita harus memberi semua insan layanan yang saksama, termasuk banduan-banduan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan sekali lagi sokongan saya kepada Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam atas pandangan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Dipersilakan.

12.12 tgh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

Memang ini adalah penting kerana RUU ini bukan sahaja diperhatikan di seluruh negara oleh semua rakyat jelata di Malaysia, malah dunia pun sedang memerhatikan kita. Saya simpulkan RUU itu ialah satu pencapaian. Syabas dan tahniah.

Memang perbahasan pada petang ini saya hendak membahagikan kepada empat perkara. Pertama ialah pandangan atau pendirian diri saya sendiri. Kedua, saya pun hendak bahas mengenai perspektif yang saintifik, yang termasuk juga fokus keberkesanan. Ketiga ialah perspektif daripada ahli-ahli keluarga mangsa dan seterusnya ekosistem keadilan jenayah dengan aspek pemulihan dan pencegahan.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya ialah, sebagai seorang penganut Katolik atau Kristian, saya percaya Tuhan Yang Maha Esa itu berhak menentukan kehidupan dan kematian sesuatu nyawa di dunia ini. Saya percaya semua rakan di Dewan yang mulia ini, tidak kisahlah walaupun berbeza kepercayaan tetapi akan setuju bahawa Tuhan ialah pengadil kehidupan dan kematian yang tunggal. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the sole arbiter of life and death. After all, who are we to act as a God in deciding whose life to take?*

Daripada perspektif saintifik, kalau kita melihat hukuman mati dari sudut saintifik itu, sudah menjadi bukti bahawa keberkesanan, dengan izin, *the effectiveness* pelaksanaan hukuman mati dalam mengurangkan kadar jenayah ganas seperti *terorisme*, perdagangan dadah, pembunuhan adalah kurang kukuh. *There is no solid evidence at all that the death penalty reduces the violent crime rates effectively*, dengan izin.

Menurut Navi Pillay, bekas Pesuruhjaya Tinggi Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam ucapan beliau pada 5 Mac 2014, beliau mengatakan

keputusan penyelidikan saintifik telah menunjukkan pemansuhan hukuman mati memberi kesan kepada kadar membunuh. Malah, ia turun selepas pemansuhan hukuman tersebut.

Apakah maksudnya? Ini bermaksud jenis hukuman memainkan peranan yang lebih penting dalam mencegah aktiviti jenayah berbanding dengan keberatan hukuman. *It is the certainty of punishment, not its severity, that plays a bigger role in deterring criminal activities*, dengan izin.

Selepas perspektif saintifik, saya hendak beralih kepada perspektif ahli keluarga mangsa. Memang penerimaan dalam kalangan mangsa- walaupun pemansuhan hukuman mati mandatori itu adalah wajar daripada segi agama, dan daripada segi sains sosial, terdapat segmen juga dalam kalangan kita terutamanya ahli keluarga mangsa yang berlainan pendapat, dan kurang senang dalam perkara ini.

Kalangan ahli keluarga mangsa risau terhadap potensi ancaman daripada pembunuh yang dibebaskan suatu hari kelak akibat pemansuhan hukuman mati mandatori. Ahli keluarga mangsa telah menghadapi dan melalui kesusahan, kepahitan dan perkara-perkara yang tidak sepatutnya akibat kehilangan seseorang yang tersayang. Kini, mereka juga risau tentang keselamatan diri mereka sendiri daripada bekas pesalah membunuh itu, ada kemungkinan berniat membalas dendam.

Tengok kes Annie Kok Ying Cheng, remaja berumur 17 tahun yang dirogol dan dibunuh kejam pada tahun 2009. Baru-baru ini sahaja, keluarga Annie Kok pada beberapa hari lepas, keluarganya datang ke Parlimen yang mulia ini merayu supaya mempertimbangkan semula pemansuhan ini. Oleh itu, soalan saya kepada kerajaan ialah apakah jawapan kerajaan kepada keluarganya?

Saya berharap kerajaan mempertimbangkan setiap pendekatan sebelum tekad kepada pemansuhan ini dan saya berharap lebih banyak proses penerangan dan pastikan yang bebas itu pulih sepenuhnya. Minta dua minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih. Seterusnya yang terpenting saya hendak bahas di sini ialah ekosistem keadilan jenayah. Kembali kepada ekosistem keadilan jenayah. Aspek pencegahan dan pemulihan di sistem penjara haruslah kita memperkasakan. Walaupun kita ganti hukuman mati mandatori itu kepada hukuman mati mengikut budi bicara hakim atau mahkamah dan sepanjang hayat kepada hukuman penjara bertempoh 30 atau 40 tahun yang diiringi sebatan, bekas pesalah yang dibebaskan tanpa menjalani program pemulihan yang mantap itu akan menyebabkan masalah sosial yang tinggi dengan potensi jenayah diulang-ulangkan sekali lagi.

Tempoh 30 dan 40 tahun penjara bukan jangka masa yang pendek. Jabatan Penjara sepatutnya boleh menghasilkan pemulihan yang memuaskan kalau mereka fokuskan sumber dan tenaga terhadap program pemulihan yang mantap itu.

Saya pasti bahawa rakyat lebih lega dengan mendapat tahu bekas pesalah telah menyesali dan bertaubat atas kesalahan dan pulih sepenuhnya berbanding pesalah yang dibebaskan masih tidak mencapai tahap pemulihan yang memuaskan dan berpotensi mengancam keselamatan orang awam.

Saya hendak mengambil kesempatan ini merujuk sebuah negara iaitu Norway yang mungkin kebanyakan rakan-rakan kita tanya bagaimana proses pemulihan pesalah kejam dan pengganas itu. Saya hendak katakan sebagai Ahli Dewan Negara, dengan izin, saya cadangkan satu solusi yang holistik daripada segi pencegahan dan pemulihan iaitu undang-undang tahanan pencegahan tanpa had yang serupa perundangan "*forvaring*" atau *indefinite preventive detention* seperti yang dilaksanakan Norway.

Tempoh maksimum hukuman penjara di Norway itu adalah hanya 21 tahun sahaja. Agak pendek *kan?* Ini kerana Kerajaan Norway sedar bahawa pesalah yang sukar pulih, kalau dibebaskan kepada masyarakat awam, dia mungkin akan menimbulkan ancaman keselamatan yang serius kepada orang ramai. Maka, dalam mengimbangi ciri kemanusiaan sistem keadilan selaras dengan agenda keadilan pemulihan, dengan izin, badan kehakiman Norway diperkasakan; diberikan kuasa melanjutkan hukuman penjara pesalah yang mereka anggap belum kesal, belum taubat dan belum pulih kepada tahap yang memuaskan kepada lima tahun lagi dan semakan tersebut akan dijalankan setiap 5 tahun.

■1220

Dengan ini akhir kata / hendak katakan bahawa hukuman yang sewajar terhadap kesalahan yang berbeza *nature of offense*, dengan izin, harus diambil kira. Kita boleh terima kes dadah dan bunuh memberikan kuasa budi bicara kepada hakim, kepada mahkamah dalam menghukum pesalah tetapi rakyat dan kerajaan mempertimbangkan juga hukuman mati mandatori terhadap kesalahan rogol bunuh, culik bunuh. Oleh tu rakyat hendak dalam kes ini diberikan hukuman yang berat. Janganlah semua sakit bagi *Panadol* sahaja.

Oleh itu dengan akhir kata / hendak katakan bahawa pandangan, cadangan dan harapan saya memberikan sokongan penuh kepada kerajaan pimpinan perkhidmatan awam dalam melaksanakan pemansuhan hukuman mati mandatori. Saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya, menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad dipersilakan.

12.21 tgh.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mulakan ucapan perbincangan saya ini dengan membaca sepotong ayat Al-Quran Surah An-Nisa... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ayat ini panjang

tetapi saya tidak berhajat untuk menghabiskannya. Tuan Yang di-Pertua, pembentangan kertas Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 ini secara prinsipnya seiring dengan undang-undang jenayah Islam. Saya meneliti syor tentang jawatankuasa khas kajian hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori seperti yang dibentangkan oleh kementerian sebelum ini.

Dua prinsip yang diutarakan tentang jawatankuasa khas ini boleh dianggap selari dengan prinsip undang-undang jenayah Islam. Pertama, hukuman mati dikekalkan dalam konteks bagi menghadapi kes-kes yang kejam. Kedua, pengenaan hukuman *ta'zir* iaitu selain daripada hukuman yang ditetapkan, dan hukuman *had* mahu pun *qisas*.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan terhadap pemansuhan hukuman mati ini telah menarik perhatian global sejak kebelakangan ini. Ada yang berpandangan hukuman mati ini sebagai bertentangan dengan hak asasi manusia. Golongan sebegini mempertahankan bahawa si pesalah masih mempunyai ruang untuk dipulihkan serta hak untuk hidup, maka justifikasi tersebut mewajarkan supaya hukuman mati ditiadakan terus dalam sistem perundangan negara masing-masing.

Namun, pada sisi yang lain isu hukuman mati tidak sepatutnya diurus melihat kepada nasib si penjana semata-mata. Islam memberikan spektrum yang tegas dan fleksibel dalam soal hukuman mati. Ada hak kepada si pesalah iaitu proses pendakwaan yang adil. Ada hak kepada si mangsa iaitu *diyat* atau pampasan dan kuasa pengampunan.

Ketegasan hukuman mati berlaku apabila melibatkan kes-kes yang berada di bawah *qisas* dan *hudud* yang cukup syarat saksi, keterangan pendakwaan yang ketat dan beban pembuktian yang tinggi sehingga tidak ada satu keraguan pun terhadap pendakwaan yang dibawa. Cukup syarat-syarat saksi, pendakwaan dan pembuktian tersebut, maka para hakim tidak ada lagi budi bicaranya kerana ketetapan hukuman itu telah ditentukan terhadap si penjenayah.

Walaupun dilihat keras pada satu sudut, sebenarnya masih ada spektrum yang terbuka di sebalik ketegasan hukuman Islam ini. Pertama soal *diyat* atau pampasan. Pampasan ini wajib ditanggung oleh pesalah hari ini bukan sahaja dalam konteks hukuman mati, bahkan dalam konteks kemalangan yang menyebabkan kematian juga tidak menyebabkan keluarga si mangsa memperoleh *diyat*. Bagaimanakah nasib keluarga si mangsa yang ditinggalkan tanpa ada apa-apa pembelaan? Berbeza dengan hukuman Islam apabila melibatkan kehilangan nyawa, maka hukuman *diyat* adalah wajar.

Kedua, soal pengampunan daripada keluarga mangsa. Ini juga tidak diketengahkan dalam hukuman yang ada pada hari ini. Walaupun saya percaya seksyen 183A Kanun Tatacara Jenayah ada memperuntukkan mengenai kenyataan impak daripada ahli keluarga. Berbeza dalam hukuman Islam, ahli keluarga diberikan kuasa pengampunan. Oleh sebab itu, saya katakan dengan jelas tadi bahawa sememangnya hukum Islam ini tegas dan kelihatan

keras tetapi ada elemen fleksibel yang tidak ditonjolkan secara tersusun. Inilah keadilan yang menyeluruh dan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua saya mengharapkan agar kerajaan melanjutkan jawatankuasa khas hukuman mati ini dengan melakukan penelitian terhadap beberapa perkara supaya pelaksanaan hukum mati di negara ini benar-benar mencapai elemen pencegahan yang diharapkan.

Kita seharusnya menilai pemakaian seksyen 426 Kanun Tatacara Jenayah iaitu berkenaan *diyat* serta seksyen 183A Kanun Tatacara Jenayah iaitu kenyataan impak ahli keluarga sebagai suatu yang wajar dipertimbangkan dalam konteks ini. Saya juga mencadangkan kerajaan mempertimbangkan keanggotaan lembaga pengampunan dalam Perkara 42(5) Perlembagaan Persekutuan turut diberikan kepada ahli keluarga supaya mereka juga dilibatkan dalam proses pengampunan. Sekian terima kasih, saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada yang Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad atas perbincangan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail, silakan.

12.27 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.*

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Alhamdulillah... [Membaca selawat]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas keizinan kepada saya untuk turut sama berbahasa dalam tajuk Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 pada hari ini.

Saya ingin mengambil sedikit ruang masa untuk sebelum kita masuk kepada perbincangan jenayah yang membabitkan isu mandatori ini kerana hari ini hari akhir, Tuan Yang di-Pertua.

Izinkan saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini juga termasuk dalam isu jenayah antarabangsa yang sangat berat iaitu untuk mengambil kesempatan ini merakamkan kutukan, kecaman kita terhadap jenayah perang pencerobohan kuasa haram Israel terhadap negara-negara umat Islam di sekitarnya termasuk sekarang Negara Lubnan dan pencerobohan dan pelaksanaan durjana tentera Israel terhadap orang-orang Islam yang sedang bersembahyang di Masjid Al-Aqsa beberapa hari yang lalu dan isu ini terus hangat dan terus berulang setiap masa saban tahun terutama di musim Ramadan yang penuh diberkati ini.

Seterusnya, saya terus kepada isu perbincangan kita pada hari ini. Saya sangat bersetuju dengan rang undang-undang yang kita sedang bahas hari ini berkaitan dengan

pemansuhan hukuman mati mandatori yang dalam kertas yang dikemukakan sekitar dalam 12 seksyen. Saya ingat ada perkara yang juga kita harus ambil perhatian. Memang dalam isu mati mandatori ini walau banyak yang dikaitkan tetapi yang paling ketara sekarang daripada dahulu ialah isu jenayah dadah. Memang isu inilah isu yang paling banyak berlaku di dalam masyarakat kita.

Hari ini *insya-Allah* kita bakal bersetuju untuk pemansuhan hukuman mati mandatori terhadap penjenayah ini. Cuma yang saya terasa sedikit kebimbangan Yang Berhormat Menteri, sekeras itu hukuman yang sudah kita perlakuan sebelum ini. Sehingga hari ini tanpa kelihatan keberkurangan jenayah dadah ini. Pengedar dadah tidak berkurang, pelaksana atau pun ketagih dadah terus meningkat.

■1230

Sebenarnya, apakah yang menjadikan ia begini? Mungkin *kah* kerana program pendidikan ataupun jenayah itu pelaku atau hukum yang dilakukan sebelum ini walaupun sekeras itu tidak cukup untuk mendidik mahupun menggerunkan mereka.

Dalam konteks kes dadah ini khususnya, dia mempunyai satu jenis jenayah yang berangkai. Ada *complimentary* jenayah, dengan izin, bersama dengan dadah, curi, rompak, bunuh, kadang-kadang bunuh bersiri. Jadi, dengan pengurangan ketegasan hukum daripada mati mandatori kepada penjara seumur hidup ini, bagus tetapi apa langkah pelengkap kepada program ini supaya jenayah khususnya dadah ini dapat dibendung dengan cara yang lebih berkesan.

Hukuman-hukuman yang berkait dengan mati mandatori yang disebutkan di sini iaitu dalam Islam ia terkait dengan hukum takzir. Banyak perkara yang dikaitkan dengan hukum takzir yang di bawah kuasa pemerintah. Bukan sahaja dadah, rasuah, seleweng kuasa dan lain-lain yang banyak kita sebut terkait dengan yang disebut dalam 12 seksyen. Akan tetapi, itu yang terkait dengan takzir di dalam Islam. Cuma, saya hendak ambil kesempatan ini sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon supaya kita tidak terlanggar satu perkara.

Oleh sebab tadi disebutkan bahawa selain daripada perkara-perkara yang dimasukkan ke dalam seksyen mati mandatori ini, di sana ada hak kepada hakim untuk memutuskan perkara-perkara ini. Perkara yang saya hendak sebutkan ini ialah tentang yang terkait dengan qisas. Dalam al-Quran ada menyebut... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Sama kita ini orang Islam... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Setaraf kedudukan hukumnya.

Dalam bab puasa itu Allah SWT ada sebut. Dalam bab qisas itu yang juga Allah SWT ada sebut. Satu daripada yang terkait dengan qisas iaitu hukum bunuh dengan sengaja. Mudah-mudahan perkara ini akan diambil kira dan tidak termasuk dalam bidang ini untuk dikaitkan dengan penghapusan mandatori. Saya harap supaya yang terkait dengan hukum

qisas tidak dicantumkan dalam hukum penghapusan hukum mandatori sebab ini adalah hak Allah SWT yang Allah SWT tentukan dalam al-Quran.

Akhirnya, isu bunuh hukum mati ini saya hendak sebutkan tentang sesuatu yang disebutkan oleh Allah SWT. Di banyak-banyak hukum balas, hukum balas qisas ini, mati nyawa dibalas nyawa, mata dibalas mata, telinga dibalas telinga, gigi dibalas gigi tetapi di hujung itu Allah SWT berfirman- yang sangat dimuliakan ialah yang mengampuni. Siapakah yang berhak mengampuni? Keluarga kepada mangsa. Kita di sini sekarang ini mengampuni ialah orang lain yang tidak ada kena mengena dengan keluarga. Boleh tidak ruang untuk kita hendak tambahkan satu ruang bidang pengampunan diberi hak kepada keluarga. Sebab yang menerima kesan bukan orang lain tetapi keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ruang itu pun, keluarga mampu memberi satu keputusan yang lagi hebat. Kehebatan ini pernah dijelmakan dalam zaman mutakhir ini tahun 2015. Apabila satu peristiwa '*Abdul Munim melawan Relford*' di Kentucky, *United States of America*. Relford yang membunuh anak pada Abdul Munim namanya Salahuddin, seorang peniaga piza. Dirompak dan dibunuh. Tiba-tiba hakim menjatuhkan hukuman bukan mati, menjatuhkan hukuman 31 tahun penjara.

Setelah selesai penghakiman, di dalam mahkamah, Abdul Munim bangun dan terus menyatakan "*On behalf of my son...*" dengan izin. "*On behalf of my son and my family, saya mengampunkan Relford.*" Dia membebaskan dan mengampunkan Relford dengan linangan air mata. Tiba-tiba Relford bangun menangis. Seluruh anggota di dalam mahkamah menangis termasuk Hakim- Kimberly. Betapa hebat hukum dan ruang penghakiman ini sebab sebenarnya selepas yang Allah SWT janjikan kepada mereka bahawa orang yang memberi ampun itu diletakkan pada suatu tingkat yang sangat mulia.

Oleh sebab itu, disebut berulang-ulang oleh Rasulullah SAW. Tidak akan berkurangan harta yang bersedekah. Dimuliakan orang yang memberikan keampunan dan diangkat darjat orang yang berjiwa merendahkan diri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada banyak perkara yang saya hendak sebut. Rasulullah SAW ada menyebut... [*Membaca sepotong Hadis*] "*Maafkan lah orang lain nescaya Allah SWT maafkan kamu.*" Saya sebut kalau tersilap saya mohon cendekiawan-cendekiawan membetulkan.

Saya harap mudah-mudahan dalam isu hukuman mati mandatori ada ruang-ruang lain termasuk dalam isi yang saya sebutkan bunuh dengan sengaja ini ia ada ruang yang saya hendak cadang supaya ditambah tentang peranan keluarga bukan badan pengampunan sahaja, bukan hakim sahaja. Peranan keluarga harus dimasukkan di dalam bidang kuasa pengampunan. *Wallahua'lam. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Dipersilakan.

12.37 tgh.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas pembentangan rang undang-undang pindaan ini dan pemansuhan hukuman mati mandatori ini. Saya rasa persiapan yang dibuat oleh kerajaan melalui jawatankuasa yang ditubuhkan agak ekstensif dengan libat urus pelbagai pihak.

Soalan saya, adakah atau betapa ekstensif kah libat urus yang dibuat bersama para ulama, mufti dan mereka merupakan tokoh-tokoh dalam Islam supaya apa yang ditimbulkan tadi telah diambil kira oleh mereka, oleh jawatankuasa ini supaya kita akan mendapat suatu keputusan yang lebih menyeluruh, lebih adil pada semua peringkat.

Kita juga mengucapkan syabas kerana kita akan menjadi sebahagian daripada masyarakat antarabangsa. Kini ada 106 buah negara yang sudah tiada hukuman mati. Ini bukan mandatori. Hukuman mati tidak ada. Kita masih berada dalam kelompok 56 buah negara. Jiran kita Singapura seperti disebutkan oleh rakan kita tadi masih lagi mengenakan hukuman mati dan kita pernah merayu bagi pihak mangsa-mangsa ataupun pihak mereka yang telah dijatuhkan hukuman kerana mereka merupakan rakyat Malaysia. Mungkin dengan kita merubah atau meminda hukuman mandatori di negara kita akan sedikit sebanyak membuka mata bahawa kita berbeza.

Kalau dahulu kita kata kita minta dibebaskan atau boleh ditangguhkan atau di-*commute* kepada hukuman lain. Mereka akan balas balik, "Kamu di Malaysia pun lebih kurang juga. Macam mana kamu hendak mendesak kami." Hari ini kita memberikan satu isyarat yang baik kepada jiran kita. Kesannya nanti memang akan memberikan suatu natijah yang baik dalam sudut keadilan kepada rakyat kita. Kematian sudah berlaku. Yang mati akan mati, yang membunuh didapati bersalah dan dihukum.

Cuma, dalam sistem keadilan yang menentukan salah silapnya setelah menilai segala bukti ialah hakim. Akan tetapi, sebelum ini hakim sekadar mengatakan ya kes pembunuhan kesalahan telah berlaku. Kemudian, dia tidak ada suatu hak untuk memberikan suatu hukuman. Kesalahan telah didapati hukuman tidak ada maka ia terus pada hukuman mati. Ini adalah suatu saya tidak tahu macam mana kehidupan seorang hakim dalam bab ini dalam menentukan hukuman ini. Bagaimana perasaan mereka, *how they suffer?*, dengan izin. Itu satu perkara yang lain, tetapi sebagai hakim yang lengkap, dia juga boleh memberikan hukumannya.

■1240

Mengubah daripada mati mandatori kepada hukuman penjara antara 30 tahun dan 40 tahun serta sebatan bagi sesetengah kes dilihat sebagai suatu yang munasabah, yang dilihat

adil. Cumanya, seandainya yang dijatuhi hukuman itu ialah seorang yang berumur 60 tahun contohnya, 30 tahun dalam jel ini, 90 tahun. Lebih kurang hukuman mati jugalah. Hukuman penjara seumur hiduplah itu ya.

Jadi, adakah tidak dipertimbangkan hukuman ini juga bergantung kepada umur pesalah, supaya ada kesannya perubahan ini kepada orang yang bersalah? Kalau tidak, itu *commute* kepada 30 tahun, tidak dapat kebebasan tersebut. Cuma, tidak dihukum mati. Jadi, saya mencadangkan supaya kalau boleh dilihat pengecualian-pengecualian di mana pesalah-pesalah itu mereka yang telah berumur.

Mengenai pesalah-pesalah dadah ini, kita pun telah menerima perbahasan hal ini bahawa ada kes-kes yang terpaksa dihukum kerana *that's the law*. Akan tetapi oleh sebab ia bukan suatu jenayah yang menyebabkan kematian pada ketika itu- kesan dadah ini dengan salah gunanya mungkin menyebabkan kematian, tetapi pada ketika itu, tidak mati. Jadi, sewajarnya bukan sekadar hukuman mandatori ini, hukuman mati itu terlalu berat bagi pesalah-pesalah sedemikian.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa pindaan ini yang telah kita tunggu begitu lama dan telah kita sertai, malah untuk libat urus bagi mengkaji semula ini adalah sangat tepat masanya. Dalam masa yang sama, ambillah perkiraan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh rakan-rakan saya Yang Berhormat Musoddak, Yang Berhormat Cikgu Hussin tadi, supaya ia akan menjadi lebih comel, lebih inklusif dan mengambil kira semua aspek keadilan yang ada di muka bumi ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing, dipersilakan.

12.43 tgh.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang untuk membahaskan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023. Akta ini ialah untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan mengubah hukuman pemenjaraan sepanjang hayat dan sebatan. Untuk tujuan tersebut, akta-akta berikut akan dipinda iaitu Kanun Keseksaan, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat), Akta Senjata, Akta Penculikan, Akta Dadah Berbahaya, Akta Perdagangan Strategik dan Kanun Tatacara Jenayah atau *Criminal Procedure Code*.

Malaysia adalah pada masa ini satu daripada negara yang masih menjatuhkan hukuman mati mandatori di bawah akta-akta yang saya telah sebut tadi. Negara-negara lain yang juga mengendalikan hukuman mati adalah seperti Amerika, Jepun, Singapura, China,

India dan kebanyakan negara-negara Islam. Daripada kalangan negara-negara yang telah memansuhkan hukuman mati mandatori ialah seperti *Portugal*, Denmark, Norway, *France* dan *Holland*.

Pemansuhan hukuman mati mandatori dianggap sebagai progresif dan setaraf dengan negara-negara maju. Dengan mansuhnya hukuman mati mandatori, adakah hukuman mati dikekalkan mengikut budi bicara kebijaksanaan hakim? Timbalan Menteri tadi ada mengatakan, “Ya, hukuman mati masih dikekalkan kepada jenayah-jenayah yang tertentu”. Soalan saya ialah, atau hukuman mati akan digantikan dengan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat atau *imprisonment for life*?

Kita sudah mendengar bahawa sekarang mungkin tidak ada lagi hukuman yang serupa atau hukuman pemenjaraan sepanjang hayat dan digantikan dengan pemenjaraan tidak kurang daripada 30 tahun atau tidak melebihi 40 tahun. Untuk seseorang yang dijatuhkan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat dan telah menjalani misalnya 20 tahun, ada kemungkinan dengan pindaan ini akan dibebaskan dalam masa terdekat. Ini mengambil kira pengurangan tempoh atas sebab tingkah laku atau *remission*.

Dengan keadaan yang begini, apakah perasaan ahli keluarga mangsa? Adakah penjenayah seperti ini akan disebat 12 kali bila hukuman matinya diganti dengan pemenjaraan minimum 30 tahun dan tidak melebihi 40 tahun seperti yang diperuntukkan dalam pindaan yang dicadangkan?

Dengan pemansuhan hukuman mati mandatori, tidakkah ia akan menggalakkan penjenayah melakukan jenayah yang kejam seperti merompak, merogol dan membunuh sama sekali? Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa buat masa sekarang tidak ada bukti hukuman mati ini ada kesan dengan kelakuan jenayah. Akan tetapi, saya ingat kita boleh menilai kesannya selepas hukuman mati ini dimansuhkan, baru kita tahu jika jenayah-jenayah akan meningkat. Ini sebab hukuman mati ini sudah dimansuhkan.

Pada pendapat saya, hukuman mati harus dikekalkan untuk jenayah yang kejam bagi menghalang mereka yang ingin melakukannya- sekejap lagi ya. Bagaimanapun, hakim harus diberi pilihan untuk menjatuhkan hukuman mati atau hukuman yang lebih ringan. Ini sebab buat masa sekarang, hakim tidak ada pilihan dan terpaksa menjatuhkan hukuman mati mandatori untuk kes-kes selaras dengan kehendak akta-akta tersebut. Justeru, dengan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori, hakim-hakim dengan kebijaksanaan mereka diharap menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan jenayah. Dengan itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris, dipersilakan.

12.49 tgh.

Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang untuk saya sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi hak asasi bagi setiap manusia yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan kita, dijamin oleh agama kita iaitu hak kebebasan kita untuk beragama, kebebasan untuk diri kita, kebebasan untuk kita bercakap, kebebasan untuk kita memberikan pendapat, juga kebebasan untuk kita membuat pemilihan dan juga kebebasan untuk kita bergerak. Apa yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua ialah kebebasan untuk kita hidup.

Jadi hak manusia paling penting dalam kehidupan insan ini untuk hidup seperti yang tertera dalam surah An-Nisa' ayat 93 yang bermaksud, "*Dan sesiapa yang membunuh seseorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam dan kekal di dalamnya*". Dalam maksud ayat ini ialah penegasan tentang pentingnya kita menjaga hak agar nyawa bagi setiap manusia yang hidup.

Jadi dalam keadaan-keadaan tertentu, pengambilan nyawa seseorang itu diharuskan. Dalam kes-kes tertentu, pengambilan nyawa itu diharuskan dengan syarat sah mengikut ketentuan syariah seperti hukuman bunuh ke atas pembunuh, kecuali mendapat pengampunan waris dengan pembayaran *diyat*. Ini menunjukkan kepada kita bahawa tidak semua hukuman bunuh adalah tetap. Ia boleh berubah-ubah. Maksudnya walaupun asalnya hukuman bunuh tetapi ia boleh diubah. Jadi, hukuman bunuh ini boleh dipinda ataupun diberikan pilihan lain ataupun diubah kepada pemenjaraan sepanjang hayat seperti yang kita sebut.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita dalam konteks Islam, pindaan hukuman bunuh ini terutamanya ia melibatkan waris-waris kepada yang terlibat yang mati dibunuh. Jadi seharusnya, kaedah pampasan ataupun *diyat* perlu diadakan dalam pelaksanaan pemansuhan hukuman mati mandatori ini bagi mendapatkan kemaafan daripada keluarga, sebagai alternatif untuk mendapatkan pelepasan hukuman tadi. Maksud saya bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat Senator-Yang Berhormat Senator lain supaya keluarga diberikan pampasan ataupun *diyat* bagi sebagai alternatif untuk kita nak tukar hukuman daripada hukuman bunuh kepada hukuman pemenjaraan sepanjang hayat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini kalau kita tengok banyaklah yang melibatkan memerangi Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan, kesalahan membunuh dengan sengaja, seksyen 3, Akta Senjata Api 1971, Akta Dadah Berbahaya 1952. Semua pesalah berkenaan boleh dibawa hukuman mati mandatori. Jadi

hukuman pemenjaraan sepanjang hayat dan hukuman pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada 30 tahun dan hukuman kita tidak melebihi 40 tahun serta sebatan tidak kurang daripada 12 kali.

Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada sedikit persoalan untuk diajukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sehingga tahun 2023, sekarang inilah, kita nak tahulah jumlah banduan yang masih dalam penjara yang sedang menunggu hukuman mati. Kita nak tanya juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, pindaan undang-undang baharu ini, adakah ia memberikan kesan kepada banduan-banduan yang sudah diputuskan oleh mahkamah, diputuskan hukuman mati? Adakah ia memberikan kesan? Mungkin boleh beri data maklumat sedikit tentang jumlah pemenjaraan seumur hidup, jumlah banduan yang ada di penjara-penjara kita. Sekian, saya mahu menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Nasir bin Haji Idris atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan. Dipersilakan.

12.55 tgh.

Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan kali ini tentang Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 ini yang sekian lama ditunggu-tunggu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasa ini, izinkan saya memetik sebuah petikan dalam kajian Profesor Dr. Steven Chermak, pensyarah di Sekolah Pengadil Jenayah- *School of Criminal Justice* di *Michigan State University* dalam kajiannya yang diterbitkan berjudul *Criminology and Public Policy* yang berbunyi "*Tiada satu pun penemuan yang ditemui dalam kajian berkenaan hubungan simbiotik antara hukuman mati dengan penurunan kadar jenayah yang melibatkan hukuman setara dengannya. Hukuman mati mandatori bukanlah langkah yang relevan lagi pada dekad ini untuk menghentikan pembiakan jenayah daripada berleluasa*".

Jadi petikan ini mengajak kita untuk sama-sama berfikir sebenarnya bahawa ideologi yang digunakan untuk meneruskan hukuman mati mandatori sebagai mekanisme bahawa hukuman agar jenayah berkurangan sudah tidak boleh diterima lagi. Apatah lagi pada zaman yang moden dan serba maju ini, majoriti negara dunia sudah mulai memansuhkan hukuman mati atau setidaknya-tidaknya menawarkan moratorium bagi kesalahan jenayah mati mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, pewartaan usul ini akan menjadi satu lagi rekod kita di Malaysia untuk termasuk dalam 140 buah negara daripada 193 buah negara yang telah memansuhkan

hukuman mati mandatori. Tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana membentangkan rang undang-undang ini pada hari ini.

Hal ini dikuatkuasakan lagi dengan dokongan daripada Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Volker Turk dalam ucaptamanya di Persidangan Majlis Hak Asasi Manusia Sedunia Kali Ke-52 di Geneva, Switzerland yang menekankan kegagalan hukuman mati di kebanyakan negara di mana hukuman ini tidak mampu membendung kadar jenayah yang bahkan wajar untuk dimansuhkan kerana bersifat tidak berperikemanusiaan, lapuk dan jauh ketinggalan. Negara-negara seperti di Benua Afrika masih membangun seperti kita di Malaysia ini juga tidak ketinggalan berusaha menghapuskan amalan hukuman mati di dalam tatacara jenayah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, hukuman mati bukan sahaja perlu dinilai daripada segi kemanusiaan dan hak asasi manusia tetapi turut dinilai dari sudut pandang alam atau *worldwide view*, dengan izin, dan keagamaan. Dalam agama Kristian misalnya, merujuk kepada 10 rukun, atau *10 commandments* khusus dalam rukun yang keenam, disebutkan dengan jelas bahawa membunuh sama ada atas alasan hukuman, menghukum ataupun dalam keadaan yang lain sekalipun dilarang dan bercanggah dengan prinsip keagamaan dan ajaran Kristian dan *Bible*.

Saya fikir samalah juga dengan perspektif dalam Islam seperti yang dinyatakan oleh rakan-rakan tadi dan agama lain seperti Hindu dan Buddha. Saya percaya ramai cendekiawan agama cenderung untuk usul ini disokong dan diluluskan ketika kita semua pasti percaya bahawa sistem pengadilan dunia hari ini tidak seharusnya cenderung mewacanakan persoalan hukum sahaja tetapi juga melibatkan pemulihan dan pendidikan serta mencabar aspirasi keadilan itu sendiri.

■1300

Akhir kata, saya sogokkan kepada kita nukilan Profesor Mai Sato dari *Monash University Australia*, negara yang pernah berbalah secara siasah dengan kita suatu masa dahulu berkait hukuman mati. Dengan izin, *"I now take the wheel together with more than half of the countries in the world that the death penalty is unnecessary for all crimes."*

Kita harus percaya, Malaysia Madani bukan soal meletakkan pembangunan sahaja semata-mata tetapi menjulang rasa kemanusiaan dan kesaksamaan. Untuk itu, saya tegaskan semula, hukuman mati mandatori perlu dimansuhkan.

Percayalah, menumpahkan darah seseorang pesalah bukanlah jaminan kepada berakhirnya sebuah jenayah dari terus menular. Pun begitu, hukuman yang setimpal harus tetap dilaksanakan. Membangun bangsa yang berhemah dan bertatasusila tidak semestinya dengan hukum dan hukuman sahaja tetapi juga melihat kepada bagaimana pendidikan dan ketertiban disadur bagi membina peradaban.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini supaya diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ah Fan Bin Suan atas perbahasan tadi.

Dengan ini, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris. Silakan.

1.02 tgh.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang dan ruang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang ini.

Seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 ini adalah bertujuan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori untuk mengubah pemenjaraan sepanjang hayat dan sebatan ke atas kesalahan yang dinyatakan dalam akta-akta yang disebut secara khusus dalam pindaan tersebut.

Saya faham bahawa pindaan ini tidak memansuhkan hukuman mati secara *total* tetapi lebih memberi budi bicara kepada hakim dalam kesalahan yang menyebabkan kematian untuk memutuskan sama ada menjatuhkan hukuman mati atau sebaliknya menjatuhkan hukuman penjara bagi satu tempoh yang tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun. Bagi kesalahan yang tidak melibatkan kematian, hukuman mati tidak harus dijatuhkan oleh mahkamah. Sekiranya hukuman mati tidak dijatuhkan oleh mahkamah, pesalah boleh dikenakan hukuman alternatif, termasuk sebatan.

Begitu juga dengan perkataan “penjara seumur hidup” dalam akta-akta yang berkaitan yang disebut dalam pindaan ini dipinda kepada penjara dalam tempoh masa yang tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak boleh lebih daripada 40 tahun. Langkah untuk memansuhkan hukuman mati mandatori ini dengan memberikan hukuman alternatif adalah langkah yang ditunggu-tunggu sekian lama dan dialu-alukan kerana setiap insan di dunia ini berhak mendapat peluang kedua dalam hidup.

Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia dari tahun 2000 hingga 31 Januari 2023 menunjukkan bahawa terdapat seramai 2,350 kemasukan banduan yang telah dituduh di bawah kesalahan yang membawa kepada hukuman mati.

Laporan *Amnesty International*, negara kita merupakan antara 15 buah negara di dunia yang masih mengenakan hukuman mati dalam kes-kes kesalahan dadah. Malah, sejumlah 67.62 peratus orang banduan yang telah disabitkan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya bagi pengedaran dadah, manakala hanya 29.36 peratus banduan

melakukan kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu membunuh. Ini menunjukkan walaupun dengan hukuman mati mandatori yang diperuntukkan dalam Akta Dadah Berbahaya, kes-kes kesalahan dadah dilakukan oleh pesalah masih juga tidak berkurangan.

Dilaporkan pada masa kini ada lebih daripada 1,300 orang banduan akhir yang sedang menunggu hukuman mati. Soalan saya, adakah selepas pindaan ini dibuat, semua banduan akhir yang sedang menunggu hukuman gantung ini boleh memohon semakan kes mereka semula? Atau adakah pindaan ini hanya terpakai melibatkan sabitan kes-kes baharu sahaja? Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Begitu juga pemansuhan hukuman mati mandatori dan memberi alternatif kepada hukuman penjara untuk tempoh masa tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak boleh lebih daripada 40 tahun. Sudah tentu akan memberi kesan domino kepada kepadatan sel-sel penjara. Apakah usaha kementerian undang-undang bersama dengan kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Dalam Negeri untuk mereformasikan institut penjara supaya penjara-penjara yang sedia ada benar-benar bersedia dalam aspek penyediaan fasiliti serta kemudahan-kemudahan asas yang penting untuk menampung kemasukan banduan-banduan baharu yang akan menjalani hukuman penjara sepanjang hayat pada masa hadapan?

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Terakhirnya, saya juga ingin mencadangkan dalam kes bunuh, pesalah yang disabitkan dengan kesalahan bunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan, pesalah dikenakan membayar ganti rugi. Seperti cadangan daripada rakan-rakan Senator, pesalah dikenakan bayaran ganti rugi kepada keluarga mangsa yang dibunuh untuk mengurangkan trauma keluarga mangsa yang kehilangan nyawa ahli keluarga mereka.

Saya akhiri perbahasan saya pada hari ini dengan kata-kata William Blackstone, dengan izin, *"It is better that 10 guilty persons escape than the one suffer."* Lebih baik 10 orang yang bersalah lepas daripada seorang tidak bersalah menderita.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

1.07 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi kerana memberi masa kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang ada di hadapan kita pada petang hari ini.

Saya ingin membawa kita untuk memikirkan undang-undang ini sama ada akan memberi satu pengurangan ataupun penambahan kepada aktiviti ataupun kejahatan yang dilakukan oleh pembunuh ataupun selalunya pembunuh bersiri. Dalam perkara begini, saya percaya pembunuh bersiri, kalau dikenal pasti, saya sangat menyokong di mana hakim masih diberi kuasa untuk memutuskan pembunuh kejam, pembunuh bersiri, diberi kuasa untuk menghukum mati bagi mereka yang tidak diperlukan di dalam masyarakat kita.

Kalau mereka dilepaskan ataupun kalau mereka dipenjarakan seumur hidup, seolah-olah tidak memberi satu pengajaran kepada masyarakat kita. Ini satu perdebatan yang kita ingin sampaikan, yang kita ingin jawab. Adakah kita melakukan ini hanya kerana kita mahu menjadi salah sebuah negara yang mahu menghapuskan hukuman mati ini sehingga kita terpaksa untuk melakukannya supaya kita tidak dilihat sebagai negara yang masih kuno mengamalkan hukuman mati kepada mereka yang membunuh atau sebagainya?

Ini persoalan-persoalan yang perlu dijawab oleh kerajaan kita. Saya percaya perkara ini perlu dibentangkan kepada kita di Dewan Negara ini supaya rakyat faham apa yang telah dikaji, apa yang telah dibuat untuk membolehkan kita mendapat satu maklumat jelas daripada kementerian untuk kita menghapuskan hukuman mati ini.

■1310

Satu perkara yang kita kena lihat selama ini, undang-undang yang kita ada adalah undang-undang yang menyekat atau pun mengikat hakim kita untuk terpaksa menjatuhkan hukuman mati, terutamanya dalam kes pengedaran dadah. Walau bagaimanapun, dengan adanya undang-undang baharu ini nanti, kita tidak lagi mengikat hakim-hakim kita untuk terpaksa menjatuhkan hukuman mati kepada mereka yang telah mencapai pengedaran melebihi berat tertentu.

Persoalan kita pada hari ini, pengedaran dadah ini nampaknya semakin berleluasa. Baru-baru ini, ada pengedaran ataupun pengangkutan dadah daripada negara kita hingga ke Australia, yang melibatkan jutaan nilai tangkapan itu. Seolah-olah ya, memang kita percaya, seolah-olah hukuman mati ini pun tidak *deterrent*, dengan izin, terhadap kesalahan-kesalahan yang begini.

Jadi, bagaimana kita, apabila kita tidak mengadakan hukuman mati lagi kepada hukuman pengedaran dadah ini, ini yang kita melihat ke depan supaya pengedar-pengedar ini yang mendapat keuntungan berjuta-juta daripada pengedaran mereka yang aktif ini, pengedar tegar ini. Jadi, bagaimanakah supaya perkara ini tidak berleluasa? Bahkan, sampai ke pedalaman, di rumah panjang, di kampung-kampung, yang merosakkan generasi kita.

Justeru itu, memang kita bersetuju supaya hakim masih diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman kepada keadaan-keadaan di mana kesannya mendatangkan generasi kita rosak atau pun yang seterusnya adalah untuk keluarga- kalaulah keluarga diminta untuk memberi pengampunan. Ya, kita setuju kalau keluarga diberi kuasa untuk mengampunkan kepada orang yang dihukum bersalah ini tetapi kita kena lihat juga pesalah itu, sama ada dia ini berpotensi untuk menjadi pembunuh bersiri. Jadi, perlu diseimbangkan dengan kemaafan oleh keluarga dengan kerajaan menjaga masyarakat kita.

Jadi, dengan ini, saya menyokong rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

Sekarang, dipersilakan, Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali.

1.13 tgh.

Tuan Amir bin Ghazali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, pagi ini saya ingin membahaskan RUU pindaan pemansuhan mandatori hukuman mati ditukar kepada hukuman penggantian pemenjaraan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan pandangan bahawa pindaan 2023 RUU Pemansuhan Mandatori Hukuman Mati bukannya bermaksud untuk melindungi atau memberi pembelaan kepada setiap penjenayah.

Dalam konteks menjalankan kuasa, tindakan pencegahan oleh pihak PDRM tidak memberi kesan langsung atau mengundang implikasi negatif terhadap tugas PDRM, khususnya dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang melibatkan jenayah-jenayah berat. Jadi, tidak betul akan dakwaan sekiranya pemansuhan hukuman mandatori diterima menyebabkan ada peningkatan kadar kejadian jenayah berat.

Kita sedar bahawa pemansuhan mandatori hukuman mati bukanlah jaminan ia dapat mengurangkan kadar jenayah di negara ini, namun saya berpandangan hukuman mati mesti tetap ada dan terus dijalankan. Akan tetapi, cuma bagaimana cara untuk seseorang juri hakim tentukan, itu terpulang kepada kebijaksanaan hakim yang menentukan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga akta yang berkaitan undang-undang yang membenarkan penahanan seseorang dengan tujuan untuk mencegah. Antaranya ialah pertama, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Kedua, Akta Pencegahan Jenayah 1959, di bawah seksyen 10, dan seksyen 11, tempoh individu yang ditahan tidak melebihi dua tahun.

Ketiga, Akta Pencegahan Keganasan 2015, yang boleh mendatangkan kemudaratan ketenteraman awam atau pun untuk menghapuskan kekerasan atau mencegah jenayah yang melibatkan kekerasan.

Pilihan dan terikat mesti dijatuhkan hukuman mandatori teraniaya. Hal demikian kadang-kadang kes melibatkan anak-anak muda yang berumur 18 tahun. Hakim mungkin mempunyai pandangan anak muda tersebut teraniaya. Contohnya, ada dadah di dalam beg tetapi tidak dapat dibuktikan siapa yang meletakkan dadah tersebut dalam beg tersebut.

Bagi kes lain, individu yang menerima satu bungkusan yang dikirimkan kepadanya, tetapi bungkusan itu disyaki mengandungi bahan terlarang. Sedangkan, menurut sangkaan dirinya, mungkin barang yang diterima itu merupakan barang yang dipesan melalui talian *online*. Namun, tanggapan pihak polis mengesyaki individu tersebut sengaja memesan barang terlarang tersebut. Contohnya, pil kuda, pil ekstasi atau lain-lainnya. Jadi, tidakkah ia dianggap satu keadaan? Kadangkala, bukti itu dia *on the team line*. Maka, yang terbaik biarlah *judge* yang menentukan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini memberi keadilan kepada si mangsa yang sebegini. Namun begitu, dalam situasi tersebut, mereka pesalah diberikan peluang kedua dan juri hakim pula ada pilihan untuk menentukan orang itu harus dijatuhkan hukuman gantung atau pun hukuman penggantian. Jadi, di sini, kita boleh anggap *direction* budi bicara hakim sebagai penjelasan bagi hukuman penggantian dengan pemenjaraan, ia tidak melibatkan kes-kes kematian.

Saya percaya pihak kerajaan mengambil kira keadilan serta kedaulatan undang-undang, *rule of law*, sentiasa diutamakan kerana implikasi terhadap 1,327 orang pesalah yang menjalani hukuman penjara sebelum dilaksanakan hukuman sampai mati.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya ingin mempersoalkan kepada kerajaan. Apabila hukuman mandatori ini dihapuskan, adakah tidak ada kebimbangan kemungkinan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah akan meningkat?

Kedua, adakah keselamatan negara akan terjejas bila mana, taikun-taikun dadah ini menjadi lebih berani menjalankan operasi haram ini?

Ketiga, apakah tindakan kerajaan untuk mengekang dan mengurangkan bahaya dadah ini dalam negara kita?

Jadi, sekian. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 kepada hukuman penggantian pemenjaraan. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Amir bin Ghazali.

Dipersilakan, Yang Berhormat Senator Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi.

1.17 tgh.

Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang. Saya di sini ingin merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri serta kesemua agensi kerajaan yang berkaitan atas usaha dalam membentangkan RUU Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 yang merangkumi pemansuhan hukuman mati mandatori dan beberapa undang-undang di negara kita.

Turut dirakamkan ucapan terima kasih saya kepada Tuan Yang Terutama, Duta Besar kita di Amerika Syarikat, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz yang terus teguh dalam menyokong sejak 2011 lagi agar hukuman mati mandatori dimansuhkan.

Pada 2011 juga, Sidang Meja Bulat Parlimen Rentas Parti meluluskan beberapa resolusi. Antaranya, kerajaan patut mansuhkan hukuman mati mandatori terutama untuk seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1962, serta mengisytiharkan moratorium untuk menggantung hukuman gantung terhadap banduan sementara undang-undang itu disemak. Setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen yang diberikan Jawatankuasa Khas Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori dalam penghasilan laporan kajian itu yang menjadi asas kepada perubahan sistem keadilan jenayah negara yang lebih sistematik dan juga efektif.

Nur Amnesty International, sejumlah 140 buah negara telah mansuhkan hukuman mati atau mengumumkan moratorium terhadap hukuman itu sementara 56 buah negara lagi mengekalkannya. Malaysia dalam 56 buah negara yang masih melaksanakannya bersama-sama China, Jordan, Singapura dan juga Mesir. Pindaan pada kali ini juga amat signifikan kepada komuniti orang kurang upaya (OKU) yang sering dijadikan sebagai keldai dadah atau pun, dengan izinnya, *drug mule*.

Saya di sini menyokong penuh pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1962 [Akta 234] di mana, fasal 54 bertujuan untuk meminda seksyen 39B, Akta 234 di mana sub fasal 50A bertujuan untuk mengubah hukuman bagi kesalahan mengedar dadah dalam seksyen 39B(2) dengan mengubah bilangan sebatan, daripada minimum 15 kali kepada minimum 12 kali jika hukuman mati tidak dijatuhkan.

■1320

Pindaan ini amat tepat pada masanya. Hal ini kerana Malaysia kini merupakan ahli Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi penggal 2022-2024. Pindaan RUU ini tentu sekali boleh menjadi pencapaian Malaysia dalam memberikan pengiktirafan kepada status hak asasi manusia.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, semua masih ingat insiden Nagaenthran K. Dharmalingam iaitu rakyat Malaysia yang juga seorang OKU yang telah dihukum gantung mati di Singapura kerana didapati bersalah atas kesalahan mengedar heroin di republik itu

pada tahun 2009 apabila ditahan dengan dadah jenis heroin seberat hampir 43 gram ketika cuba memasuki Singapura.

Walaupun Malaysia telah kemukakan rayuan tetapi gagal. Sukar untuk kita merayu kepada negara-negara ini untuk tidak menggantung mereka apabila Malaysia mempunyai hukuman mati mandatori.

Ramai lagi OKU yang terus dijadikan keldai dadah oleh sindiket-sindiket utama. Akan tetapi, yang terus dikenakan hukuman mati merupakan insan-insan teraniaya seperti OKU, warga emas dan miskin tegar apabila mereka dijadikan keldai dadah. Sehubungan dengan itu, saya mohon agar kerajaan dapat nyatakan berapakah jumlah OKU yang telah menjadi mangsa keldai dadah di dalam dan luar negara sehinggalah kini.

Berkenaan reformasi penjara, di Malaysia kita masih lagi mengalami isu kesesakan penjara. Kita juga masih banyak kes berhubung 39B, kes bunuh dan kes pemilikan senjata api yang berlaku tiap-tiap hari di mana kita lihat hukuman mati tidak mempunyai apa-apa sifat pencegah, bukan menjadi satu *deterrent* ataupun halangan.

Oleh itu, apa jaminan kerajaan bahawa melalui pindaan-pindaan ini, permasalahan dan jenayah yang berterusan di negara ini akan berkurangan? Mohon juga nyatakan jumlah OKU yang masih menjadi tahanan di penjara-penjara di dalam negara kita. Saya juga berharap Malaysia dapat mencontohi negara Belanda dan Sweden yang telah menutup beberapa buah penjara di negara mereka berikutan dengan usaha reformasi hak asasi manusia dan reformasi penjara yang turut memberi impak positif dalam pengurangan jenayah di negara mereka.

Pindaan perundangan melibatkan polisi penghukuman dan hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori ini merupakan perubahan positif kepada sistem keadilan jenayah di Malaysia supaya lebih holistik dan inklusif selain tidak menafikan hak asasi individu untuk mendapat keadilan sewajarnya. Justeru, saya ingin ucapkan tahniah kepada pimpinan kerajaan perpaduan yang terus mengangkat agenda pemerkasaan hak asasi manusia di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.
Assalamualaikum.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi.

Sekarang saya menjemput pembahas yang terakhir Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

1.23 tgh.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menjemput saya membahaskan RUU Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

Hukuman mati mandatori ini merupakan satu hukuman sebagai hukuman setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang sangat kejam. Mohon sebelum saya panjangkan, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, pada tahun 1992 sehingga sekarang berapakah banduan yang kena hukum gantung sampai mati?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang timbullah cadangan untuk pemansuhan hukuman mati mandatori. Ertinya, hukuman mati mandatori ini tiada atau tidak boleh diganti, ditukar atau diturunkan hukumnya, *or non-reversible* seperti kata Yang Berhormat Menteri tadi yang melibatkan 37 kesalahan undang-undang dan 11 kesalahan memang melibatkan hukuman mati mandatori.

Mengikut *Amnesty International*, negara kita hari ini ada 1,300 lebih banduan dijatuhkan hukuman mati dan 60 peratus menerima hukuman mati mandatori. Soalan saya, apakah kesalahan mereka ini?

Tuan Yang di-Pertua, cadangan di hadapan kita ini ialah untuk meluluskan khususnya hukuman ganti kepada hukuman mati kepada budi bicara pihak hakim. Inilah satu hasil kajian mendalam tentang reformasi perundangan oleh Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Ketua Hakim pada masa itu dan banyak libat urus telah diadakan bersama dengan pelbagai kementerian, jabatan-jabatan kerajaan masing-masing, pihak bukan kerajaan dan pihak awam seterusnya di lapisan masyarakat.

Cadangan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori adalah selaras dengan pembangunan semasa dan mewujudkan sistem perundangan negara adalah relevan pada masa terkini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk mencari punca lebih lagi daripada langkah yang perlu diambil untuk mengeratkan perlakuan detik-detik jenayah dan bukannya hanya sahaja untuk mencari cara untuk menghukum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara saya fikir ada kaitan dengan isu ini. Saya akan menyentuh sedikit tentang sistem penjara di negara *Norway*. Penjara bernama Halden. Bilik penjara dilengkapi sebagai hotel bajet, *single-bedded* bilik, seorang sahaja, dengan izin, pintu tidak berkunci, hanya kawasan penjara itu adalah dalam kawalan ketat. Akan tetapi, jumlah orang di penjara iaitu 3,571 orang dari *population*-nya enam juta.

Norway memiliki kadar kesalahan berulang paling rendah di Eropah iaitu hanya 20 peratus. Cadangan saya, adakah kita akan mengkaji semula adakah sistem ini dapat di *adapt* untuk negara kita di sini.

Tuan Yang di-Pertua, *prevention is better than cure*, dengan izin. Mengelakkan jadinya memang lebih sesuai daripada mengubatnyanya. Lokap yang berkongsi dengan bilik air saya fikir masih ada, saya harap tiada lagi. Orang yang kena suspek sahaja juga di reman dalam lokap beberapa malam dan akhirnya dibebaskan selepas diketahui tidak bermasalah.

Namun, dia sudah kena tahan dalam suasana keadaan tidak selesa. Adakah cara seperti ini selaras dengan sivil madani? Adakah bilik lokap terkini masih dalam keadaan sama? Dengan pendek kata, adakah kita akan mengkaji sistem penjara kita setakat ini?

Tuan Yang di-Pertua, implikasi RUU ini memanglah akan merangkumi pindaan kepada akta-akta lain seperti akta senjata api dan dadah. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Paul Igai. Selesailah perbahasan seramai 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat untuk RUU ini.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

1.29 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pembahas yang berjumlah 17 orang yang telah pun menyertai perbahasaan berkenaan dengan rang undang-undang ini yang cukup penting dan saya mengalu-alukan idea-idea dan komen-komen yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan tadi.

■1330

Saya akan menjawab satu persatu bukan mengikut giliran tetapi mengikut isu yang ditimbulkan. Saya telah pun mendengar persoalan-persoalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Noorita binti Sual tadi yang bertanya berkenaan dengan sokongan yang akan diberikan kepada pesalah-pesalah yang membuat semakan ke mahkamah kelak. Adakah kerajaan akan memberikan sokongan daripada segi kewangan dan apakah cadangan-cadangan yang akan dibuat?

Untuk makluman Yang Berhormat, banduan yang tidak berkemampuan dan yang memerlukan bantuan guaman boleh mendapatkan bantuan tersebut daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dengan kerjasama Majlis Peguam Malaysia, *The Bar Council*. Sudah tentu kerajaan akan menyelaras perkara-perkara ini dengan badan-badan tersebut bagi memastikan *legal aid* itu memang disediakan dan diberi kepada banduan-banduan tersebut untuk memastikan keadilan dicapai.

Juga boleh dengan kerjasama pihak mahkamah untuk memberi *Court-Appointed Counsel* boleh juga diuruskan bagi tujuan memberi *legal counsel* ataupun *legal aid* kepada mereka yang akan pergi ke Mahkamah Persekutuan bagi tujuan semakan hukuman mati mereka pada masa depan.

Juga daripada segi permohonan pengampunan ataupun *application for clemency*, dengan izin, Jabatan Penjara Malaysia sentiasa membantu dalam membuat permohonan-permohonan tersebut dan banduan layak membuat permohonan pengampunan selaras

dengan Peraturan 113, Peraturan-peraturan Penjara 2000 sebaik sahaja sabitan dijatuhkan dan untuk kali kedua selepas tiga tahun daripada sabitan dijatuhkan. So, daripada segi ini pihak penjara juga akan mengemukakan laporan setiap empat tahun sekali untuk membolehkan Lembaga Pengampunan mempertimbangkannya.

Bagi kes-kes hukuman mati, perkara ini juga di bawah Peraturan-peraturan Penjara 2000 tersebut. Bagi status hukuman mati bukan warganegara, statusnya adalah seramai 483 orang daripada 1,312 orang yang pada masa ini, dengan izin, *on death row- 483 of them are foreigners*, dengan izin. Maksudnya, ini merupakan satu bilangan yang besar. Hampir setengah daripada banduan-banduan akhir yang menghadapi hukuman mati sekarang adalah *foreigners*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah telah pun bertanya berkenaan dengan petisyen pengampunan diraja dan persoalan yang timbul adalah apakah yang akan terjadi kepada banduan yang telah ditolak permohonan pengampunan mereka? Untuk makluman Yang Berhormat, banduan yang dikekalkan hukuman mati, masih boleh mengemukakan petisyen pengampunan ke Lembaga Pengampunan. Mereka masih mempunyai hak tersebut. Moratorium yang telah pun diperkenalkan akan kekal sehingga kesemua kes didengar dan keputusan semakan telah dimuktamadkan oleh mahkamah.

Selepas itu, satu pendirian berkenaan dengan moratorium seterusnya akan dibuat tetapi buat masa ini belum ada sebarang keputusan oleh pihak kerajaan berkenaan isu tersebut. Saya ingin menekankan di sini bahawa hukuman mati masih boleh dikenakan, hanya hukuman mati mandatori sahaja yang dimansuhkan.

Oleh yang demikian, untuk menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan keseriusan jenayah tersebut sama ada jenayah-jenayah seperti pengedaran dadah dapat dibendung ataupun dikurangkan bilangannya sekiranya undang-undang ini diluluskan. Kita harus ingat Tuan Yang di-Pertua bahawa hukuman mati itu masih boleh dikenakan oleh mahkamah mengikut fakta-fakta dan keadaan-keadaan setiap kes. Jadi, untuk kes-kes yang agak amat serius seperti kes bunuh, rogol dan bunuh, culik dan bunuh dan sebagainya, *of course* budi bicaranya masih ada.

Seperti di India Tuan Yang di-Pertua, walaupun hukuman mati itu dimansuhkan, budi bicara itu masih ada, sama seperti di sini. Di mana di India, ia telah pun dikenakan, hukuman mati telah pun dikenakan. Contohnya, dalam kes *the rape cum murder of a* seorang wanita di atas bas yang amat kejam di mana mangsa dalam kes tersebut telah pun dirogol berkali-kali. Kalau tidak silap saya, lima atau enam orang pesalah, di mana beliau telah pun meninggal dunia beberapa hari kemudian. Dalam kes tersebut, mahkamah di India telah pun mengenakan hukuman mati tersebut. Jadi, *of course it would be likely be reserved for the worst of the worst cases*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini akan bergantung kepada budi bicara mahkamah.

Berkenaan dengan isu pengedaran dadah. Isu pengedaran dadah seperti yang telah pun dibangkitkan tadi secara betulnya, *it was rightly pointed out*, Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan kes-kes pengedaran dadah, kami mendapati melibatkan keldai-keldai dadah ataupun *drug mules*. Dalam keadaan tersebut, keldai-keldai dadah itu sekiranya dihukum mati tidak akan, secara logiknya tidak akan mengatasi masalah pengedaran dadah.

Ini satu perkara yang penting yang perlu kita pertimbangkan dengan seriusnya. Sekiranya *we are serious, if we are serious in combating the menace of drug trafficking*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita harus menangani punca masalahnya. Iaitu kita harus mengambil tindakan terhadap *the drug lords*, dengan izin, secara umumnya untuk membendung masalah ini.

Oleh sebab keldai-keldai dadah itu memang ada. *You execute them, there will be another drug mule*. Oleh sebab mereka terdesak atas keadaan-keadaan peribadi mereka yang tertentu, yang mengakibatkan mereka membuat tindakan-tindakan pengedaran dadah ini. Jadi, kerajaan ini memang komited untuk menangani masalah pengedaran dadah tetapi jawapannya bukannya hukuman mati terutamanya terhadap keldai-keldai dadah.

Seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat Datuk (Dr.) Ras Adiba binti Mohd Radzi tadi. Beliau telah pun menimbulkan berkenaan dengan kes Nagendran di Singapura iaitu seorang yang telah pun dikenakan hukuman mati di negara tersebut atas kes pengedaran dadah. Pada masa itu, walaupun kita merayu untuk beliau tidak dihukum mati, *we didn't have the standing to do so*.

Pada masa sekarang, kami mempunyai kedudukan yang lebih baik untuk merayu kepada negara-negara lain yang menjatuhkan hukuman mati oleh sebab kita sendiri telah pun mengambil langkah proaktif ini untuk menghapuskan hukuman mati walaupun menghapuskan hukuman mandatori buat masa ini.

Yang Berhormat juga telah pun bertanya berkenaan dengan statistik jumlah OKU di penjara kita. Saya boleh memberi senarai statistik itu secara bertulis dalam masa yang terdekat.

■1340

Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha Abu Hanifah ada bertanya berhubung sama ada tempoh permohonan untuk semakan semula boleh dipanjangkan. Ini memang akan dibahaskan selepas rang undang-undang ini iaitu rang undang-undang yang seterusnya tetapi memang tempoh untuk membuat permohonan untuk semakan dalam kes-kes sebegini ialah 90 hari. Memang ada ramai yang telah pun bertanya adakah tempoh ini terlalu pendek.

Dalam hemat saya, ia tidak terlalu pendek kerana apa yang diperlukan adalah hanya untuk membuat permohonan itu dalam 90 hari tersebut. Ia tidak perlu didengar dalam 90 hari. *As long as you file the application within 90 days*, ia boleh diterima. Sekiranya seseorang banduan itu tidak dapat membuat permohonan itu dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 90 hari,

beliau masih boleh membuat permohonan ke Mahkamah Persekutuan untuk mendapat *extension of time*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan mahkamah boleh mempertimbangkan sekiranya permohonan itu adalah wajar dan berpatutan.

So, sekiranya ada masalah seperti mendapat dokumen dan sebagainya, seperti mendapat rekod rayuan yang mungkin telah pun hilang kerana *long lapse of time*, itu juga- Permohonan masih boleh dibuat dengan syarat satu affidavit tambahan akan difailkan pada masa depan setelah rekod rayuan itu ditemui dan sebagainya. *As long as the application is filed within the 90 days. Supplementary affidavit*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, boleh dikemukakan untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang tidak dapat ditemukan dalam masa 90 hari tersebut.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah pun menimbulkan isu pencegahan ataupun *the deterrent effect of the death penalty*. Ada yang menimbulkan, ada yang menyatakan bahawa kesan pencegahan ataupun *the deterrent effect of the death penalty* itu tidak- *there is no deterrent effect*. Ia tidak mengurangkan kesalahan-kesalahan jenayah terutamanya kesalahan-kesalahan yang serius. Tidak mengurangkan kesalahan-kesalahan pengedaran dadah.

Daripada segi kesalahan-kesalahan berat, daripada segi kes-kes bunuh, kita perlu menekankan ataupun harus mengingatkan bahawa terdapat banyak faktor yang boleh mengakibatkan seseorang pesalah itu melakukan jenayah berat tersebut dan bukan semestinya wujudnya *death penalty* ini akan mencegah mereka daripada melakukan kesalahan berat tersebut. Banyak kes seperti ini dibuat *at the spur of the moment*, Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan-keadaan tersebut, sama ada wujudnya *death penalty at the spur of the moment* tidak akan secara lazimnya, *will not play on the mind of the individual*.

Jadi, kerajaan adalah komited seperti yang saya katakan pada mulanya bahawa langkah-langkah yang lebih holistik perlu dipertimbangkan, perlu diambil untuk menangani masalah-masalah kesalahan jenayah yang serius, *in the long term*. Daripada segi pengedaran dadah, seperti mana yang saya katakan tadi, *the death penalty* tidak akan mengatasi ataupun menangani masalah pengedaran dadah tersebut.

Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad bertanyakan mengenai pengampunan daripada keluarga mangsa dan telah pun mencadangkan untuk melibatkan ahli keluarga mangsa dalam lembaga.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi perkara ini, keputusan untuk memberikan pengampunan adalah tertakluk *exclusively* kepada budi bicara Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 42, Perlembagaan Persekutuan. Dalam keadaan tersebut, Yang di-Pertuan Agong boleh mengambil kira ataupun boleh mendapat, mendengar *the advice of the Attorney General* dan Lembaga. Akan tetapi, keputusan memberi pengampunan itu adalah dalam budi bicara eksklusif Yang di-Pertuan Agong.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah pun menimbulkan persoalan berhubung dengan pelaksanaan *diyat*. Untuk makluman Yang Berhormat, pampasan pada masa ini ada diperuntukkan di bawah seksyen 426, Kanun Acara Jenayah, di mana mahkamah boleh memberi pampasan ataupun mengarahkan pampasan dibayar kepada mangsa ataupun keluarga mangsa. Walau bagaimanapun, ini perlu diamalkan dengan lebih pada masa depan. Berkenaan dengan isu *diyat*, kerajaan memang sedang mengkaji pelaksanaannya termasuk implikasi perundangan dan kewangan kepada kerajaan.

Yang Berhormat Senator Tuan Hussin bin Ismail ada menimbulkan soalan berhubung langkah yang diambil oleh kerajaan untuk jenayah dadah, sama ada langkah-langkah ini dapat membendung kesalahan tersebut. Kerajaan berpandangan penyelesaian isu dadah tidak bergantung, Tuan Yang di-Pertua, sepenuhnya sama ada hukuman mati dimansuhkan atau tidak. Sebaliknya, seperti yang saya katakan, ia merangkumi pelbagai aspek yang lain, antaranya keberkesanan penguatkuasaan undang-undang- *enforcement*.

Itu satu perkara yang serius yang perlu diperbaiki dan juga ia akan merangkumi isu kefahaman orang ramai mengenai kesan jenayah tersebut dan juga peluang serta tarikan untuk melakukan sesuatu jenayah itu. Dalam erti kata lain, penyelesaian isu dadah ini perlu mengambil kira kesemua faktor ini secara holistik.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli bertanya...

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Sedikit mencelah, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Kalau menurut kaedah Islam, *diyat* ini, *diyat* dan kafarah mesti dibayar bukan oleh kerajaan tetapi dibayar oleh pemangsa atau keluarga pemangsa. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya. Itu yang saya katakan tadi. *Diyat* ini adalah dalam pertimbangan kerajaan sekarang dan seperti yang saya telah pun terangkan di Dewan Rakyat dahulu apabila membahaskan perkara yang sama. Memang ini kami akan mengambil kira beberapa faktor seperti implikasi kewangan dan sebagainya. Terutamanya implikasi perundangan; bagaimana ia boleh dilaksanakan dan sebagainya. Akan tetapi, ia dalam pertimbangan kerajaan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli bertanya mengenai umur banduan. Umur pesalah. Sekiranya seorang pesalah itu berumur sudah lanjut 60 tahun dan lebih, sekiranya dijatuhkan hukuman 30 tahun, adakah itu terlalu lama. Seperti yang kita perlu faham, hukuman alternatif kepada hukuman mati ini ialah 30 hingga 40 tahun. Ada dua jenis pemenjaraan, Tuan Yang di-Pertua. Satu *is life imprisonment*. Itu ialah 30 tahun. Satu adalah *imprisonment for natural life* ataupun sepanjang hayat. Itu adalah, sebelum undang-undang ini diluluskan, hukuman penjara sehingga banduan itu meninggal dunia di dalam penjara.

■1350

Akan tetapi, itu akan dicadangkan dalam undang-undang ini untuk dikurangkan kepada satu tempoh antara 30 hingga 40 tahun. Maksudnya adalah untuk kes-kes yang mengenakan hukuman sepanjang hayat tersebut, *it is minimum*. Memang ada satu tempoh minimum iaitu 30 tahun.

Akan tetapi, saya ingat soalan yang ditimbulkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, iaitu adakah *one third discount* itu akan diberikan. Memang ia masih akan dikenakan kepada semua kes, oleh sebab itu merupakan peruntukan undang-undang di mana untuk semua kes, tempoh itu akan dikurangkan satu pertiga. Maksudnya sekiranya seseorang itu diberikan 30 tahun minimum, satu pertiga daripada 30 tahun itu akan dikurangkan. *So, it is 20 years*. Itu *of course* untuk kes-kes di mana seseorang itu boleh mendapat parol. Itu pun juga akan diambil kira. Akan tetapi, parol itu bukan diberikan secara automatik kepada semua kesalahan, bergantung kepada beberapa kesalahan sahaja.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Mohon mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa hukuman mati tidak boleh mengurangkan kadar jenayah di negara kita. Saya hendak tanya, adakah kementerian atau Yang Berhormat Timbalan Menteri mengadakan kajian di Malaysia itu hukuman jenis apakah yang boleh mengurangkan kadar jenayah di negara kita terutamanya jenayah yang ganas itu? Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, kami telah membuat banyak sesi libat urus semasa pertimbangan rang undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, isu pemansuhan hukuman mati mandatori ini bukan satu perkara baharu. Ia telah dibentangkan sejak pada masa dulu sejak Kerajaan Barisan Nasional, selepas itu semasa Pakatan Harapan yang pertama, selepas itu juga oleh Kerajaan Perikatan Nasional.

Dalam tempoh tersebut, Jawatankuasa yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Negara juga telah membuat kajian-kajian yang sepatutnya dibuat berkenaan dengan keberkesanan hukuman mati tersebut yang telah pun merangkumi isu-isu seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu adakah hukuman mati itu mempunyai *deterrent effect*.

Dari semua kajian ini, didapati *unfortunately deterrent effect is not as was thought*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi memang ada kajian-kajian itu dibuat berserta dengan satu laporan yang juga telah pun dibuat oleh Jawatankuasa tersebut yang diketuai oleh mantan Ketua Hakim Negara tersebut.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Bukan. Soalan saya ialah- memang / tahu itu hukuman mati itu tidak boleh mengurangkan kadar jenayah. Soalan saya ialah jenis hukuman apa yang boleh mengurangkan kadar jenayah di negara kita?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Hukuman itu, seperti yang telah pun kita dengar tadi, hukuman itu mempunyai banyak tujuan. Satu daripadanya adalah untuk *rehabilitate* seorang pesalah untuk membuat atau memberi *restorative justice* dan sebagainya seperti yang saya telah terangkan semasa ucapan saya dulu.

Jadi, hukuman yang efektif itu adalah bergantung kepada setiap pesalah. Setiap pesalah itu perlu diberi pendidikan, perlu diberi sokongan untuk, *to turnover a new leaf*. Ini akan memberi mereka peluang kedua untuk keluar kepada masyarakat *as useful citizen*. *That is the aim, that is the one of the main aims of sentencing*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *It is to rehabilitate rather than to punish with death, because death does not- you cannot rehabilitate somebody after the death sentence is passed on him*.

So, untuk menjawab persoalan Yang Berhormat, apakah hukuman yang mempunyai kesan *deterrence*? Apabila menjawab soalan tersebut, *I think we have to consider the rehabilitative aspect of all sentences, be they custodial or not*.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terkait apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic sebentar tadi. Saya ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini untuk kementerian kehakiman dapat meninjau sebahagian kehakiman Islam.

Misalnya, Saudi yang melakukan pelaksanaan hukum Islam itu. Kalau kita pergi ke Saudi di sekitar Mekah atau Madinah, kita akan lihat kedai-kedainya tidak ditutup dengan pintu pun. Malah ditarik kain sahaja- kain-kain penutup pintu kedai itu- dan tidak berlaku kecurian dan tidak berlakunya jenayah-jenayah besar seperti yang berlaku di tempat kita ini.

Jadi model itu ada, kehakiman Islam itu, untuk kita tinjau walaupun mungkin soal yakin tidak yakin itu satu hal. Kajian itu perlu dibuat. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Terima kasih. Kami akan mengambil kira apa yang dikatakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair juga ada bertanya berkenaan soalan-soalan berkenaan dengan pengilangan *ammunition* di bawah Akta Senjata Api.

Untuk makluman Yang Berhormat, soalan-soalan tersebut adalah lebih menjurus kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Sekiranya sebarang pindaan itu dibuat kepada akta tersebut untuk seksyen yang ditimbulkan tadi, ini perlu dicadangkan dan diambil tindakan oleh kementerian tersebut.

Akhirnya, beberapa soalan telah pun ditanya berkenaan dengan sama ada kerajaan telah pun berjumpa dengan keluarga-keluarga mangsa. Seperti yang saya telah pun menekankan pada masa lepas, *we have taken the views of the victims*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *very seriously, their families*.

Kita memang mengambil kira bahawa perasaan keluarga-keluarga mangsa itu memang susah untuk kita memberi sokongan ataupun *give them the comfort that they looking for*. Akan tetapi, dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu juga harus mengingati bahawa, seperti yang saya telah pun katakan, bahawa hukuman mati itu masih wujud di negara ini. Sekiranya fakta-fakta atau keadaan-keadaan satu kes itu menunjukkan bahawa ia perlu dijatuhkan, ia masih boleh dijatuhkan.

Jadi ini kami memaklumkan kepada keluarga mangsa, mereka boleh *at least* sedar bahawa hukuman mati itu masih ada tetapi *at the same time*, seperti yang telah pun kami membahaskan dan ramai yang telah menimbulkan dalam perbahasan ini, *again, the deterrent effect* ataupun kesan pencegahan hukuman mati tersebut tidak- *as effective as it was thought to be*.

Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab semua soalan yang telah ditimbulkan oleh pembahas-pembahas tadi. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pembahas yang saya mendapati menyokong rang undang-undang ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi).

■1400

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 65** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) (Datuk Ugak anak Kumbong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG SEMAKAN HUKUMAN MATI DAN
PEMENJARAAN SEPANJANG HAYAT
(BIDANG KUASA SEMENTARA MAHKAMAH PERSEKUTUAN) 2023****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****2.04 ptg.**

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentangkan ini merupakan suatu akta pelengkap kepada Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan Negara sebentar tadi. Rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 3 April 2023.

Seperti mana kesemua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, apabila kita menyentuh mengenai pemansuhan hukuman mati mandatori, kita tidak boleh, dengan izin, *shy away from the conversation* mengenai nasib banduan hukuman mati yang sedang melalui tempoh moratorium dalam penjara. Moratorium ini telah pun berjalan ataupun berkuat kuasa semenjak kerajaan memutuskan supaya suatu kajian terhadap hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori ini dilaksanakan pada tahun 2018.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2023 seramai 1,318 orang banduan hukuman mati sedang dikenakan moratorium dan menunggu keputusan kerajaan bagi hukuman gantian terhadap hukuman mati mereka. Jumlah 1,318 orang banduan ini dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu 476 orang banduan yang masih belum selesai prosiding atau pun rayuan di peringkat Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan dan 842 orang banduan yang telah selesai peringkat rayuan atau pun, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *that whom have exhausted all their legal avenues*, termasuk 25 orang banduan yang telah ditolak rayuan pengampunannya di peringkat Lembaga Pengampunan Negeri.

Saya sendiri telah mengadakan lawatan ke Penjara Kajang untuk berjumpa dengan banduan hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat. Mereka tertanya mengenai status hukuman mereka. Begitu juga dengan keluarga banduan yang amat berharap agar ahli keluarga mereka mendapat sinar baharu.

Dalam hal ini, kerajaan telah berbincang dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan untuk melihat dan meneliti cadangan daripada Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori berkaitan nasib banduan hukuman mati yang sedang dikenakan moratorium ini.

Oleh yang demikian, bidang kuasa telah diberikan atau pun *jurisdiction has been conferred* pada Mahkamah Persekutuan di bawah satu undang-undang yang digubal oleh Parlimen bertujuan untuk semakan semula atau pun *review* hukuman selaras dengan pindaan undang-undang berkaitan kesalahan mereka.

Cadangan gubalan undang-undang ini juga telah dibawa untuk pertimbangan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali Ke-261 yang telah diadakan pada 22, dan 23 Februari 2023 memandangkan cadangan semakan semula hukuman ini akan melibatkan banduan-banduan yang telah dipertimbangkan banduan pengampunan negeri iaitu 70 orang banduan hukuman mati yang telah diringankan hukuman kepada pemenjaraan sepanjang hayat, dan 25 orang banduan hukuman mati yang telah ditolak rayuan pengampunannya. Dalam hal ini, Majlis Raja-raja telah memperkenankan kertas pertimbangan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan itu, kerajaan telah menggubal satu undang-undang yang bertujuan supaya Mahkamah Persekutuan diberi kuasa untuk menyemak semula atau pun *review* 842 orang banduan hukuman mati iaitu Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023. Pemakaian pindaan kepada akta-akta yang terlibat dalam Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 untuk tujuan untuk mengkaji semula hukuman ini bersifat retrospektif dan keputusan kajian semula hukuman tersebut adalah muktamad.

Dalam hal ini, sekiranya mahkamah mengekalkan hukuman sedia ada selepas kajian semula hukuman, banduan masih boleh mengemukakan rayuan pengampunan pada Lembaga Pengampunan Negeri. Akta baharu ini juga terpakai untuk 117 orang banduan yang sedang menjalani pemenjaraan sepanjang hayat iaitu sebanyak 47 orang banduan yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah dan 70 orang banduan hukuman mati yang diberi peringanan hukuman oleh Lembaga Pengampunan Negeri.

■1410

Justeru Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan bagi mengkaji semula hukuman mati atau pemenjaraan sepanjang hayat yang dijatuhkan terhadap orang yang disabitkan berikutan pemansuhan hukuman mati mandatori dan pindaan

kepada undang-undang yang berhubungan dengannya dalam Kanun Keseksaan, Akta Senjata 1960, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Penculikan 1961 yang diperuntukkan dalam lima fasal keseluruhannya seperti yang berikut.

Fasal 1 akta yang dicadangkan mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan untuk mengkaji semula hukuman mati berikutan pindaan yang dibuat melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara dan had masa untuk membuat satu permohonan pada Mahkamah Persekutuan bagi mengkaji semula hukuman mati yang dijatuhkan terhadap orang yang disabitkan. Permohonan mengkaji semula hukuman perlu dibuat dalam tempoh 90 hari daripada tarikh kuat kuasa akta ini. Mahkamah boleh mempertimbangkan pelanjutan tempoh untuk mengemukakan permohonan kajian semula hukuman tertakluk alasan yang munasabah dan permohonan kajian semula hukuman hanya boleh dikemukakan sekali sahaja.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan untuk mengkaji semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat yang dijatuhkan terhadap orang yang disabitkan yang telah menghabiskan segala prosiding kehakiman yang lain di bawah mana-mana undang-undang yang bertulis.

Fasal ini merujuk kepada 117 orang banduan yang sedang menjalani pemenjaraan sepanjang hayat. Setelah mengkaji semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat, Mahkamah Persekutuan hendaklah menggantikan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan tatacara dan had masa untuk membuat satu permohonan pada Mahkamah Persekutuan bagi mengkaji semula hukuman pemenjaraan sepanjang hayat yang dijatuhkan terhadap orang yang disabitkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semakan semula hukuman oleh Mahkamah Persekutuan ini tidak mengkaji semula sabitan terhadap mana-mana orang yang telah dihukum mati dan ia juga tidak bermaksud kuasa budi bicara mahkamah dihapuskan dan mahkamah perlu memberikan hukuman gantian pemenjaraan kepada semua banduan hukuman mati tersebut. Dalam hal ini, mahkamah masih mempunyai kuasa untuk mengekalkan hukuman mati tersebut sekiranya mahkamah berpandangan sedemikian selepas menyemak semula hukuman yang telah dijatuhkan.

Banduan juga masih mempunyai peluang untuk mengemukakan petisyen rayuan pengampunan pada Lembaga Pengampunan Negeri. Namun begitu, sekiranya mahkamah

bersetuju untuk menggantikan hukuman mati kepada hukuman pemenjaraan bagi suatu tempoh kepada banduan-banduan akhir, ini akan memberi peluang kepada banduan akhir untuk kembali kepada masyarakat dan keluarga serta meneruskan kelangsungan hidup mereka sebagai rakyat biasa.

Selain itu, penggantian hukuman pemenjaraan sepanjang hayat kepada bertempoh akan secara langsung mengurangkan kos pengurusan dan penjagaan banduan termasuk makan, minum, elaun harian, rawatan dan penjagaan kesihatan banduan sehingga banduan menamatkan riwayatnya di penjara.

Semakan semula hukuman ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk sentiasa terbuka ke arah pembaharuan dan penambahbaikan sistem perundangan dan keadilan di negara ini serta memastikan kemaslahatan masyarakat umumnya menjadi keutamaan. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas huraian-huraian tersebut. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Ugak anak Kumbong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi bidang kuasa penyemakan sementara Mahkamah Persekutuan untuk mengkaji semula hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat yang dijatuhkan terhadap orang yang disabitkan berikutan pemansuhan hukuman mati mandatori dan pindaan kepada undang-undang yang berhubungan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 12 orang ahli yang hendak berbahas. Saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah selama lima minit seorang.

Sekarang saya menjemput pembahas pertama Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

2.16 ptg.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada seksyen 2(1), Mahkamah Persekutuan mempunyai kuasa untuk mengkaji semula hukuman berikutan pindaan yang dibuat melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

Jadi, soalan saya apakah ada panduan ataupun perincian yang boleh seorang hakim Mahkamah Persekutuan gunakan untuk membuat keputusan yang adil kepada rakyat Malaysia dan juga kepada banduan akhir sama ada wajar diberi hukuman gantian ataupun dikekalkan dengan hukuman mati?

Merujuk kepada subseksyen 3(1), soalan saya adakah permohonan untuk semakan hukuman ini melibatkan kos? Jika pesalah tidak mampu untuk membayar peguam, apakah pihak kerajaan bersedia untuk menyediakan peguam kepada pesalah-pesalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya sebuah akta yang digubal bukan sahaja perlu memberi keadilan kepada semua tetapi juga mampu mencegah perlakuan jenayah. Apa yang ingin kita lihat iaitu kes-kes jenayah ini makin berkurangan dan pada suatu hari mungkin tiada lagi kes-kes jenayah dan rakyat hidup aman dan damai, itu hasrat kita. Jadi, kita boleh belajar dari negara-negara yang telah berjaya mengurangkan kes-kes jenayah ini.

Soalan saya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan kes perlakuan jenayah ini? Adakah kaedah-kaedah yang telah dilaksanakan sekarang berkesan untuk memulihkan bekas banduan supaya mereka tidak mengulangi perlakuan jenayah yang sama?

Sebagai orang Islam, saya yakin undang-undang Islam adalah yang terbaik. Hukuman mati telah jelas dinyatakan dalam al-Quran bagi kesalahan membunuh seperti Firman Allah yang telah dibacakan oleh sahabat saya tadi dalam Surah al-Baqarah, ayat 178 dan ayat 179 yang bermaksud, *“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan kamu menjalankan hukuman qisas yakni balasan yang seimbang dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu orang merdeka dengan orang merdeka dan hamba dengan hamba dan perempuan dengan perempuan. Maka sesiapa pembunuh yang dapat sebahagian keampunan dari saudaranya (pihak yang terbunuh), maka hendaklah orang yang mengampunkan itu mengikut cara yang terbaik dalam menuntut ganti nyawa dan pembunuh pula hendaklah menunaikan bayaran ganti nyawa itu dengan sebaik-baiknya. Yang sedemikian itu merupakan suatu keringanan dari Tuhan kamu serta suatu rahmat kemudahan. Sesudah itu sesiapa yang melampaui batas untuk membalas dendam pula maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya dan dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu wahai orang-orang yang berakal fikiran supaya kamu bertakwa”*.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menyatakan bahawa kajian untuk pelaksanaan *diyat* sedang dijalankan. Perlaksanaan *diyat* ataupun pampasan kepada keluarga mangsa bagi kes bunuh ataupun kes-kes lain melibatkan

kecederaan mempunyai peluang untuk dijalankan secara menyeluruh terhadap semua warga tanpa mengambil kira perbezaan agama ataupun bangsa.

■1420

Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, pembayaran pampasan kepada mangsa ini sudah ada asasnya dalam undang-undang jenayah di negara kita di bawah seksyen 426 Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593] yang memperuntukkan kuasa kepada pihak mahkamah atas permohonan pendakwa raya untuk mengarahkan pesalah membayar pampasan kepada mangsa akibat jenayah...

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Yang Berhormat, hendak menceleh sedikit.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Yang berlaku pada diri mangsa, harta atau pendapatannya. Masa saya sedikit sahaja.

Seperti yang dilaporkan oleh *Berita Harian* pada 2 Mei 2017, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu Sultan Abdullah Ibni Sultan Ahmad Shah yang semasa itu merupakan pemangku Raja Pahang, menyokong Jemaah Pengampunan Pahang yang ingin memperkenalkan kaedah *diyat* di Pahang.

Baginda Bertitah bahawa kaedah *diyat* akan memberi peluang kepada pesalah untuk merujuk kepada keluarga mangsa bagi mendapatkan *diyat* atau diberi pengampunan bergantung kepada jenis kesalahan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya, apakah ada peruntukan undang-undang atau dengan budi bicara Mahkamah Persekutuan atau Lembaga Pengampunan memanggil keluarga mangsa untuk memberi peluang kepada mereka menuntut pampasan daripada pesalah yang dibebaskan daripada hukuman mati atau memohon keampunan bagi pihak banduan akhir ini pada Lembaga Pengampunan?

Sekian, dengan itu saya mohon menyokong. Selamat beribadah dan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff.

Dijemput Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai. Dipersilakan

2.22 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan RUU Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat.

Memang kita tahu RUU Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat itu memberikan peluang yang baharu kepada banduan untuk mengemukakan permohonan penyemakan semula atas hukuman mereka. Saya dimaklumkan terdapat 1,433 orang banduan yang layak membuat permohonan penyemakan semula dan terdiri daripada 1,316

orang banduan hukuman mati dan 117 orang banduan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat. Memang Dewan ini faham tujuan permohonan penyemakan semula itu adalah untuk membuat penyelarasan semula undang-undang yang baharu iaitu RUU Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

Oleh itu di sini saya ada tiga soalan hendak tanya Timbalan Menteri tetapi Timbalan Menteri tidak ada di sini. Saya berharap soalan-soalan itu dapat dijawab. Soalan pertamanya mengenai isu tempoh hukuman penjara yang- RUU memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Persekutuan atau hakim untuk menyemak semula 1,433 kes banduan yang dihukum mati atau dihukum penjara sepanjang hayat. Dengan ini saya ada soalan mengenai hukuman penjara banduan selepas semakan.

Contohnya, ada seorang banduan. Dia banduan penjara sepanjang hayat telah menjalani hukuman selama 40 tahun. Jika selepas semakan diluluskan, adakah dia dibebaskan dengan segera? Ini kerana pemenjaraan maksimum yang ditentukan untuk undang-undang- RUU pemansuhan mati mandatori ialah 40 tahun sahaja ataupun mereka akan menjalani hukuman penjara lagi. Bagaimanakah hakim atau mahkamah akan membuat keputusan tersebut? Adakah ia akan mengambil kira tempoh yang seseorang telah menjalani hukuman tersebut? Ini soalan pertama.

Soalan kedua mengenai pengendalian kes. RUU ini melibatkan aktiviti semakan yang lebih 1,000 cases iaitu 1,433 orang banduan yang dihukum mati dan penjara sejak sepanjang hayat oleh badan kehakiman. Pada masa yang sama, saya pun difahamkan bahawa badan kehakiman itu sedang sibuk mengendalikan banyak kes. *The Federal Court is extremely busy in handling a lot of cases*, dengan izin.

Soalan saya ialah, bagaimanakah badan kehakiman dapat memastikan semua kes diselesaikan dengan kadar yang segera? Ini soalan. Apakah persediaan kerajaan dalam membekalkan perkhidmatan peguam kepada banduan itu? Ini kerana kerajaan kena faham bahawa pada peringkat ini, kemungkinan besar banduan tersebut tidak mempunyai sesiapa di luar sini kerana mereka tidak mempunyai wang untuk mendapatkan peguam. Oleh itu, hendak tanya Timbalan Menteri itu, bagaimana kerajaan akan mendekati dua perkara ini dalam soalan yang kedua.

Soalan yang ketiga mengenai isu mekanisme mengenai hukuman kesilapan. Difahamkan bahawa permohonan semakan semula itu hanya boleh dikemukakan sekali sahaja. Maksudnya satu kali sahaja. Rasional yang diberikan mengapa satu kali sahaja kerana kos tinggi yang akan dikenakan ke badan kehakiman kalau banduan itu diberikan hak untuk menyemak semula berulang-ulang kali. Soalan saya ialah, apakah mekanisme badan kehakiman dalam memastikan semakan sekali ini tepat tanpa sebarang kesilapan

Kedua, soalan saya ialah apakah platform yang sedia ada kepada banduan yang gagal semakan mereka tetapi percaya bahawa keputusan semakan mereka adalah kurang tepat? So mintalah Timbalan Menteri menjawab soalan ini.

Memang saya hendak menegaskan apakah soalan-soalan yang saya tanya itu, saya tidak ada niat untuk mencabar kearifan dan kecekapan badan kehakiman. Tujuan saya ialah untuk memastikan hak banduan-banduan dilindungi dan dipelihara sejajar dengan hak asasi manusia sahaja. Kita tidak sempurna dan berkemungkinan membuat kesilapan secara tidak sengaja. *No one is perfect except God*, dengan izin.

Oleh itu kerajaan perlu mempunyai mekanisme, Pelan B bagi semakan yang bakal mengubah hidup banduan tersebut. Sebagai seseorang yang percaya kepada hak asasi setiap individu yang lahir di bumi ini adalah saksama, saya mohon urusan semakan yang bakal dilaksanakan tidak mempunyai sebarang kecacatan dan menghampakan mana-mana pihak...

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Tolong rumuskan ya Yang Berhormat.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Satu minit. Persoalan-persoalan tadi mungkin kerajaan mempunyai jawapan ataupun masih berlegar di ruang persoalan. Apa pun penjelasan kerajaan, harapan saya hanya satu. Jangan ada kecacatan dalam pelaksanaannya. Dengan inilah akhir kata, memang selepas mendapatkan jawapan daripada kementerian dan saya akan sokong sepenuhnya RUU Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

Okey selepas ini ialah saya, tetapi sekarang saya pergi kepada Yang Berhormat Dato Dr. Nuing Jeluing.

2.29 ptg.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut bersama membahaskan Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023.

Tujuan akta ini adalah jelas iaitu satu mengkaji semula hukuman mati. Kedua, penyemakan hukuman pemenjaraan sepanjang hayat. Saya ingat akta ini memberi kesan yang besar kepada banduan-banduan yang menunggu hukuman mereka. Ini disebabkan juga dia berkuasa retrograsif, atau *backdated*.

■1430

Ini akan memberi kesan yang besar untuk mereka yang menunggu hukuman mereka dijatuhkan. Akta semakan hukuman mati akan dikekalkan atau ditukar kepada pemenjaraan sepanjang hayat? Pemenjaraan sepanjang hayat pun akan ditukar kepada pemenjaraan tidak

kurang daripada 30 tahun atau tidak melebihi 40 tahun. Kebiasaannya dengan satu per tiga pengampunan atau *remission*, dengan izin, sebenarnya penjenayah akan menjalani di antara 20 tahun atau 25 tahun sahaja. Ini lebih jauh kurang daripada 30 tahun atau 40 tahun.

Kita tadi sudah dimaklumkan bahawa hampir 800 kes yang sudah habis dan sudah ditetapkan dikenakan hukuman mati, hanya menunggu menjalani hukum sahaja. Saya di sini ingin mencadangkan dikaji semula hukuman sebatan sebanyak 15 atau 12 kali. Oleh sebab, saya berpendapat itu tidaklah berperikemanusiaan atau *inhuman*. Parut atau *scars* sebatan akan dipikul oleh seseorang itu seumur hidup. Parut itu bukan hanya fizikal tetapi mental juga. Sebagai program pemulihan atau satu daripada program pemulihan, saya mencadangkan banduan itu dikenakan perkhidmatan masyarakat atau *community service*. Saya cadangkan untuk satu- sebatan, dia bekerja khidmat masyarakat selama satu tahun. Saya ingat ini lebih berkesan daripada hukuman sebatan.

Semakan ini juga akan memanfaatkan kes yang sedang menunggu menjalani hukuman. Bagaimana untuk kes yang sudah menjalani hukum, yang sudah mati? Tidak akan keluarga mereka menuntut? Justeru, saya berpendapat had masa ditentukan dengan jelas dalam akta ini. *How far back the law will be effective?* Dengan izin. Saya berharap pihak mahkamah akan bertindak dengan bijaksana untuk memastikan keadilan dan menentukan hukuman yang setimpal demi menghormati perasaan ahli keluarga mangsa. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli. Dipersilakan.

2.33 ptg.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*, tadi kita telah melepasi perbincangan rang undang-undang yang pertama dan kini kita hendak mengadaptasi suasana semasa dalam sistem ini bagi menangani kesan daripada rang undang-undang yang telah kita putuskan tadi.

Jawatankuasa ataupun Mahkamah Persekutuan yang akan dibentuk untuk menangani rayuan-rayuan kes-kes yang terlibat dalam akta tadi, adakah ia merupakan Mahkamah Persekutuan sedia ada dengan komposisi *bench* nya yang sama ataupun ia diberi satu pengelasan baharu dengan jumlah hakim yang sewajarnya ataupun seperti dahulu, seperti sedia ada? Ini kerana tugas mereka ini adalah sementara dan selepas 90 hari, segala rayuan ini sudah masuk waktu yang terlepaslah.

Jadi, adakah rang undang-undang kita ini apabila sudah menjadi akta nanti tidak terpakai lagi selepas 90 hari? Hendak tanyalah, *self-destruct in 90 days*. Ini kerana selesai

sudah. Kes-kes yang akan datang ialah melalui proses perbicaraan seperti biasa. Oleh sebab itu, kita pun sudah tahu jumlah kes yang kita jangka akan membuat rayuan, semua lah mungkin ya. Jumlah nya sudah ada.

Kos-kos yang kita akan hadapi pun sebenarnya kita sudah tahu. Berdasarkan pengalaman membicarakan apa juga kes, *bench Federal Court* ini, tentulah kita sudah ketahui kos. Maka, saya ingin bertanya walaupun di hujung kertas biru ini, *the bill would involve the government in extra financial expenditure*, tidakkah kita boleh membuat andaian dan telah memasukkan perkara ini dalam permohonan belanjawan yang lalu supaya ia efisien? Tidak payahlah tahun hadapan kita bercakap mengenai peruntukan tambahan lagi untuk kes-kes sebegini.

Selain daripada itu, saya berasa apa yang dicadangkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Senator tadi mengenai langkah-langkah yang boleh diambil di dalam tempoh pemenjaraan, baki pemenjaraan mereka yang telah didapati bersalah ini. Disebut tadi bahawa merotan mereka tidak berperikemanusiaan. *The scar will be left there forever*, dengan izin. Akan tetapi sebagai sebahagian daripada hukuman dan sebagai pengajaran, sebenarnya rotan ini tidak setimpal dengan kesalahan yang diberikan. Oleh sebab itu, ia bukan hukuman satu-satunya, tambahan kepada pemenjaraan.

Namun, cadangan supaya banduan-banduan ini dalam tempoh 30 tahun lagi mereka berada dalam tahanan, tolaklah diskaun-diskaun yang disebutkan tadi, apakah aktiviti mereka yang boleh mereka manfaatkan untuk membolehkan mereka nanti kembali kepada masyarakat? Katalah si penjenayah berumur 25 tahun, ada 30 tahun di dalam. Katakanlah penuh, umur 55 tahun. Maka, tempoh di luar nanti adalah panjang.

Apakah penyesuaian yang kita hendak sediakan bagi mereka daripada segi kebijakan ataupun kebolehan-kebolehan tertentu ataupun mereka didedahkan kepada isu-isu masyarakat di luar sana melalui gerak kerja ataupun hukuman bekerja di dalam komuniti? Tempoh 30 tahun penahanan ini kita harap menjadi era baharu kepada mereka untuk memulihkan hidup semula. Jadi, tentulah mereka memerlukan *hardskills* dan *softskills*. Jadi, apakah perancangan yang akan ditambah?

Saya yakin sistem penjara hari ini sudah ada perkara tersebut tetapi ini ialah kes-kes tertentu yang memerlukan undang-undang tertentu. Tentulah kita merasa ada keperluan perkara-perkara baharu yang perlu dibina untuk mereka supaya sebagai gambaran kesedaran mereka terhadap kesilapan mereka, mereka boleh memberikan makna dan manfaat kepada rakyat apabila mereka dibebaskan ketika umur mereka masih lagi muda dan boleh bermanfaat. Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

2.39 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Ahli Dewan yang mulia ini.

Rang undang-undang ini adalah untuk melengkapi apa yang telah kita bincangkan pagi tadi dan saya percaya kaedah-kaedah telah dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

■1440

Saya ingin mencadangkan supaya tempoh untuk membuat rayuan ataupun usul *petition* daripada banduan ini diperpanjang dan sudah tentu saya melihat pada peruntukan yang diberi di mana mahkamah boleh memberi *extension*, dengan izin, penangguhan atau jangka masa yang panjang lagi tetapi dengan permohonan. Jadi, apa salahnya kalau kerajaan terus memberi satu tempoh yang agak panjang supaya tidak memerlukan kos-kos tambahan, mungkin perlu ambil peguam, perlu mencari pihak yang membantu mereka yang tidak mampu daripada segi membuat permohonan ini. Ini cadangan saya untuk kerajaan memudah cara perkara ini kalau inilah niat kita yang sebenarnya.

Kedua, saya ingin bertanya kepada kerajaan juga adalah apakah kaedah yang diamalkan oleh kerajaan apabila banduan penjara seumur hidup ini telah kita perkenalkan nanti, apabila mereka telah dibebaskan. Mungkin ada juga yang dibebaskan dengan diskaun yang tidak sampai pun 30 tahun minimum yang dicadangkan ini. Apakah jaminan bahawa apabila mereka yang sepatutnya dihukum mati mandatori ini dibebaskan dan mereka tidak akan melakukannya lagi perkara-perkara begini?

Adakah kerajaan bersedia untuk menilai setiap banduan yang bakal dibebaskan ini adalah benar-benar tidak akan melakukan perkara ini lagi seperti sahabat Senator yang pernah membincangkan tentang negara lain yang memperuntukkan supaya satu badan penilai, supaya banduan yang dibebaskan ini tidak akan melakukan perkara ini lagi kerana ini memang akan menyebabkan kegerunan di dalam masyarakat terutamanya keluarga-keluarga yang terjejas.

Jadi, dengan adanya undang-undang ataupun yang kita bincangkan ini merupakan pelengkap kepada kerajaan kita yang berusaha untuk menghapuskan hukuman mati mandatori ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Perpaduan, Malaysia Madani yang kita ada pada hari ini. Semoga apa yang kita buat ini akan menjadikan negara kita lebih harmoni dan supaya juga rakyat kita tidaklah terlibat dalam jenayah-jenayah yang melibatkan hukuman mati mandatori ini yang kita ubah menjadi hukuman pemenjaraan sepanjang hayat. Jadi, dengan itu, saya menyokong rang undang-undang 2023 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Abun Sui Anyit.

Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Hussin Ismail.

2.43 ptg.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat yang saya hormati. Hari ini merupakan hari yang barangkali apabila dua RUU ini diluluskan, orang yang paling gembira dalam dunia ialah pesalah-pesalah yang sedang menanti hukuman mati di penjara.

Akan tetapi pada waktu yang sama juga, satu keresahan bagi keluarga yang menjadi mangsa pembunuhan. Kehilangan nyawa, kehilangan anak-anak, ahli keluarga, emosi yang tidak terubat, penjenayah bakal bebas dan mereka dalam kesedihan. Apakah bentuk ruang yang kerajaan juga ambil untuk mereka ini yang menjadi mangsa? Kita hari ini bincang kepada membantu pesalah untuk diringankan.

Keduanya, kita tadi bincang juga tentang 90 hari semakan hukuman. Harus saya fikir ia juga melibatkan keluarga mangsa sebab semakan itu juga memberi kesan kepada emosi keluarga mangsa yang telah pun mengalami bencana itu.

Ketiganya, berhubung dengan pembunuh bersiri. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk pembunuh bersiri ini, kita tidak perlu memberi ruang kepada mereka ataupun tidak perlu dilayan permohonan semakan untuk mereka sebab pembunuh bersiri ini entah dia dihukum, sirinya belum selesai. Dalam waktu yang sama, mungkin juga pembunuh ketagih ini akan keluar nanti dan meneruskan kerjanya. Pembunuhan yang telah buat bertubi-tubi ini rasanya tidak boleh diberi layanan untuk mendapat pengampunan ini.

Saya hendak ambil sedikit kesempatan ini, juga berhubung dengan khidmat guaman. Kita tadi menyebutkan tentang khidmat guaman kepada orang khususnya macam dadah. *Mostly*, dia miskin, keluarga pun miskin. Jadi untuk itu, bagaimana tindakan kerajaan untuk membantu golongan keluarga miskin ini dan apakah mungkin khidmat bantuan guaman kebangsaan boleh menjadi perantara untuk membantu penjenayah-penjenayah yang mohon untuk mendapatkan pengampunan daripada pihak yang boleh memberi pengampunan.

Keempatnya, apabila kita bicara juga tentang semakan hanya dibuat untuk diizinkan satu kali. Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang sudah ditolak proses semakan hukuman mati dan ruangnya mula tertutup. Apakah selepas rayuan itu ditolak rayuan Lembaga Pengampunan masih ada? Keputusan Mahkamah Persekutuan boleh dibawa ke Mahkamah Tinggi ataupun ke Mahkamah Rayuan untuk menyelesaikan kes mereka? Maksud saya, ada ruang-ruang *option* selain daripada apabila rayuan itu sudah ditolak?

Akhirnya, ialah ada tidak kerajaan berhasrat, saya tidak pasti ataupun mungkin sudah ada, kes ini boleh juga dibawa ke-satu lagi medan iaitu kehakiman tahkim ataupun hakim guna timbang tara untuk membolehkan kedua-dua pihak yang mewakili keluarga dan pihak kehakiman ataupun yang mewakili keluarga dan pihak yang dituduh itu untuk memanfaatkan ruang tahkim. Oleh sebab ruang tahkim ini juga akan nantinya membuka ruang untuk tadi

yang kita bincang banyak untuk ahli keluarga juga di situ diberi ruang untuk program pengampunan.

Kes ini sudah berlaku apabila kes memberi pengampunan keluarga yang saya sebut tentang Abdul Munim tadi di *United States*. Dia orang Filipina. Zaman Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa pernah panggil dia, pernah panggil keluarga yang memberi pengampunan ini ke Malaysia dan diberi suatu anugerah. Apa yang saya ingat ikon dalam perkara ini di Kementerian Agama di Putrajaya ini. Jadi, saya ingat apabila itu ada, ertinya kerajaan juga pada masa itu melihat proses ini merupakan suatu opsyen yang baik untuk masyarakat.

Buat akhirnya, Ahli-ahli Yang Berhormat ini mungkin yang terakhir bersidang untuk sesi ini, saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya, *Minal 'Aidin wal-Faizin* kepada semua sahabat, para Senator yang beragama Islam dan juga pada rakan-rakan Senator yang tidak beragama Islam, jom bersama merayakan hari raya. Lawat-lawat rumah sahabat-sahabat. Rumah saya sendiri pun boleh, *insya-Allah*. Selamat datang berhari raya bersama. *Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam. Dipersilakan.

2.49 ptg.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat 2023 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) tadi.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dibentangkan ini seiring dengan keperluan Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 yang telah pun diterima baik dan diluluskan oleh Ahli Majlis sekian sebelum ini.

■1450

Ia juga sebagai tindakan yang adil kepada banduan yang sedang menjalani hukuman sepanjang hayat dan bakal menjalani hukuman mati. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana bersikap holistik dalam mendekati perundangan ini.

Semakan ini menepati terma-terma hak asasi yang saksama kepada semua. Saya juga ingin mendapatkan pandangan kerajaan bagaimanakah justifikasi tempoh 90 hari bagi proses melibatkan semakan ini diputuskan. Saya faham bahawa 90 hari ini hanya untuk

permohonan, bukan bagi seluruh proses. Namun, apakah kehendak dalam mengehendkan kepada 90 hari sahaja? Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang semakan ini akan memberi nafas baharu kepada 1,318 orang banduan yang telah dijatuhkan mati dan 117 orang banduan yang sedang menjalani hukuman penjara sepanjang hayat. Mereka akan diberi ruang untuk mendekati proses semakan ke Mahkamah Persekutuan. Persoalan saya, adakah tenaga kerja yang sedia ada di peringkat Mahkamah Persekutuan terutamanya yang arif para hakim mencukupi dalam meneliti semula semua hukuman tersebut?

Saya juga ingin bertanya mengapa kerajaan tidak menubuhkan sebuah mahkamah khas bagi tujuan spesifik urusan semakan dengan melibatkan hakim-hakim Mahkamah Rayuan pada Mahkamah Persekutuan? Dengan melibatkan hakim-hakim tersebut, kes dapat dijalankan secara konsisten dan tidak membebankan perbicaraan-perbicaraan sedia ada di Mahkamah Persekutuan. Ini kerana penelitian semula ini akan mengambil kira saringan-saringan tertentu dan akan mengambil masa. Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan kepada perkara ini, adakah kerajaan akan menghadapi sebarang penambahan kos dalam perbelanjaan? Berapakah peruntukan yang akan diperuntukkan?

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dengan izin, *a straight forward request* yang diperlukan dalam urusan pemansuhan maksud 'mandatori' dan pengubahan sepanjang hayat. Saya menyokong penuh usaha kerajaan dalam membawa rang undang-undang ini dan mohon kerajaan untuk meneliti juga bentuk pemulihan kewajaran penetapan pemenjaraan dan impak seseorang tertuduh diintegrasikan semula ke dalam masyarakat. Ia memerlukan pendekatan *compressive* dan ia tidak sepatutnya berhenti pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad, dipersilakan.

2.53 ptg.

Tuan Seruandi bin Saad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama berbahas rang undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya mengamati pembentangan yang dibawa dan amat bersetuju selari dengan Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori yang telah dibawa sebentar tadi. Saya pasti kerajaan sentiasa mengambil pendekatan bagi membolehkan sistem perundangan negara sentiasa dikemas kini dan bersifat efektif, bukannya hanya bersifat menghukum semata-mata.

Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia bermula tahun 2000 hingga 31 Januari 2023 menunjukkan bahawa terdapat seramai 2,350 orang- kemasukan banduan yang telah dituduh di bawah kesalahan yang membawa kepada hukuman mati. Serta saya difahamkan ada banduan yang telah mendapat status moratorium yang membolehkan semakan kes mereka dibuat setelah RUU ini diluluskan kelak.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapat penjelasan, bagaimana prosiding lanjut yang akan dilakukan serta berapakah tempoh masa yang diambil bagi membolehkan banduan ini mengetahui keputusan akhir mereka. Malahan, saya ingin mendapatkan penjelasan berkaitan program banduan kembali ke masyarakat melalui program-program kerja sosial yang dibuat agar banduan berpeluang untuk menjalankan hukuman, dalam masa yang sama berkhidmat untuk masyarakat.

Malahan, ia juga akan menjadi medium kepada banduan untuk bersedia menjalani kehidupan setelah tamat hukuman pemenjaraan kelak. Adakah kajian yang dilakukan agar kerja sosial yang mereka jalani itu bertepatan dan tidak hanya sekadar menjalani kerja sosial semata-mata? Apa jaminan bahawa ia turut akan memberi kesedaran kepada banduan berkenaan, dalam masa yang sama memberi manfaat dan skil sosial kepada mereka? Mohon penjelasan lanjut daripada kementerian.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya sekiranya sistem-sistem parol yang dilaksanakan di negara ini sejak tahun 2008 mendapat peluang kedua untuk banduan memulakan hidup baharu bersama keluarga mereka serta masyarakat turut termasuk dalam semakan akta ini.

Saya difahamkan pencapaian sistem parol ini baik apabila sebanyak 99 peratus daripada Orang Di Parol (ODP) memperoleh pekerjaan, manakala kadar *recidivist* berulang melakukan jenayah ODP adalah di bawah 0.51 peratus. Ini ialah sesuatu yang positif. Bukan sahaja menjalani hukuman penjara, namun banduan diberi peluang untuk mempelajari *skill* dan ilmu yang bermanfaat dan membolehkan mereka meneruskan kehidupan yang mencabar di luar tirai besi kelak. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh mana kesesuaian sistem parol ini dibuat selari dengan pindaan ini atau adakah ia tidak bersesuaian. Mohon penjelasan.

Saya juga berharap agar program kemasyarakatan banduan lebih bersesuaian dan bertepatan dengan situasi pada ketika ini. Kita tidak mahu banduan semata-mata terkurung di tirai besi, namun dalam masa yang sama mereka memanfaatkan masa dengan aktiviti yang akan memberi nilai tambah kepada diri mereka, keluarga dan masyarakat dan negara.

Sekian sahaja perbincangan saya pada kali ini. Saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan, dipersilakan.

2.57 ptg.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Meskipun perbincangan atau perbahasan berkisar sekitar Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023, saya kira sangat rapat kaitannya dengan rang undang-undang sebelum ini yang telah pun dibincangkan dengan panjang lebar dan telah pun diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat rakan-rakan anggota Dewan Negara, biarpun nampak dengan jelas rasional dan kewajaran cadangan untuk semakan hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat seperti yang telah di bentang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, namun saya kira soal yang masih tetap bersarang dalam minda saya merupakan soal-soal yang berkaitan dengan soal lunas ataupun premis kita dalam menentukan hukum. Hal ini telah pun dibincangkan oleh rakan-rakan sebelum ini. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya untuk mengaitkan juga soal ini dengan hal yang berkaitan dengan soal lunas itu tadi.

Saya melihat bahawa masih lagi kita terperangkap dalam satu paradigma bahawa segala undang-undang berkaitan dengan jenayah masih lagi tetap berasaskan atau pun termasuk dalam Kanun Keseksaan yang seolah-olah keterbatasan memanfaatkan ruang-ruang lain dalam kita menggubal undang-undang ataupun melaksanakan kaedah untuk pemulihan dan sebagainya.

Jadi, pada hemat saya, ini ialah kesempatan terbaik bagi kerajaan yang menggemarkan reformasi secara total, secara holistik termasuk reformasi dalam penggubalan undang-undang bagi kepentingan rakyat dan keadilan yang diberikan kepada rakyat harus bersandarkan kepada realiti masyarakat itu sendiri. Bukan satu undang-undang yang didasarkan atau bersandarkan kepada suatu situasi di luar konteks masyarakat negara kita. Ini pada saya premis yang mesti difikirkan.

Saya barangkali tidak mengharapkan suatu perubahan yang radikal tetapi mesti ada satu usaha untuk mula memikirkan premis atau pun lunas kita dalam menggubal undang-undang dalam menangani soal-soal jenayah seperti ini.

■1500

Jadi, saya menggesa kerajaan supaya mengadakan suatu langkah susulan secara serius untuk mengadakan pertemuan-pertemuan wacana bagi kita membincangkan lunas ataupun premis dalam soal undang-undang negara ini. Saya dalam beberapa sesi yang lepas juga ada menyebut soal penghormatan yang mesti diberikan kepada lunas-lunas lain.

Kalau kita bicarakan dalam soal seorang Islam sebagai agama Persekutuan dan majoriti penduduk negara ini orang Islam. Jadi hak mereka untuk mendapat layanan daripada segi undang-undang berdasarkan undang-undang Islam itu harus diberi peluang. Soal bagaimana penerapan melalui akta seperti yang dahulu dibincangkan soal RUU 355, sebab itu soal lain tetapi mesti ada pemikiran global ke arah itu dan undang-undang adat, undang-undang kita dengan budaya. Saya kira rakan-rakan kita dalam kalangan Orang Asli, orang etnik-etnik kita, rakan-rakan di Sabah dan Sarawak ada kewajaran untuk mereka juga ditimbang dalam melaksanakan hukuman dan menangani isu-isu jenayah ini.

Jadi, soalnya yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan sebelum ini, soal *qisas* sebagai contohnya soal *diyat* itu, *alhamdulillah* saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang telah pun menyebut soal *diyat* sedang ditimbang sebagai satu juga kaedah untuk diaplikasikan, diterapkan dalam pelaksanaan undang-undang. Akan tetapi tidak cukup dengan *diyat*, banyak lagi yang lebih fundamental daripada soal *diyat*. Jadi, ini saya fikir mesti dibincangkan dengan serius oleh kerajaan khususnya berkaitan dengan menggubal undang-undang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah soal hendak menegaskan bagaimanakah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini sudah banyak dibincangkan panjang lebar saya kira sejak tahun 70-an Almarhum Profesor Tan Sri Ahmad Ibrahim telah bercakap tentang hal ini, sudah mendapat sambutan yang baik tetapi kita tidak nampak satu anjakan paradigma yang cukup jelas dalam memberikan bidang kuasa pada Mahkamah Syariah dan menangani soal-soal jenayah. Jadi, ini saya kira juga harus ditimbang dengan serius.

Satu lagi yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa satu program yang sudah saya tanyakan kepada dua orang, seorang Menteri penuh dan seorang Timbalan Menteri tetapi tidak mendapat layanan yang wajar seolah-olah tidak penting ataupun barangkali belum ada maklumat. Kalau belum ada maklumat sebut belum ada maklumat tetapi saya sendiri ada penglibatan dalam menggagas bersama dengan Jabatan Penjara Malaysia iaitu Reformasi Ke Arah Pusat Pembangunan Peradaban Budaya Kemanusiaan. Ini panjang, ini nama yang diberikan oleh Jabatan Penjara Malaysia tetapi saya memberikan gagasan pengisian bagaimana dan kita sudah memulakan mengadakan forum terbuka dan satu projek rintis di penjara tidak silap saya di Dungun atau di mana.

Jadi, bagaimana kerajaan menyambut cadangan Jabatan Penjara Malaysia dalam rangka pemulihan. Soal kita hendak hukum mati, tidak hukum mati, penjara seumur hidup dan sebagainya semua, itu soal pelaksanaan tetapi yang rutin, yang tiap-tiap hari itu mesti digerakkan. Cadangan kita ini bukan soal hanya pada banduan tetapi para pegawai penjara sendiri yang mesti ditarbiahkan, dibudayakan, supaya ada satu budaya baru dalam mereka melayan dan juga menangani isu-isu berkaitan dengan banduan. Kalau banduan sahaja berubah, pegawai tidak berubah juga tidak boleh.

Jadi, saya harap ini diberi perhatian besar tentang Reformasi Ke Arah Pusat Pembangunan Peradaban Budaya Kemanusiaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua dan saya juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat terus berpuasa, jangan beraya dahulu... *[Ketawa]* Terus berpuasa, dan selamat hari raya, dan pada rakan-rakan yang bukan Islam, marilah kita merayakan hari raya sebagai perayaan kebangsaan bersama. Terima kasih dan saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris. Dipersilakan.

3.04 ptg.

Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan.

Perbahasan saya pendek sahaja, saya tidak ada masalah menyokong rang undang-undang ini kerana seperti apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa rang undang-undang ini merupakan akta pelengkap kepada Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 yang telah dibahaskan dan yang telah diluluskan sebentar tadi.

Melalui pindaan ini Mahkamah Persekutuan merupakan mahkamah tertinggi dan merupakan mahkamah rayuan terakhir di Malaysia. Melalui pindaan ini Mahkamah Persekutuan diberi kuasa untuk menyemak semula hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat yang dijatuhkan terhadap pesalah yang disabitkan berikutan pemansuhan hukuman mati mandatori dan pindaan kepada undang-undang yang berhubung kait dengannya.

Cumanya saya ada dua persoalan yang saya ingin kemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama sekali, berdasarkan perkataan Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023. Adakah ini bermakna kuasa Mahkamah Persekutuan untuk menyemak semula kes-kes di bawah peruntukan rang undang-undang ini hanyalah bersifat sementara iaitu terpakai untuk satu tempoh yang tertentu sahaja?

Adakah perkataan "sementara" itu bermaksud kuasa untuk Mahkamah Persekutuan menyemak semua kes di bawah rang undang-undang ini akan terpakai sehinggalah semua kes yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 dan hukuman penjara seumur hidup telah selesai disemak semula oleh Mahkamah Persekutuan? Adakah tempoh tertentu ditetapkan untuk Mahkamah Persekutuan menyemak

semula semua kes di bawah rang undang-undang ini terutama terhadap banduan-banduan yang menunggu hukuman mati atau golongan yang diberikan moratorium sebelum rang undang-undang ini diluluskan?

Persoalan kedua, fasal 3 dan fasal 5 pindaan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara dan had masa untuk membuat sesuatu permohonan pada Mahkamah Persekutuan bagi mengkaji semula hukuman mati yang dijatuhkan terhadap pesalah yang disabitkan. Jadi, maksudnya banduan yang ingin Mahkamah Persekutuan menyemak semula hukuman sama ada hukuman mati ataupun hukuman pemenjaraan sepanjang hayat yang banduan ini hadapi, dia perlu membuat permohonan secara bertulis pada Mahkamah Persekutuan dalam tempoh 90 hari dari tarikh permulaan kuat kuasanya akta ini.

Jadi, bagaimana kita hendak pastikan bahawa banduan ini tahu ataupun sedar hak mereka, yang mereka boleh buat permohonan ini untuk semak semula oleh Mahkamah Persekutuan atas hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka, yang mana semak semula oleh Mahkamah Persekutuan boleh mengubah nasib mereka terutama tentang hukuman yang mereka menghadapi, kerana pesalah ini tinggal dalam penjara dan terutama ada yang menghadapi hukuman mati ini tinggal dalam *solitary confinement*.

Kita faham bahawa banduan ini mungkin ada yang ada peguam yang mampu mendapatkan khidmat peguam mereka bolehlah- dengan ada saudara mara yang boleh memberikan mereka khidmat peguam tetapi ada juga banduan yang tidak mampu untuk mendapatkan peguam untuk dirinya. Sedangkan peruntukan pindaan ini memperuntukkan tempoh tertentu untuk pesalah yang disabitkan membuat permohonan iaitu 90 hari daripada tarikh kuat kuasa pindaan rang undang-undang ini. Jadi, tempoh pun agak singkat.

Jadi, kalau boleh saya ingin memberikan pandangan saya kerana ini melibatkan hak asasi kemanusiaan. Banduan yang boleh menukar nasib mereka mungkin daripada dijatuhkan hukuman mati kepada hukuman pemenjaraan sepanjang hayat ataupun daripada hukuman pemenjaraan sepanjang hayat kepada hanya penjara untuk tempoh sehingga 30 tahun.

Jadi hak untuk mendapatkan semak semula oleh Mahkamah Persekutuan ke atas hukuman pesalah-pesalah di bawah kes-kes ini diberikan secara automatik, tidak payah pun memfailkan permohonan secara bertulis. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja daripada saya. Sekian, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Noraini binti Idris.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

3.09 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat di dalam Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah menggubal undang-undang ini. Ini bagi saya memberi satu nafas baharu kepada para banduan yang akan menjalani hukuman mati dan juga pemenjaraan sepanjang hayat ini.

■1510

Kalau kita dengar daripada pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu seramai 1,318 orang, jumlah di bawah moratorium, jumlah banduan yang berada di dalam penjara ini yang menunggu keputusan pada masa sekarang ini. Jadi, soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa ramai rakyat Malaysia yang dalam 1,318 orang ini, berapa ramaikah rakyat Malaysia dan berapa ramai yang bukan warganegara Malaysia yang akan dihukum mati ini?

Kedua, saya tengok fasal 4.4 ini iaitu berkenaan dengan rayuan tersebut tadi. Ramai juga yang telah sentuh iaitu berkenaan dengan rayuan dalam tempoh 90 hari daripada akta ini dilaksanakan Oleh sebab kalau kita tengok di sini, ramai juga yang akan dikenakan hukuman mati mandatori ini yang mereka tidak tahu dan juga keluarga- ada yang tidak ada saudara mara di luar sana dan siapakah yang akan maklumkan kepada mereka ini? Kepada banduan-banduan ini.

Ada juga yang dihukum penjara ini, mereka ada masalah kewangan yang kadang-kadang mereka ini terlibat sebab kita tengok hukuman mati ini adalah- Akta Dadah Berbahaya iaitu ada antara mereka, pengedar-pengedar dadah ini menggunakan banduan ini dan akhirnya ditangkap dan mereka dihukum mati mandatori. Kebanyakan mereka ini ialah golongan yang berpendapatan rendah dan tiada kemampuan untuk membiayai peguam untuk membela mereka. Jadi, adakah kerajaan akan menyediakan dana khas untuk membantu mereka ini? Khususnya golongan yang tidak mampu ini.

Seterusnya, berkenaan dengan fasal bidang kuasa penyemakan sementara iaitu pemenjaraan sepanjang hayat. Seramai 117 orang mengikut yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu pemenjaraan ini ia akan diberi kepada 30 hingga 40 tahun. Soalan saya, sekiranya banduan tersebut umur sudah mungkin sudah 60 tahun, jadi adakah akan dikenakan juga tempoh 30 hingga 40 tahun ini? Sebab kita menjangkakan kalau banduan itu umur sudah 60 atau 70 tahun, mungkin tempoh hayat itu lebih pendek daripada yang diberikan di sini.

Seterusnya, adalah berkenaan dengan fasal 4 dan 5. Adakah pesalah tadi masih boleh membuat rayuan sekiranya tempoh 30 atau 40 tahun itu dikenakan, selepas itu mereka merayu lagi, adakah boleh membuat rayuan? Katakan mereka kena 40 tahun dan mereka

boleh buat rayuan lebih pendek daripada itu disebabkan oleh faktor-faktor lain. Oleh sebab kita dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata hanya sekali sahaja yang boleh membuat rayuan tersebut.

Seterusnya, berkenaan dengan tempoh. Kalau kita tengok pada fasal 5(3), Mahkamah Persekutuan itu boleh melanjutkan masa sekiranya ia melebihi tempoh 90 hari tadi. Akan tetapi, adakah Mahkamah Persekutuan tersebut memberikan tempoh masa sekiranya ia sudah *overlap* 90 hari tadi? Mungkin kita tidak jumpa saudara mara hendak buat rayuan. Akan tetapi, adakah Mahkamah Persekutuan juga memberi tempoh masa berapa lama untuk mereka- Mahkamah Persekutuan untuk memberi jangka masa tertentu untuk membolehkan banduan tersebut untuk membuat permohonan semula?

Yang terakhir, saya tengok di sini ada implikasi kewangan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah implikasi kewangan perbelanjaan tambahan yang amaunnya di sini belum ditentukan tetapi pada pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah jumlah yang ditanggung? Sebab kita tahu banduan-banduan yang ada di dalam penjara ini, kerajaan terpaksa menanggung lebih kurang dalam RM40 kalau tidak silap saya. Jadi, apabila pemansuhan hukuman mati ini, berapakah jumlah yang akan ditanggung oleh kerajaan nanti?

Saya rasa itu sahaja daripada saya. Akhir sekali, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Ini ialah sidang Dewan Negara yang terakhir bagi kita dan kita akan berjumpa pada masa akan datang. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Semakan Hukuman Mati dan Pemencaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad.

Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris. Dipersilakan.

3.15 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Undang-undang ini adalah bagi melengkapkan undang-undang yang terdahulu iaitu pemansuhan hukuman mati mandatori. Saya melihat fasal 3 dan 4, di mana prinsip utama ialah nyawa tersangat berharga dan setiap individu berhak untuk hidup seterusnya. Walau bagaimanapun, hukuman mati wajar dikekalkan dan dalam keadaan yang sangat terhad, di mana diwajibkan untuk dikekalkan dalam kes-kes yang berat dan serius. Antaranya ialah kehilangan nyawa secara langsung dan pesalah ini tidak ada niat langsung untuk berkelakuan baik dan tidak ada keinginan untuk mereka dalam konteks pemulihan.

Jadi, dalam keadaan itu sahaja kita rasa hukuman mati ini patut dilaksanakan. Masalah yang besar yang saya difahamkan ialah banduan akhir ini ialah mereka yang tidak mendapat peguam-peguam yang bagus kerana mereka sudah kehabisan wang. Jadi, tidak guna RUU ini kita luluskan kerana dalam masa yang sama mereka tidak dapat untuk melaksanakan hak mereka kerana ketidakcukupan wang untuk membiayai peguam-peguam.

Justeru itu, kerajaan harus pastikan bahawa terdapat peguam lantikan mahkamah untuk kesemua banduan yang telah memfailkan permohonan ini bagi menggantikan hukuman mereka. Kalau semua tersedia, maka 90 hari yang diberikan mencukupi. Akan tetapi, kalau kerajaan tidak menyediakan peguam tersebut, maka 90 hari tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya kalau sekiranya ketidakmampuan kerajaan untuk menyediakan peguam, bagi masa lebih, tidak perlu sebut 90 hari, sehingga mereka mendapat peguam bela.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Satu lagi, dalam Islam hukuman bunuh ada hak pengampunan yang diberikan kepada keluarga mangsa, bukannya diberikan pada Lembaga Pengampunan yang bukan terdiri daripada keluarga mangsa. Jadi, apakah ia tidak boleh diterima pakai dalam RUU ini? Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab saya yang terakhir, ramai kawan dalam lingkungan yang sama, jadi saya habiskan di sini. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Raya, selamat berpuasa, maaf zahir dan batin. *Insyaa-Allah*, mudah-mudahan kita akan jumpa lagi dalam sesi yang akan datang. Terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Seorang Ahli: Tidak sokong?

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*.

Datuk Razali bin Idris: Saya sokong... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*. Dijemput.

■1520

3.20 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua, 12 orang pembahas yang menyertai perbahasan berkenaan rang undang-undang ini.

Seperti yang telah pun saya jelaskan tadi, undang-undang ini adalah untuk *facilitate* ataupun merupakan akibat daripada pemansuhan hukuman mati mandatori dalam rang undang-undang sebelum ini. Jadi, adalah perlu untuk rang undang-undang ini diluluskan untuk membolehkan hukuman mandatori yang dimansuhkan itu dilaksanakan.

Beberapa soalan yang telah pun ditimbulkan berkenaan dengan tempoh yang telah pun ditetapkan dalam rang undang-undang ini untuk membuat permohonan ke Mahkamah Persekutuan iaitu satu permohonan perlu difailkan dalam tempoh 90 hari. Ada beberapa orang Yang Berhormat yang bertanya, apakah justifikasi untuk tempoh tersebut? Adakah ia terlalu pendek? Sepatutnya ia dipanjangkan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, merupakan satu prinsip mantap dalam sistem perundangan bahawa, dengan izin, *there must be finality in litigation*. Ini merupakan prinsip utama di belakang banyak kes, banyak peraturan, undang-undang yang menetapkan tempoh masa supaya *litigation* itu dapat diselesaikan ataupun *finalize*. Contohnya di mana rayuan difailkan ataupun dibenarkan dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan, tempoh untuk kes sivil, juga untuk kes jenayah. Tempohnya adalah bahawa notis rayuan perlu difailkan dalam tempoh sebulan. Begitu juga dengan rayuan-rayuan dari Mahkamah Rayuan ke Mahkamah Persekutuan.

Jadi isunya di sini bukannya bahawa kita ingin menghalang mereka daripada membuat permohonan. *In fact*, tempoh untuk permohonan dibuat dalam kes ini adalah lebih dari tempoh biasa iaitu sebulan untuk rayuan-rayuan biasa yang lain.

Seperti yang telah pun saya jelaskan tadi Tuan Yang di-Pertua, tempoh 90 hari itu bukannya untuk menghabiskan keseluruhan proses semakan ini tetapi hanya untuk membuat permohonan ataupun memfailkan permohonan itu dalam tempoh tersebut. Seperti yang saya nyatakan tadi, sekiranya terdapat apa-apa masalah dalam memperoleh dokumen seperti rekod rayuan yang telah pun hilang sebab kes ini kes lama, dan sebagainya, maka satu affidavit tambahan boleh difailkan selepas permohonan itu difailkan dalam tempoh 90 hari.

Tiada apa-apa, selepas permohonan itu difailkan, perkara ini akan dikendalikan oleh Mahkamah Persekutuan di mana tarikh-tarikh untuk pengurusan kes akan ditetapkan oleh Mahkamah Persekutuan mengikut jadual Mahkamah Persekutuan, dan sebagainya. Pada akhirnya, setelah selesainya pemfailan semua dokumen yang berkenaan, maka satu tarikh pendengaran akan ditetapkan oleh Mahkamah Persekutuan di mana Mahkamah Persekutuan akan membuat keputusan *final*.

Jadi untuk menjawab beberapa soalan yang telah pun ditimbulkan. Adakah terdapatnya tempoh untuk Mahkamah Persekutuan menyelesaikan pendengaran semakan ini? Tiada sebarang tempoh. Itu bergantung pada jadual Mahkamah Persekutuan yang secara kebiasaannya akan menetapkan tarikh-tarikh pengurusan kes. Mungkin tiga atau empat, tarikh pengurusan kes untuk membolehkan semua dokumen yang diperlukan difailkan supaya pendengaran itu dapat dijalankan dengan lancar.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli telah pun bertanya berkenaan dengan program-program yang disediakan oleh pihak penjara untuk tujuan

pemulihan banduan-banduan. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, 30 tahun ini merupakan satu tempoh untuk mencari jalan yang baharu bagi banduan-banduan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Penjara sedang melaksanakan beberapa program pemulihan yang terdiri daripada empat fasa iaitu:

- (i) fasa orientasi;
- (ii) fasa pengukuhan sahsiah;
- (iii) fasa kemahiran; dan
- (iv) fasa pra bebas.

Dalam usaha untuk memperbaiki dan membina semula fizikal, mental, sikap, akhlak dan rohani berasaskan nilai murni dalam proses pengintegrasian semula kepada masyarakat melalui lima elemen teras pemulihan iaitu KASIH ataupun, dengan izin, *Knowledge, Attitude, Skills, Intelligence and Humanity*. Selain itu, beberapa program dalam komuniti juga turut dilaksanakan seperti parol, pembebasan berlesen, Program Reintegrasi Penghuni (PRP) iaitu merupakan usaha-usaha untuk membentuk platform yang terbaik kepada para banduan untuk diterima semula dalam masyarakat.

Untuk menjawab soalan tadi berkenaan parol yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad di mana soalan yang telah ditanya adalah berkenaan dengan parol.

Untuk makluman Yang Berhormat, parol itu bukannya semua kes jenayah, banduan mempunyai hak untuk parol. Ada beberapa kesalahan di mana parol tidak dibenarkan iaitu di bawah *Schedule 4*, Akta Penjara ataupun *The Prison's Act*. Ini merupakan satu perkara yang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan pada masa ini. Oleh sebab parol itu sekiranya dibenarkan, pertamanya perlu dipertimbangkan oleh Lembaga Parol ataupun *Parole Board*. Mereka akan membuat keputusan sama ada kes itu adalah sesuai untuk dibenarkan parol di mana tempoh penjara akan dikurangkan.

Jadi, ini juga boleh menyumbang kepada kekurangan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *prison congestion. It can lead to an ease of prison congestion and overcrowding of prisons*. Jadi isu parol tersebut juga merupakan satu isu yang kami sedang pertimbangkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Judiet binti Fidilis @ Noraini binti Idris telah pun bertanya beberapa soalan. Pertamanya, sama ada kuasa semakan ini oleh Mahkamah Persekutuan hanya merupakan ataupun bersifat sementara, *whether it's temporary in nature*, dengan izin.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, dalam kita mempunyai 1,312 kes di mana setengah daripada banduan-banduan tersebut telah pun menghabiskan proses kehakiman mereka ataupun *the judicial process*. Dalam kes-kes tersebut mereka berhak untuk pergi ataupun membuat permohonan balik ke Mahkamah

Persekutuan. Mahkamah Persekutuan perlu menghabiskan kes tersebut dalam masa yang mungkin munasabah.

■1530

So, adakah kuasa kehakiman ini adalah sementara? Memang ia adalah sementara sehingga penyelesaian kesemua kes. Apabila satu permohonan dibuat, selepas itu tiada lagi permohonan boleh dibuat. *That's only one opportunity to do so* dalam 90 hari yang ditetapkan dalam rang undang-undang ini.

Juga ditanya bahawa bagaimanakah pesalah akan mendapat tahu tentang undang-undang baharu ini sekiranya mereka akan diberi peluang untuk membuat permohonan. Dalam isu ini, kami akan bekerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia untuk memastikan bahawa kesemua banduan yang sedang menghadapi hukuman mati dimaklumkan berkenaan dengan undang-undang baharu ini dan diberi peluang untuk membuat permohonan.

Banyak soalan telah pun ditimbulkan tadi berkenaan dengan sokongan daripada segi kewangan yang akan diberi oleh kerajaan untuk banduan-banduan ini. Seperti yang saya katakan tadi juga Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa cadangan yang akan dibuat iaitu banduan yang tidak berkemampuan yang memerlukan bantuan guaman boleh mendapatkan bantuan tersebut dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dengan kerjasama Majlis Peguam Malaysia. Sudah tentunya kementerian atau kerajaan akan menyelaras perkara ini untuk memastikan semua banduan mempunyai representasi apabila permohonan mereka diterima pada masa depan.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad telah pun bertanya, berapa ramaikah daripada segi statistik warganegara Malaysia, dan warganegara bukan Malaysia yang menghadapi kes-kes yang membawa kepada hukuman mati?

Untuk makluman Yang Berhormat, rekod saya menunjukkan bahawa daripada 1,312 orang banduan, 826 merupakan warganegara Malaysia, manakala 483 merupakan warganegara bukan Malaysia.

Beberapa soalan lain yang ditimbulkan Tuan Yang di-Pertua adalah, sama ada secara daripada segi logistik sama ada terdapat hakim ataupun cukup hakim di Mahkamah Persekutuan untuk mendengar kes-kes ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, beberapa kes dalam senarai 1,312 tersebut telah pun habis *judicial process* mereka tetapi ada juga yang masih dalam peringkat perbicaraan ataupun di peringkat rayuan sama ada di Mahkamah Tinggi, mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Persekutuan.

Bagi tertuduh-tertuduh dalam kes-kes tersebut, undang-undang baharu ini akan terpakai untuk kesemua mereka. Akan tetapi, untuk kes-kes iaitu sebahagian kes lain, *judicial process* itu telah pun berakhir, maka hanya satu cara untuk mendapat *review of the mandatory*

death penalty, dengan izin Tuan Yang di-Pertua iaitu, untuk pergi balik melalui satu permohonan ke Mahkamah Persekutuan.

Saya percaya ada memang secara administratif maka Mahkamah Persekutuan akan menguruskan hakim-hakim untuk mendengar. Saya percaya ada bilangan Hakim yang mencukupi untuk mendengar kesemua kes yang perlu dibuat permohonan di Mahkamah Persekutuan. Ini merupakan satu perkara administratif yang akan diuruskan oleh Mahkamah Persekutuan sendiri.

Saya ingin menambah di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa seperti yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan sistem pampasan- sama ada terdapatnya sistem pampasan iaitu mangsa ataupun keluarga mangsa dapat dipampas oleh seorang pesalah.

Seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, terdapat peruntukan di bawah seksyen 426, Kanun Acara Jenayah yang membolehkan keluarga mangsa mendapatkan Perintah Pembayaran Kos Pendakwaan dan juga pampasan. Saya percaya bahawa perkara ini boleh diamalkan dengan lebih luas pada masa depan untuk membolehkan isu pampasan ini diberi kepada keluarga mangsa.

Berkenaan dengan isu *prison overcrowding*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, memang isu ini merupakan satu isu yang cukup penting. Jumlah- bilangan mereka ataupun banduan di dalam penjara pada masa ini memang lebih daripada kapasitinya di negara ini. Kementerian dan kerajaan ini memang sedang mengambil langkah untuk mempertimbangkan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah *prison overcrowding* ini.

Sekiranya kita lihat kepada rang undang-undang ini, kepada mereka yang telahpun menjalani hukuman yang agak lama, ada kemungkinan besar sekiranya hukuman mati mereka dikurangkan kepada satu tempoh 30 tahun ke-40 tahun, ada kemungkinan mereka juga akan dibebaskan dalam masa terdekat. Ini kerana, mereka telah dipenjarakan agak lama. *So, all that will probably be taken into account*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga telah pun menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa diskaun satu pertiga secara kebiasaannya diberi- untuk kes-kes jenayah juga akan diberi dalam kes-kes iaitu hukuman mati itu dikurangkan kepada satu tempoh pemenjaraan. Jadi, setelah mengambil kira pengurangan-pengurangan ini, *there will come a time when they will be release*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi untuk mengurangkan *prison congestion* saya rasa ada perlu untuk kami memperkenalkan cara-cara yang baharu, yang tidak secara semestinya melibatkan rang undang-undang ini tetapi melibatkan banyak isu yang lain. Kami berharap bahawa undang-undang baharu akan diperkenalkan pada masa depan untuk menangani masalah tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli bertanya berkenaan dengan kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan- sama ada ia akan dimasukkan

dalam bajet tahunan. Bagi perkara ini, kos akan diperincikan dengan Kementerian Kewangan kelak.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail juga bertanya ataupun membangkitkan soal berkaitan bantuan kepada keluarga mangsa.

Saya ingin maklumkan bahawa keluarga mangsa boleh mendapat bantuan daripada pelbagai pihak termasuklah NGO, juga CSO dan badan keagamaan yang sentiasa bersedia untuk keluarga mangsa dalam keadaan-keadaan yang seperti ini. Ini mungkin ada berkaitan juga dengan isu pampasan di bawah seksyen 426 yang telah pun saya bangkitkan tadi.

■1540

Juga persoalan yang berkaitan dengan pembunuh bersiri- *serial killers* telah pun dibangkitkan tadi di mana telah pun dicadangkan bahawa permohonan semakan rayuan tidak perlu untuk kes-kes seperti itu.

Secara dasarnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk menghapuskan hukuman mati mandatori. Maksudnya, hukuman mati itu masih wujud seperti yang saya telah pun katakan sebelum ini. So, untuk kes-kes yang tertentu seperti mungkin kes-kes pembunuhan kejam, bersiri dan sebagainya ini boleh diambil kira oleh mahkamah untuk menjatuhkan hukuman mati atau tidak. *So, it is a discretionary, it is discretion of the court*, dengan izin.

Juga, ada beberapa persoalan yang ditanya berkenaan dengan sama ada selepas Mahkamah Persekutuan membuat keputusan sama ada keputusan itu boleh dirayu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, permohonan yang boleh dibuat ke Mahkamah Persekutuan ini merupakan satu permohonan sahaja. Maksudnya tiada *avenue* untuk merayu keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut setelah keputusan itu dibuat. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan dalam kes-kes yang tertentu, mungkin satu permohonan di bawah *Rule 137*, mungkin dapat dibuat tetapi *it is a very limited, dengan izin, and narrow situation for that rule to applied*.

Akan tetapi, untuk menjawab persoalan sama ada satu keputusan Mahkamah Persekutuan itu dapat dirayu, jawapannya adalah tidak. *It cannot be appeal against*. Walau bagaimanapun, seorang banduan itu masih mempunyai peluang untuk membuat permohonan ke Lembaga Pengampunan setelah keputusan itu diberi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah pun menjawab semua persoalan yang ditimbulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir pun begitu.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Ya dan saya ingin mengambil peluang seperti saya ambil tadi untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pembahas yang menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 5** jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) (Datuk Armizan bin Mohd Ali) dan diluluskan]

USUL

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M 78(5)

3.47 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 78(5), maka Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan Negara DN.4 Tahun 2023 hendaklah diterima dan dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Usul dibentangkan bagi menambah baik urusan perjalanan Majlis Mesyuarat Dewan Negara selaras dengan semangat dan pelaksanaan kaedah semak dan imbang yang berkesan di antara badan Eksekutif Kerajaan dan Badan Perundangan Legislatif dalam negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen.

Ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara terdiri daripada:

- (i) Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim sebagai Pengerusi;

- (ii) Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew;
- (iii) Yang Berhormat Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong;
- (iv) Yang Berhormat Senator Dato' Ajis bin Sitin;
- (v) Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang;
- (vi) Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai; dan
- (vii) Yang Berhormat Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin maklumkan bahawa Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat telah bersetuju ke atas 42 cadangan pindaan substantif Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, dan sebahagian daripadanya merupakan peruntukan peraturan Mesyuarat baharu.

Jawatankuasa turut memutuskan untuk membenarkan Setiausaha Dewan Negara selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 75, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara meminda perkara-perkara yang tidak substantif melibatkan kesilapan-kesilapan kecil yang bersifat editorial seperti kesalahan ejaan, tatabahasa, dan penggunaan bahasa-bahasa lapuk.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, Majlis Mesyuarat Dewan Negara Parlimen Kelima Belas telah menyediakan Penyata DN.4/2023 dan telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat pada Isnin, 10 April 2023.

Senarai lengkap dan perincian mengenai pindaan-pindaan yang telah dipersetujui adalah seperti di Lampiran di dalam Penyata tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan kelulusan pindaan ini, hasrat Dewan Negara yang berperanan dan berfungsi secara signifikan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dapat dizahirkan, dan seterusnya dapat memantapkan tata kelola, disiplin dan nilai legislatif dalam kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara demi pengukuhan institusi Parlimen secara keseluruhannya.

■1550

Berdasarkan huraian di atas, saya mohon mencadangkan supaya Penyata Jawatankuasa ini diterima dan di persetujui. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dapatkan sokongan?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-tugas Khas) [Datuk Ugak anak Kumbong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ialah Usul oleh Yang Berhormat Menteri itu terbuka untuk dibahaskan. Sekiranya ada Yang Berhormat ingin berbahas, dibenarkan, namun sukacita saya nyatakan bahawa Usul tadi telah dipersetujui secara prinsip oleh semua pihak, dan ia merupakan hal yang penting dan memerlukan perhatian kita semua untuk meluluskan Usul tersebut.

Usul tersebut telah diperbuat di bawah Peraturan Mesyuarat 78(5) seperti yang disebutkan tadi, dan suka saya menyatakan peruntukan tersebut. Sesiapa Ahli setelah mengeluarkan Pemberitahu sekurang-kurangnya dua hari terlebih dahulu, boleh mencadangkan dalam Majlis supaya Penyata Jawatankuasa Pilihan itu diterima.

Setakat itulah dapat kita nyatakan penghargaan, dan saya juga ingin memaklumkan kepada Majlis ini bahawa cadangan pindaan terhadap Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara ini telah diteliti dan dipersetujui di Peringkat Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara yang telah saya dan rakan-rakan usahakan, dan diadakan dalam beberapa siri mesyuaratnya.

Lantaran itu, wajarlah sekiranya ia dapat dipersetujukan sebulat suara bagi menzahirkan peranan Dewan yang mulia ini selaras dengan semangat dan pelaksanaan kaedah semak dan imbang yang berkesan di antara badan eksekutif dan badan legislatif dalam negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen.

Sekarang saya kemukakan masalah berkenaan kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan itu maka tercatatlah satu sejarah bagi Dewan ini yakni kedudukan peraturan mesyuarat yang telah kita pakai berdekad-dekad itu, pada hari ini bolehlah dianggap sebagai berkuat kuasa mengikut tahap dan lunasnya buat masa-masa akan datang... *[Tepuk]*

Suka saya menyatakan juga bahawa antara peruntukan-peruntukan yang dimuatkan di bawah usaha tersebut memberi ruang yang lebih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada kerajaan untuk melunaskan juga perkara-perkara yang sebelum ini agak samar-samar. Bersama-samalah kita lihat bagaimana keberkesanannya dan saya yakin bahawa nas dan juga inti pati dalam pindaan-pindaan itu memenuhi syarat dan kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat yang selama ini telah menyuarakannya.

Saya teruskan Ahli-ahli Yang Berhormat- bahawa pada petang ini berakhirlah Mesyuarat Dewan Negara bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas, Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Pada kesempatan ini saya bersama-sama Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, dan juga Yang Berhormat Dato' Kesavadas mengucapkan

berbanyak-banyak terima kasih atas keprihatinan, penglibatan, serta sumbangan minda Ahli-ahli Yang Berhormat ketika mengemukakan persoalan, berhujah mahupun semasa membahaskan isu dalam suasana harmoni.

Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang telah memenuhi janji mereka untuk hadir menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dimajukan dalam Dewan yang mulia ini... *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini telah pun meluluskan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan Rang Undang-undang Perbekalan 2023 dengan jayanya, di samping 12 lagi rang undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh 14 hari persidangan kesemuanya.

Dalam tempoh persidangan ini juga, umat Islam menjalani ibadah puasa dan Majlis bersidang secara terus tanpa berhenti rehat pada jam 1 tengah hari, seperti biasa.

Dewan Negara yang mulia ini turut ditangguhkan bagi merundingkan perkara tertentu yang berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan selaras dengan Peruntukan Mesyuarat 17(1), dan Mesyuarat 17(2) berkenaan pengeluaran lanjut simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh pencarum bagi kegunaan segera dengan tujuan menampung pelbagai belanja yang mendesak.

Terima kasih jua saya ucapkan kepada Setiausaha Dewan Negara, Ketua Pentadbir Parlimen dan semua pegawai serta kakitangan Bahagian Pengurusan Dewan Negara dan Parlimen atas kesungguhannya yang diperlihatkan bagi menjayakan sesi Dewan kali ini.

Ada sebahagian daripada pandangan yang harus saya suarakan di sini dan pertamanya ialah berkaitan dengan naskhah sahih Bahasa Kebangsaan bagi undang-undang di tanah air. Semoga bahasa khusus dan bahasa yang diiktiraf sebagai bahasa Parlimen dan bahasa pindaan undang-undang ialah Bahasa Melayu. Justeru, undang-undang seperti *Penal Code* yang disebut sebagai Kanun Keseksaan serta *Criminal Procedure Code* (CPC) atau Kanun Prosedur Jenayah serta Perlembagaan Persekutuan masih dalam bahasa Inggeris.

Oleh itu, usaha haruslah dilancarkan supaya sekurang-kurangnya ketiga-tiga undang-undang ini dapat versi yang sahih dalam Bahasa Kebangsaan supaya apa yang dianggap sebagai testimoni ataupun tanda bukti besar kepada perjuangan nasional dapat kita daftarkan menerusi usaha itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada Ahli-ahli dan semua pegawai yang bakal menyambut hari raya Aidilfitri tidak berapa lama lagi, Dewan ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Semoga kita- semua diberikan kerahmatan sepanjang bulan Ramadan ini, dan diberikan kegembiraan sebaik menjelang 1 Syawal nanti.

Suka saya merangkapkan... *[Berpantun]*

*Orang Daik pulang ke Daik,
Sampai di Daik ditiup taufan;
Di hari baik bulan pun baik,
Yang terbaik ialah bermaaf-maafan... [Tepuk]*

Buat Ahli-ahli Yang Berhormat yang pulang dan mahu bercuti bersama keluarga, jagalah keselamatan diri dan juga keluarga masing-masing. Kita berharap dan berdoa semoga dua akta perjuangan kita bersama yakni Akta Perkhidmatan Parlimen, dan juga Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952, dengan sokongan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, harap dizahirkan kepada Dewan ini secepat mungkin. Oleh sebab kita telah pun meluluskan Usul berkaitan dengannya pada bulan Oktober yang lalu lagi. Dengan harapan itulah maka kita julang perjuangan kita sebagai anggota pendukung kepada Dewan tertinggi yakni *The Upper House of Malaysia...* [Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, begitulah penyampaian, dan bertemu kita lagi dalam suasana dan keadaan mendatang.

Terima kasih buat semua, dan selamat pulang kepada keluarga tercinta. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Sebagai penutupnya bahawa, sesi dan Majlis Mesyuarat Dewan Negara ditangguhkan hingga satu tarikh yang akan ditetapkan nanti.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.00 petang]